

**Bil. 23**

**Rabu  
14 Julai 1999**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT KEDUA**

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN</b>	(Ruangan 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1999	(Ruangan 15)
<b>USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Dari pada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan 70)
<b>UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:</b> Keadaan Sekolah-sekolah di Sebauh, Bintulu dan Niah, Miri, Sarawak. - <i>Y.B Tuan Chiew Chiu Sing</i>	(Ruangan 70)
Krisis Sekolah-sekolah Tamil - <i>Y.B. Tuan M. Kulasegaran</i>	(Ruangan 72)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)

- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

Yang Berhormat Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)

- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

## Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)

Yang Berhormat Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

## Yang Berhormat Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Salamat
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah Riduan bin Rahmat

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Nora'ini binti Hetam Miskiah binti Hassan Rosnani binti Ahmad Noor Effarizan binti Mat Satib Nurziana binti Ismail
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat:	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
--------------------	---	---

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**Rabu, 14 Julai 1999**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan adakah pihaknya bercadang bagi menambahkan pengeluaran permit teksi kepada orang ramai. Nyatakan jumlah permit yang telah dikeluarkan kepada individu, syarikat swasta serta persatuan-persatuan pemandu teksi di Bandaraya Kuala Lumpur.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan ada memberi permit kepada individu. Dari jumlah 13,644 lesen teksi yang telah dikeluarkan, 462 lesen diberi kepada individu dan bakinya diberi kepada 667 buah syarikat. Sejak tahun 1995 lesen-lesen hanya diberi kepada lapan buah syarikat yang menunjukkan prestasi perkhidmatan yang cemerlang agar ianya menjadi contoh kepada syarikat-syarikat lain dengan syarat-syarat berikut. Syarat-syarat yang mereka perlu patuhi ialah:

- (i) mempunyai pengurusan yang profesional, mencarum kepada KWSP dan SOCSO;
- (ii) membiayai 50% perubatan, perbelanjaan perubatan, memberi cuti rehat tidak kurang 12 hari setahun;
- (iii) menghantar pemandu untuk mengikuti kursus pemandu;
- (iv) menyediakan dengan percuma dua pakaian seragam setahun; dan
- (v) menyediakan perlindungan insurans diri dan lain-lain lagi.

Kerajaan telah memberhentikan pemberian permit kepada individu kerana terdapat kelemahan-kelemahan yang wujud dalam sistem pemberian kepada individu kerana mereka tidak dapat meningkatkan tahap perkhidmatan mereka dan kualiti di dalam perkhidmatannya.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah dan akan memberi permit kepada individu melalui syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kesatuan-kesatuan dan koperasi mereka.

**Dr. Lee Chong Meng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Pada tahun 1980-an Persatuan Pemandu Teksi Wilayah Persekutuan dapat 50 permit daripada kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi selepas itu 50 permit telah pun diambil oleh ahli-ahli jawatankuasa anak syarikat itu. Tetapi pada masa kini adakah kementerian bercadang untuk menarik balik teksi daripada syarikat itu untuk ditawarkan balik kepada Persatuan Pemandu Teksi di Wilayah Persekutuan ataupun adakah kementerian bercadang untuk mengeluarkan permit baru kepada Persatuan Pemandu Teksi

di Wilayah Persekutuan kerana beliau telah mengadu kepada saya tentang isu ini selama lima tahun. Sekian, terima kasih.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Bukan hanya kepada Yang Berhormat mereka pun telah datang berjumpa dengan saya dan perbincangan telah dibuat tentang kes ini. Sebenarnya persatuan telah membuat kesilapan kerana menyerahkan hak milik permit tersebut kepada ahli-ahli mereka. Serah menyerah ini dibuat secara legal dan kita tidak boleh menarik balik permit tersebut kerana penyerahan itu telah dibuat dengan persetujuan Lembaga sendiri.

Walau bagaimanapun, mereka bolehlah membuat permohonan baru kepada kementerian dan insya-Allah akan dapat dipertimbangkan.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar parti-parti komponen diberikan permit teksi? Jika benar, apakah parti-parti yang mendapat tender yang mengurus dan bilangan permit yang dikeluarkan? Sekian.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Kurang jelas soalan itu, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila ulang Yang Berhormat.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Apa ini, parti-parti komponen Barisan Nasional.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Permit-permit dikeluarkan kepada pengusaha-pengusaha dan individu dan tidak kepada parti-parti komponen Barisan Nasional.

2. **Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah benar punca kelewatan pembinaan Lebuhraya Pantai Timur yang diswastakan kerana ketidakupayaan syarikat MMC dari segi kewangan. Jika benar kenapakah penswastakan ini tidak diserahkan kepada syarikat lain. Jika tidak mengapakah pembinaannya masih tidak dimulakan.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Hulu Terengganu yang dijadualkan esok 15 Julai kerana ianya menyentuh perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Baik.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kelewatan pembinaan Lebuhraya Pantai Timur adalah disebabkan masalah kewangan yang dihadapi oleh syarikat konsesi iaitu Projek Lebuhraya Pantai Timur Sdn. Bhd. ataupun PELITA dengan ringkasnya dan bukannya Malaysia Mining Corporation (MMC).

Sehingga hari ini PELITA belum lagi dapat membuktikan kepada kerajaan keupayaannya dari segi kewangan bagi membolehkan projek-projek tersebut dimulakan. Bukti kemampuan kewangan daripada syarikat konsesi adalah perlu sebagaimana yang disyaratkan dalam perjanjian konsesi bagi memastikan syarikat berkenaan tidak akan mengalami masalah aliran tunai semasa pelaksanaan projek dan bagi mengelakkan daripada projek tersebut tergendala.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan belum lagi bercadang untuk menyerahkan projek ini kepada syarikat lain kerana syarikat konsesi yang sedia ada sedang berusaha untuk mendapatkan sumber kewangan bagi melaksanakan projek berkenaan. Di samping itu kerajaan sedang dalam proses berunding semula dengan syarikat konsesi berkenaan bagi mencari jalan yang terbaik bagi mempercepatkan

pelaksanaan projek ini. Ini adalah kerana kerajaan sentiasa prihatin dengan tuntutan semua pihak agar Projek Lebu Raya Pantai Timur sepanjang 338 kilometer dapat disegerakan.

**Dr. Ramli bin Taib:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Projek ini terlampau lama ditangguhkan tetapi sambil kita tunggu lebu raya yang tidak kunjung tiba, tidakkah kementerian bercadang untuk melebarkan jalan-jalan utama. Saya hendak sebut di sini 'very specific' iaitu laluan daripada Pelabuhan Kuantan ke Airport Kuantan, yang keduanya laluan dari Karak – Temerloh, kawasan-kawasan ini jalannya terlampau sempit, selekoh yang banyak dan tidak boleh memotong. Saya ingin bertanya kenapakah laluan-laluan ini tidak dilebarkan dan diperbaiki? Tidakkah kerajaan bercadang untuk membaikinya.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana dalam soalan yang dikemukakan mungkin salah satu jalan yang disebutkan termasuk juga dalam persimpangan bertingkat dan sebagainya. Dan kalau ia termasuk dalam jalan raya yang sepatutnya menjadi tanggungjawab Kerajaan Pusat, sepatutnya ia program pembaikan ataupun pembinaan. Terima kasih.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya merasa hairan sebab ketidakupayaan dari segi kewangan oleh syarikat konsesi telah diambil sebagai satu sebab kita menangguhkan kerja ini. Bukankah kerajaan telah puas hati dengan keupayaan sesuatu syarikat sebelum kita beri konsesi kepada satu-satu syarikat untuk menjalankan kerja ini dan sama ada Kerajaan Negeri Pahang dan Negeri Terengganu, akan diberi peranan dalam projek ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Konsesi telah ditandatangani pada bulan September tahun lepas di mana Syarikat PELITA telah diberi tanggungjawab untuk mengendalikan projek ini sebagai syarikat konsesi yang diamanahkan dan soal penglibatan pihak-pihak lain dalam mengendalikan projek ini terserah kepada pihak PELITA untuk merundingkan sama ada mahu bagi kerja, package dan sebagainya kepada syarikat-syarikat dari Pahang ataupun Terengganu yang berminat untuk melaksanakan sebahagian daripada projek-projek yang dilaksanakan. Terima kasih.

3. **Dr. L. Krishnan [Telok Kemang]** minta Menteri Pertanian menyatakan bilangan anjing, kucing, kambing dan lembu yang diuji bagi virus Nipah, jumlah yang didapati positif bagi virus Nipah dan jumlah yang telah dimusnahkan.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, daripada 387 sampel anjing yang telah diuji, 57 di antaranya didapati positif. Bagi kambing pula 70 sampel diambil dan diuji dan didapati dua disahkan positif. Sebanyak 24 sampel darah kucing telah diuji, satu didapati positif. Kesemua haiwan yang positif ujian untuk virus Nipah telah dimusnahkan. 128 sampel darah lembu telah diambil dan sedang diuji di Center of Disease Control Atlanta. Kajian dan ujian masih terus dijalankan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu memandangkan binatang-binatang ini adalah 'household pets' kebanyakannya. Apakah tindakan yang kerajaan akan buat dan ambil supaya 'household pets' ini yang kita kenal pasti adalah beberapa yang kita tahu ada virus Nipah yang banyak di rumah kepunyaan rakyat di Malaysia ini. Macam mana kerajaan boleh menolong mereka supaya penyakit ini tidak akan menjangkiti pemilik anjing-anjing dan kucing-kucing ini.

Baru-baru ini, di Ipoh Society for Prevention of Cruelty of Animals (ISPCA) telah memusnah semua anjing dan kucing kebelakang ini dalam tempoh satu minggu kerana 100% binatang dikatakan dijangkiti penyakit virus Nipah dan mereka enggan

mengambil 'household pets' ke tempat sedemikian. Ini sangat menakutkan rakyat Malaysia kerana ia tidak dilaporkan di mana-mana surat khabar dan saya difahamkan perkara ini sangat serius, bukan sahaja di Ipoh tetapi di banyak tempat yang lain. Dalam keadaan ini apakah tindakan, apakah syor kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jelaskan daripada 387 hanya 57 sampel sahaja yang didapati daripada anjing dan begitu juga kambing ataupun kucing - 24 hanya dapat satu. Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat kata 100%, itu saya rasa maklumat itu sehingga ini tidak ada pada kita.

Yang penting untuk pengetahuan Yang Berhormat, yang kita ambil tindakan ini ialah kawasan-kawasan yang didapati virus ini membiak sekitar dua kilometer sahaja. Misalnya, di Negeri Sembilan iaitu di sekitar dua kilometer dari kawasan wabak. Jadi, kalau di luar dari kawasan itu mana-mana pihak yang mencurigai, maka mereka boleh membawa ke Jabatan Haiwan dan kita boleh mengambil sampel-sampel darah untuk diuji.

Jadi, saya rasa janganlah kita terlalu takut ataupun membuat ramalan-ramalan sedangkan apa yang saya jelaskan tadi ialah berdasarkan sampel yang diambil dan didapati bahawa tidak sebagaimana dakwaan yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Jadi saya tidak hendaklah bahawa kita menakut-nakutkan tetapi sebaliknya kita terbuka. Siapa sahaja yang curiga ternakan mereka, anjingkah, kucingkah dijangkiti virus ini, maka bawalah ia ke Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Minta soalan tambahan. Saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bahawa ekor dari jangkitan virus Nipah ini berapa bilangan babi telah dimusnahkan seluruh negara dan juga jumlah pampasan yang telah diberikan dan pampasan akan diberikan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 Jun 1999 kita telah musnahkan sebanyak 1,071,631 ekor babi dan dijangka akan kita beri pampasan ataupun sumbangan untuk ternakan-ternakan yang dimusnahkan ialah sebanyak RM50.79 juta. Ini bermakna, yang telah pun kita bayar ialah sebanyak 90 penternak, 85 penternak dari negeri Perak dan 5 penternak dari negeri Melaka. Sejumlah RM9.028 juta yang telah kita bayar.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat kita merasa begitu berterima kasih kepada syarikat-syarikat yang telah menyumbangkan. Kita telah menerima sumbangan sebanyak RM52.336 juta sehingga ini dari 272 syarikat dan juga badan-badan berkanun yang lain iaitu termasuk dua yayasan dan syarikat-syarikat awam. Jadi ini menunjukkan bahawa rakyat kita terlalu peka kepada masalah yang sedang dihadapi.

Jadi, saya bagi pihak kementerian mengucapkan terima kasih kepada semua penyumbang-penyumbang yang telah dapat meringankan masalah yang dihadapi.

*[Soalan No. 4 – Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat] tidak hadir].*

5. **Puan Rohani binti Haji Abd. Karim [Santubong]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah pendekatan dan formula baru dalam sistem pendidikan negara untuk memantapkan pelajar dalam bidang akademik dan vokasional supaya sistem lebih berkesan dan berkualiti sebagai wadah persediaan menjelang alaf baru akan datang.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Pendidikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa mementingkan pemantapan pelajar dalam bidang akademik dan vokasional supaya sistem pendidikan negara sentiasa berkesan dan berkualiti tinggi sebagai persediaan menjelang alaf baru. Antara pendekatan yang diperkenalkan termasuk memperkenalkan dan memperluaskan bidang-bidang pengajian yang berkaitan dengan teknologi maklumat semua peringkat pengajian dan memperkenalkan bidang-bidang pengajian baru seperti reka cipta, kejuruteraan reka bentuk, aeroangkasa dan sebagainya.

Di samping itu, kurikulum di setiap peringkat pengajian sentiasa dikaji, dinilai dan dikesan supaya sentiasa relevan dan menepati kehendak-kehendak semasa dan masa hadapan dan sentiasa mengekalkan tahap kualiti yang tinggi.

6. **Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan beapakah jumlah peruntukan yang ditetapkan bagi negeri Sabah untuk tujuan membasmi kemiskinan, khasnya di kalangan rakyat termiskin bagi tahun 1998 dan 1999. Sila beri pecahan peruntukan mengikut jenis program/projek yang dibiayai.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin sejumlah RM17.3 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan pelbagai program pembasmian kemiskinan terutama bagi golongan termiskin bagi negeri Sabah untuk tahun 1999. Bagi tahun 1998 pula, sejumlah RM8.7 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan program di bawah PPRT. Program-program tersebut meliputi Program Penyediaan Infrastruktur, Kemudahan Sosial, Kegiatan Ekonomi dan Perubahan Sikap. Di samping bantuan makanan untuk kanak-kanak sekolah. Program-program dengan terperinci dan jumlah yang diperuntukkan senarainya adalah panjang, saya akan sampaikan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya pada keseluruhannya apakah syarat-syarat kelayakan yang dikenakan kepada sasaran ataupun target komuniti yang ditujukan projek-projek pembangunan ini. Seterusnya adakah fahaman politik itu ataupun keahlian dalam parti kerajaan itu menjadi wajib sebagai syarat kerana laporan di peringkat kawasan adalah senarai-senarai yang perlu dibantu, ditapis oleh parti-parti kerajaan? Sekian, terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah beberapa kali membentangkan di Parlimen ini beberapa syarat yang membolehkan seseorang itu layak masuk dalam daftar PPRT dan saya rasa tidak perlu saya ulangkan itu lagi kerana pada pandangan saya matlamat soalan Yang Berhormat bukan hendak tahu apakah syaratnya. Sebenarnya dia menyindir bahawa Barisan Nasional adalah pilih kasih mengenai program ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini, kementerian dalam menjalankan PPRT ini tidak memilih apa pandangan politik, bangsa, agama ataupun kawasan. Yang penting kita memang berusaha untuk menyelesaikan masalah ini. Oleh itu kita ada beberapa program yang khusus untuk masyarakat dan bagi kita, kita tidak memilih sama ada khususnya di Sabah sama ada keluarga itu dari PBS ataupun dari BN, semua ditolong. Tetapi kita harap selepas ditolong orang PBS ada bersyukur sedikit dengan bantuan dari Kerajaan Barisan Nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jelebu.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semenjak skim PPRT ini dilaksanakan adakah ianya dapat mengeluarkan sejumlah yang

besar masyarakat ataupun penduduk daripada kategori termiskin yang sebenarnya. Saya ingin bertanya setakat hari ini berapakah jumlah sebenar mereka ini yang terkeluar daripada garis kemiskinan di bawah program PPRT ini dan adakah perbelanjaan dan peruntukan setiap tahun yang diberikan kepada negeri-negeri itu dapat dibelanjakan secermat-cermatnya dan dapat mencapai maksud kementerian Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih, Yang Berhormat. Mengikut senarai yang kita ada dalam pelaksanaan program PPRT ini dalam tahun 1991 sehingga sekarang saya tidak ada angka yang tepat. Tetapi sebahagian besar, lebih kurang 50,000 keluarga telah dikeluarkan dari senarai PPRT sehingga tahun 1998 dan kita percaya ramai lagi akan keluar dari senarai ini kerana kementerian dari masa ke semasa mengubahsuaikan program-program yang kita jalankan untuk mengatasi masalah kemiskinan ini. Misalnya dahulu kita menjalankan projek secara kecil-kecilan dan diberi kepada keluarga tertentu, kita mendapati program yang itu tidak berapa berkesan. Maka tahun lepas kita mula menjalankan program komersial yang besar yang mendapat pulangan yang tetap dan pendapatan yang sustainable. Dengan program itu kita telah menjalankan beberapa program, kita yakin ramai lagi penduduk rakyat termiskin dapat dikeluarkan dari senarai termiskin. Begitu juga FELCRA yang telah membantu dalam program ini dan beberapa jumlah rakyat termiskin masuk dalam senarai ini. Jadi kita yakin program ini adalah berkesan.

Mengenai perbelanjaan, setakat ini kita berpuas hati dengan perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh beberapa negeri. Walaupun kita ada beberapa masalah di beberapa negeri tetapi ianya tidak begitu teruk sekali.

7. **Datuk Dr. Haji Kamal bin Salleh [Wangsa Maju]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan untuk menangani dan membalas laporan dan penganalisan-penganalisan negatif media asing tentang negara Malaysia dan usaha-usaha pemulihan ekonomi. Apakah kerajaan berpuas hati dengan kesan pelaksanaan langkah-langkah ini.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri menerusi perwakilan Malaysia di luar negeri telah mengambil beberapa langkah yang proaktif dan berterusan untuk menangani dan membalas laporan dan penganalisan negatif media asing tentang negara dan usaha-usaha pemulihan ekonomi kita. Di antara langkah-langkah yang telah kita ambil ialah memberi taklimat dan penerangan tentang-tentang isu-isu politik dan langkah-langkah pemulihan ekonomi oleh kerajaan kepada kumpulan sasaran seperti pemimpin kerajaan, ahli-ahli politik, perniagaan dan juga akademi di samping pihak media sendiri.

Kementerian dan perwakilan Malaysia juga sering menulis surat kepada pengarang akhbar untuk menjawab dan menjelaskan perkara yang sebenar apabila terdapat laporan atau penganalisan yang tidak tepat atau negatif mengenai Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu perwakilan Malaysia di negara tertentu juga menerbitkan risalah atau news letter secara tetap dan diedarkan kepada kumpulan sasaran termasuk kepada pelajar-pelajar Malaysia untuk memaklumkan tentang dasar-dasar kerajaan dan perkembangan yang berlaku di Malaysia.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat selanjutnya, kerajaan juga telah mengatur program melawat Malaysia untuk pengarang dan wartawan-wartawan asing dalam usaha memberi gambaran dan penjelasan yang sebenar tentang perkembangan dan pembangunan negara. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan setakat ini nampaknya telah memberi kesan yang positif. Maklum balas yang diterima pada perwakilan Malaysia sejak

kebelakangan ini menunjukkan bahawa media asing dan badan-badan tertentu mula memahami tindakan Kerajaan Malaysia terutamanya di dalam menangani masalah ekonomi dan kewangan. Laporan-laporan yang kritikal atau negatif terhadap Malaysia juga nampak berkurangan.

Sukacita saya memaklumkan bahawa usaha-usaha menyampaikan maklumat dan memberi penerangan mengenai dasar dan tindakan kerajaan merupakan aktiviti yang berterusan dan tidak hanya setakat tindak balas terhadap sesuatu kejadian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teluk Intan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri senaraikan di antara berita-berita negatif yang dikatakan telah disebar di luar negeri. Apakah dan siapakah yang memutuskan bahawa berita-berita ini adalah berita negatif dan memerlukan pihak kita untuk menjustifikasikan bahawa cerita yang lain adalah di negara ini dan adakah dalam perkara ini pihak-pihak kerajaan telah menghantar pegawai-pegawai yang bebas untuk menerangkan situasi yang betul?

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya menyenaraikan semua berita itu saya mengambil bahagian dalam menyebarkan akhbar-akhbar negatif itu atau pandangan-pandangan negatif itu. Walau bagaimanapun kita memang ada kriteria dan cara kita menganalisis berita-berita atau penulisan-penulisan, artikel-artikel oleh media asing dengan cara kita melihat bandingan kita dari segi objektif dan subjektif mengenai kepentingan negara kita. Kementerian Luar Negeri memang tanggungjawabnya ialah mempertahankan kepentingan negara kita iaitu nasional interest and national benefit. Mana-mana perkara yang kita rasakan bahawa tidak memberikan kesan yang baik dan tidak menggalakkan perkembangan dan pembangunan dasar-dasar kita atau pemulihan ekonomi kita kita memang menganggapnya sebagai negatif dan kita mengambil tindak balas terhadap perkara seperti ini.

Saya katakan tadi bahawa selain dari kedutaan-kedutaan kita di luar negeri, kita juga ada agensi-agensi lain, kementerian-kementerian kewangan dan kementerian penerangan dan sebagainya juga mengambil bahagian dalam menyebarkan dan ini adalah satu kolektif proses dalam kita menentang pihak-pihak yang tidak senang dengan dasar-dasar kita dari segi dasar dalam negeri dan juga dasar kewangan atau fiskal policy kita.

Jadi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita memang sentiasa menafikan bahawa media-media yang tidak begitu memihak atau ada agenda-agenda mereka tersendiri dalam memberikan penganalisaan yang tidak menggalak kepada negara kita.

Tadi saya ada juga menyebutkan bahawa kebanyakan masalah yang timbul dahulu ialah kurangnya komunikasi atau maklumat dari wilayah-wilayah tertentu di mana kita memanggil atau menjemput wartawan-wartawan termasuk pengarang akhbar yang kanan untuk mendapat maklumat dari kita. Dengan mata mereka sendiri melihat perkembangan dan keadaan sebenar yang wujud dalam negara kita. Dari itulah kesannya kita nampak adalah jelas ada kesannya pada masa kini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teluk Intan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Peraturan Mesyuarat 23(4). Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab soalan saya, kerana saya dengan

khusus telah senaraikan apakah berita-berita negatif. Kita pergi ke sini ke sana tetapi tidak menjawab soalan yang saya tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Dia kata di sini, unless of public interest, ini boleh disenaraikan atau mungkin tidak ada dengan dia atau tidak tahu jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, biasanya kita dalam soal jawab ini apabila dijawab oleh pihak kerajaan, jawapan itu adalah kita terima, kalau itu benar atau tidak, itu lain perkara. Kita tidak boleh meminta dia jawab, kecuali kalau dia tidak jawab semua sekali Yang Berhormat. Ya, Wangsa Maju.

**Seorang Ahli:** Tambi, belajar lagilah!

**Dato' Haji Dr. Kamal bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan betapa perlunya kita proaktif dan juga melaksanakan program outreach dalam bidang maklumat untuk mereka yang berkepentingan di luar negara, dapatkan kita cadangkan kerajaan menempatkan pegawai-pegawai penerangan mungkin daripada Kementerian Penerangan sebagai information attaché supaya mereka dapat mengkhusus kepada isu menangani media dan juga lain-lain kepentingan di negara tertentu yang mempunyai perwakilan yang besar dan penting bagi kita.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas cadangan Ahli Yang Berhormat itu. Memang kita berusaha sekarang atau mengkaji semula struktur-struktur di mana, dahulunya kita memang ada information attaché dari Kementerian Penerangan dimasukkan bersama dengan kedutaan kita tetapi sekarang kita telah menyelaraskan supaya ia terus langsung di bawah Kementerian Luar Negeri.

Pada masa kini kita telah membuat keputusan bahawa kita menyatukan proses penerangan ini di bawah Kementerian Luar Negeri dan juga seterusnya memperkuat lagi struktur bahagian ini dalam Kementerian Luar Negeri dan pada masa kini semua penerangan dan kegiatan yang saya sebut dalam jawapan saya tadi adalah diusahakan dari bahagian yang specifically atau khususnya untuk mengatasi masalah ini.

8. **Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) mengapakah dengan penswastaan sektor-sektor hospital, kos-kos seperti kos operasi telah meningkat empat kali ganda dari sebelumnya; dan
- (b) dalam situasi begini, apakah justifikasi dan rasional untuk mengkorporatkan hospital-hospital.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada:

- (a) Pada masa sekarang hospital kerajaan tidak diswastakan. Oleh yang demikian tidak timbul persoalan peningkatan kos operasi selepas penswastaan.
- (b) Cadangan pengkorporatan hospital-hospital kerajaan adalah bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada orang ramai. Kerajaan akan memastikan bahawa pelaksanaan cadangan pengkorporatan tersebut

tidak akan membebankan orang ramai khususnya golongan yang miskin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerima laporan daripada daerah-daerah di mana orang ramai tidak mendapat rawatan oleh kerana tidak cukup ubat, tidak cukup hospital. Ini kita bimbang soalan-soalan yang dibangkitkan oleh pembangkang ini, seolah-olahnya kerajaan tidak bertanggungjawab memberikan khidmat kesihatan kepada orang ramai. Saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada laporan yang kita terima daripada mana-mana pihak, mereka pergi ke hospital, mereka tidak dapat ubat ataupun tidak dapat perkhidmatan seperti yang diperlukan termasuk daripada pembangkang dari Teluk Intan.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebagai satu langkah mengelakkan masalah yang dihadapi dalam kutipan tol atau kenaikan tol, saya hendak bertanya sama ada kementerian bercadang untuk menjalankan satu kajian untuk mendapat maklum balas daripada orang awam tentang kepuasan perkhidmatan hospital dan berkenaan dengan bayaran yang mungkin dinaikkan sekiranya hospital sudah dikorporatkan.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang saya sebutkan sebentar tadi, kerajaan hanya bercadang untuk mengkorporatkan perkhidmatan di hospital kerajaan, bagaimanapun kajian dibuat secara terperinci oleh kementerian beserta dengan Unit Perancang Ekonomi.

Oleh yang demikian, kementerian pada ketika ini tidak dapat menyatakan berkaitan dengan kos rawatan dan sebagainya. Yang penting, kerajaan akan memastikan supaya orang miskin akan terus diberi perhatian termasuk pesara-pesara tidak akan dinafikan kemudahan-kemudahan kerajaan yang telah pun mereka terima. Ertinya walaupun dikorporatkan orang miskin yang tidak mampu, masih lagi dapat rawatan percuma seperti yang ada pada ketika ini dan pandangan daripada orang ramai memang sentiasa kita alu-alukan. Laporan-laporan yang kita dapati disiarkan dalam akhbar ataupun mereka yang menghantar terus kepada kementerian, semua cadangan ini diambil kira oleh kementerian di dalam menimbangkan untuk mengkorporatkan hospital kerajaan. Tempohnya belum lagi ditentukan kerana kita terpaksa mengkajinya secara terperinci, kajian ini telah pun dibuat sejak tahun 80-an, sampai sekarang pun kerajaan belum putus lagi kerana yang penting bagi kita supaya kedudukan orang ramai khususnya yang miskin akan terus mendapat perkhidmatan yang baik seperti yang ada pada hari ini.

9. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan statistik tentang jumlah insiden pili bomba yang berdekatan dengan tempat kebakaran tidak dapat digunakan untuk pemadaman api bagi tahun 1997, 1998 dan suku pertama 1999. Apakah sebab-sebab kejadian sedemikian. Apakah tindakan yang diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Bomba dan Penyelamat pada masa ini tidak mempunyai statistik tentang jumlah insiden pili bomba yang berdekatan dengan tempat kebakaran tidak dapat digunakan untuk pemadaman api bagi tahun-tahun yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, pihak jabatan ada membuat pemeriksaan bulanan bagi menyenaraikan jumlah pili bomba rosak dan perlu diperbaiki. Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, angka-angka jumlah pili bomba yang didapati rosak ialah pada tahun 1997 – 408 buah, pada tahun 1998 – 687 buah dan pada tahun 1999 – 805 buah.

Sebab-sebab kejadian tersebut adalah berkaitan dengan kerja-kerja pelebaran jalan yang masih tidak diuruskan dengan baik, penggunaan pili bomba oleh orang awam dengan cara yang tidak betul ketika masalah tiada air dan pili bomba yang sudah terlalu lama.

Tindakan-tindakan yang telah dilakukan bagi mengatasi masalah tersebut dengan membuat pembaikan terhadap pili bomba yang rosak meminta kerjasama daripada Jabatan Bekalan Air untuk mengawasi kerja-kerja penyenggaraan, meminta pihak yang bertanggungjawab yang terlibat dengan kerja-kerja pembinaan supaya mengawasi kerja-kerja tersebut yang tidak akan menjejaskan pili bomba dan mengadakan program 'anak angkat' pili bomba. Dalam program ini, 'bapa angkat' pili bomba akan bertindak menjaga, membersihkan dan memastikan pili bomba di bawah jagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga, Ketua Pengarah atau pegawai yang diberikan kuasa boleh mengeluarkan kompaun tidak melebihi RM500 berdasarkan kepada Akta Perkhidmatan Bomba 1988 terhadap mereka yang bertanggungjawab menjejaskan fungsi pili bomba. Sekian.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu apakah badan yang sebenarnya bertanggungjawab untuk menyenggarakan pili bomba ini, kadang-kadang kami melaporkan kepada Jabatan Bomba, mereka kata itu pihak berkuasa air yang menjaga, kalau kita hubungi pihak berkuasa air, dia kata Jabatan Bomba yang jaga, yang mana satu yang benar-benar menjaganya.

Dan lagi ada dua jenis pili bomba, satu jenis adalah bulb nya di bawah tanah dan satu jenis lagi adalah di atas kepala pili bomba itu. Mengapa kerajaan tidak mahu menggunakan bulb yang ada di atas pili bomba itu kerana kebanyakan kerosakan atau tidak boleh berfungsi oleh kerana ditutup dengan tanah dan berkarat dan tidak boleh dibuka.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanggungjawab untuk memperbaiki pili bomba ini memang di atas bahu orang yang merosakkan pili bomba ini seperti saya sebutkan tadi, masalah pembinaan kerja baru kerana pili bomba itu kena dipindahalih kepada tempat yang sesuai. Oleh sebab itu maka pihak yang bertanggungjawab untuk pembinaan jalan itu haruslah mengeluarkan peruntukan yang secukupnya untuk mengambil alih pili bomba yang berkaitan dan yang mengganggu kerja mereka.

Berkenaan dengan pili bomba yang baru itu, pihak pemaju perumahan perlu peruntukan wang yang mencukupi untuk melaksanakan kerja-kerja membina pili bomba yang baru kepada kawasan-kawasan perumahan yang ada. Ini sebab pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat tidak ada peruntukan untuk mengadakan pili bomba yang baru, ini adalah tanggungjawab pihak mereka yang membuatkan kerja jalan, mengadakan kawasan perumahan baru dan sebagainya.

Pili bomba yang rosak itu memang yang lama dan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat memang mempunyai kuasa dan juga tanggungjawab untuk memperbaikinya seperti yang saya sebutkan tadi dan dengan adanya angka-angka yang kita sudah kenal pasti, kita akan memperbaikinya dengan langkah yang kita dapati iaitu di mana kita setiap tahun bagi kawasan-kawasan Jabatan Bomba atau Balai Bomba yang berdekatan itu yang menjaga pili bomba tersebut, dengan peruntukan yang sedia ada kita akan cuba memperbaiki mana-mana pili bomba yang telah dirosakkan tetapi kita tidak dapat mengenal pasti siapa yang merosakkan pili bomba tersebut.

Mengenai dua jenis pili bomba itu memang betul, ada sejenis yang di bawah tanah. Pada masa sekarang dasarnya memang cara untuk pembinaan pili bomba ini

memang kita gunakan cara di mana pili bombanya adalah di atas tanah dan tidak di bawah tanah dan saya rasa jenis yang di bawah tanah itu adalah jenis pili bomba yang lama, yang baru ini memang di atas tanah di mana pili bomba itu senang dijaga, senang diawasi oleh sesiapa sahaja yang berdekatan dengan pili bomba tersebut suapaya mereka tidak melanggar pili bomba itu dengan kenderaan atau salah menggunakan pili bomba tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, saya ingat jawapan itu terlalu panjang, kita beralih kepada soalan yang seterusnya.

10. **Tuan Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:-

- (a) sejauh manakah artifak sejarah dan budaya dapat dieksploitasi untuk menarik minat pelancong; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mempertingkatkan kedatangan pelancong ke negara kita.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sedang melaksanakan beberapa kajian yang di antaranya seperti kajian pelancongan muzium, arkib dan galeri dan kajian pelancongan, dengan izin, head hunters thrill Sarawak dan melaksanakan pembangunan seperti pembangunan muzium serta mempertingkatkan promosi dan pemasaran di samping mewujudkan infantri dalam usaha menonjolkan artifak sejarah dan budaya bagi tujuan menarik minat kedatangan pelancong.

Bagi memantapkan lagi usaha-usaha ini, kerajaan sedang merancang untuk membangunkan jejak-jejak sejarah yang terdapat di seluruh negara dengan mengekalkan keaslian suasananya supaya dapat dialami oleh pelancong dan dengan demikian dapat menarik lebih ramai lagi kedatangan mereka.

- (b) Di antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mempertingkatkan kedatangan pelancong ke negara ini termasuklah promosi yang memberi penumpuan kepada pasaran yang dapat memberi pulangan segera seperti negara China, Hong Kong, Taiwan, India dan Timur Tengah serta mengadakan papan tanda-papan tanda dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Jepun dan Cina selain dari bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.

Selain daripada itu, mempertingkatkan perkhidmatan pelancong yang lebih mesra dengan penonjolan budaya Malaysia, menyediakan pusat-pusat maklumat di tempat-tempat yang strategik, menyediakan brochure mengenai tempat-tempat destinasi pelancongan dan diedarkan di tempat-tempat yang strategik yang mudah diperolehi oleh pelancong.

Kementerian juga mengambil tindakan memperkukuhkan peranan dan fungsi organisasi pelancongan, mempertingkatkan pembangunan produk, mempelbagaikan lagi kegiatan dan acara pelancongan, membangunkan tenaga manusia dalam bidang pelancongan, mempergiatkan promosi dan pemasaran di dalam dan di luar negara, membangunkan infrastruktur dan kemudahan asas pelancongan, membangunkan IT pelancongan dan mempermudah assesbiliti melalui proses pengeluaran visa secara serta merta di pintu-pintu masuk utama ke negara ini.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada kementerian bahawa orang Malaysia ataupun kementerian sendiri khususnya, apabila kata pelancong dia fikir 'mat salleh' dari Eropah dari England dan berbagai lagi. Apakah usaha yang dibuat untuk pelancong-pelancong dalam negeri, kerana semasa saya di England [*Sorak*] orang-orang di England sendiri melancong pergi ke negeri sendiri seperti pergi Brighton, pergi Lake District and many other places, dengan izin [*sorak*]. Kenapakah ini tidak diperkuatkan dan dikhususkan kerana saya amatlah sedih kerana orang miskin nampak tak melancong langsung. Menteri lama dahulu ada buat banyak, tetapi ini menteri baru ini. [*Ketawa*]

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada membuat promosi untuk mendapatkan lebih ramai pelancong luar negara datang kita juga menekankan kepada pelancongan domestik dan di antara usaha-usaha kita ialah bekerjasama dengan negeri-negeri dan mewujudkan tahun melawat negeri-negeri tertentu dan ini berterusan. Di samping itu kita juga mengadakan promosi-promosi untuk melawat negara kita sendiri. Malah kita juga berusaha untuk mempengaruhi ejen-ejen pelancongan untuk mewujudkan banyak lagi pakej-pakej pelancongan dalam negeri dan kementerian juga sedang berusaha untuk mengemukakan laluan-laluan dan tempat-tempat menginap untuk hujung minggu di sekitar tempat-tempat pelancongan yang berdekatan dengan Kuala Lumpur supaya rakyat warga kota, rakyat Kuala Lumpur boleh pergi ke tempat-tempat ini.

Oleh yang demikian adalah tidak benar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kementerian tidak menekankan kepada pelancongan domestik, malah kita sentiasa menekannya supaya lebih kurang rakyat kita ke luar negeri kerana kalaulah usaha untuk menarik lebih ramai lagi pelancongan luar negara datang tetapi lebih ramai juga rakyat kita ke luar negeri, hasilnya daripada pendapatan pelancongan tidak bertambah. Oleh yang demikian, pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa kita tidak menekankan kepada pelancongan domestik itu saya rasa kurang tepat. Terima kasih.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri Besar Negeri Kelantan satu masa dulu pernah membuat kenyataan bahawa mana-mana pelancong yang datang ke Kelantan dan memakai pakaian yang menjolok mata akan diberi pakaian kain pelikat atau kain batik. Jadi saya hendak tanya adakah peraturan ini telah dilaksanakan di Kelantan, kalau belum adakah Yang Berhormat setuju bahawa kerajaan PAS ini cakup tak serupa bikin?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa secara keseluruhan kerajaan PAS memang cakup tak serupa bikin, saya memang bersetuju benar, bukan sahaja dalam segi pelancongan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kita tidak dapat menerima laporan daripada pelancong sama ada pelancong luar negeri ataupun pelancong domestik yang terpaksa menggunakan pakaian yang diberi oleh kerajaan Kelantan untuk menukar pakaian mereka yang sedia ada, belum kita terima laporan lagi. Jadi mungkin kenyataan itu adalah satu gahnya sahaja, saya rasa gahnya sahaja. Terima kasih.

11. **Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) apakah status usaha menyelesaikan isu CLOB pada masa kini; dan
- (b) pihak manakah yang telah diberi mandat untuk menyelesaikan perkara ini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, KLSE dan Malaysian Central Depository (MCD) tidak mempunyai hubungan terus dengan pelabur CLOB dan adalah menjadi tanggungjawab bursa saham Singapura dan CPD untuk menyelesaikan masalah ini iaitu dagangan saham di CLOB yang telah dihentikan pada 15 September 1998.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini beberapa pihak swasta telah mengumumkan minat masing-masing untuk menyelesaikan isu saham-saham CLOB. Antaranya ialah Syarikat Effective Capital Sdn. Bhd., Syarikat Fund Bhd., Bintang Melewar Sdn. Bhd., Telekom Malaysia Bhd. dan United Engineers Malaysia Bhd. Terpujanglah kepada kerajaan Singapura dan pelabur-pelabur CLOB untuk menimbangkan cadangan-cadangan tersebut.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri Singapura mengatakan bahawa kerajaan Malaysia telah lalai bila isu ini mula-mula muncul tidak mengambil tindakan untuk menyelesaikan perkara ini, maka kerajaan Singapura ingin mengambil tindakan undang-undang dan adakah benar bahawa kerajaan tidak ingin penyelesaian ini terjadi dengan cepat kerana berbilion ringgit share yang akan dijual dan akan dimasukkan di KLSE dan seterusnya harga saham yang sedia ada akan jatuh. Adakah itu sebab kerana kerajaan tidak ingin mengambil bahagian untuk menyelesaikan perkara ini.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, memang Malaysia telah mengumumkan bahawa saham-sahamnya pada masa itu dikeluarkan dari penyelarai di Bursa Saham Singapura iaitu pada 1hb. 1990 awal lagi, tetapi SES kemudiannya telah menubuhkan CLOB dengan sendirinya tanpa persetujuan daripada Malaysia dan beberapa permintaan telah dilakukan oleh BSKL semenjak tahun 1990 secara rasmi atau tidak rasmi untuk meminta supaya SES menghentikan dagangan saham CLOB yang tidak pernah diiktirafkan oleh Malaysia. Dan pada 31 Ogos Malaysia telah mengumumkan beberapa langkah yang antara lainnya ialah merangkumi perkara-perkara seperti urus niaga saham syarikat penzahiran baru dan dagangan luar pasaran, penjelasan dan pembayaran penyimpanan sijil saham dan pengeluaran saham yang menyebabkan urus niaga saham Malaysia di CLOB mustahil untuk diuruskan. Itu bukanlah kita sengaja hendak berbuat demikian tetapi apabila kita mengambil langkah-langkah untuk mentastabilkan keadaan ekonomi kita itu, CLOB itu terjatuhlah dalam lingkungan ini dan telah dihentikan.

Bagi Malaysia, CLOB adalah pasaran saham yang haram dan tubuhkan semata-mata untuk menjadi sumber pendapatan bagi SES. Kewujudan CLOB telah menimbulkan masalah bagi KLSE untuk mengawasi manipulasi pasaran dan urus niaga dalaman, jualan singkat dan lain-lain aktiviti haram di pasaran saham. Jadi saya haraplah Yang Berhormat dengarlah apa yang saya katakan itu dan janganlah dengar cakap ejen Singapura.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Minta sedikit soalan tambahan. Ini ada kaitan soalan daripada wakil DAP, nampaknya macam dia hendak memperjuangkan abang dia dari Singapura, PAP, sebab dalam isu ini kita mesti memperjuangkan hak-hak negara. Saya tidak tahulah sebab dia punya nyanyi dan lagu itu macam ada lirik yang sama.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ucapan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini seperti kata Dato' Timbalan Menteri mengatakan tadi, bahawa CLOB ini, minta sedikit ulasan dan jawapan dari Dato' Timbalan Menteri, dibuat haram, dibuat untuk kepentingan mereka dan seperti yang kita tahu telah digunakan untuk short-selling. Short-selling itu ada kaitan dengan menggunakan wang kita sendiri dan memberikan interest yang tinggi di Singapura 45%, makna agenda mereka.

So, saya hendak bertanya dengan desakan ini, kononnya hendak membawa kita tindakan undang-undang, adakah kerajaan akan tunduk kepada mereka ini. Sebab mereka yang salah, mereka yang buat untuk kepentingan mereka, mengapa kita korbakan kepentingan kita. Ini sepatutnya Teluk Intan ini sokong kita, bukan sokong abang dia di sana.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ini hendak ulasankah?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Itu saya hendak minta pandangan Dato' Timbalan Menteri ini.

**Tuan M. Kulasegaran:** Perlu saya jawab? Saya sedia kalau dibenarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, cukuplah.

**Seorang Ahli:** You mahu bawa keluar Teluk Intan daripada Malaysiakah?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini, makan cili, dia merasa pedas. Saya hendak minta penjelasan. Adakah kita akan tunduk kepada desakan mereka. Kita mesti menjaga kepentingan kita, saya minta sedikit pengesahan pada Timbalan Menteri.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan tidak akan tunduk kepada pihak kerajaan Singapura. Sebagai satu contoh, isu CLOB ini adalah satu isu berasingan daripada isu-isu dua hala yang lain tetapi pihak Singapura sengaja hendak bawa isu ini sebagai satu daripada isu dua hala itu, tetapi Malaysia tidak tunduk kepada permintaannya.

12. **Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan memandangkan negara Malaysia banyak perubahan struktur muka bumi disebabkan oleh pembangunan yang pesat, adakah kementerian menyiapkan pemetaan semula jarak muka bumi negara Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak dan nyatakan sejauh mana penghakisan pantai-pantai di Semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak.

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]:** Jabatan Ukur dan Pemetaan telah melaksanakan proses pemetaan semula jarak muka bumi negara Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak mulai tahun 1983 di mana semua unit ukuran ditukar daripada ukuran imperial kepada ukuran metrik.

Mulai tahun 1991 proses pemetaan semula dibuat sekali lagi apabila teknologi pemetaan dengan bantuan komputer diperkenalkan. Menggunakan teknologi komputer segala data pemetaan disimpan dalam bentuk digital dan dijadikan pangkalan data topography dan cartography kebangsaan. Dari pangkalan data tersebut peta-peta bercetak (printed maps) juga turut dihasilkan. Sehingga ini kemajuan yang dicapai untuk peta digital ialah 28% bagi Semenanjung Malaysia dan 10% bagi Sabah dan Sarawak.

Dalam masa yang sama pengemaskinian peta bercetak sentiasa dilakukan bagi memastikan maklumat yang digambarkan pada peta tidak terlalu berbeza dengan keadaan

rupa bumi kawasan berkenaan. Pada dasarnya kekerapan pengemaskinian peta diasaskan kepada tiga kategori kawasan seperti berikut:-

- (i) Kawasan bandar yang pesat membangun. Kawasan yang dikenal pasti adalah meliputi bandar-bandar besar yang pesat membangun seperti Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur, Lembah Klang, Johor Bahru, Kuching, Miri, Kota Kinabalu dan Labuan. Kekerapan pengemaskinian peta adalah setiap tiga tahun sekali secara berterusan.
- (ii) Kawasan membangun. Kawasan yang dikenal pasti adalah meliputi bandar-bandar yang lain dan semua kawasan pertanian. Kekerapan pengemaskinian peta adalah setiap lima tahun sekali secara berkitar.
- (iii) Kawasan kurang membangun. Kawasan yang dikenal pasti adalah meliputi semua kawasan yang tidak ditakrifkan dalam kedua-dua kategori. Kekerapan setiap sepuluh tahun sekali secara berkitar.

Walau bagaimanapun, kadar pemetaan semula sesuatu kawasan tertakluk kepada keupayaan jabatan dan keutamaan pemetaan yang ditentukan oleh jabatan. Di samping itu, keperluan pengguna termasuk ahli-ahli Jawatankuasa Pemetaan dan Data Special Negara juga negara diambil kira dalam menentukan keutamaan bagi pengemaskinian peta.

Tentang hakisan tanah, data yang diberi oleh Kementerian Pertanian adalah seperti berikut:-

Kira-kira 29% atau 14000 km dari jumlah jarak pantai di Malaysia iaitu sepanjang 4,809 km sedang mengalami hakisan. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:-

- (i) Jarak pantai di Semenanjung Malaysia 1,972 km.
- (ii) Jarak pantai yang mengalami hakisan ialah 1,029 km.
- (iii) Jarak pantai di Sabah 1,743 km.
- (iv) Jarak pantai yang mengalami hakisan 295 km.
- (v) Jarak pantai di Sarawak 1,035 km.
- (vi) Jarak pantai yang mengalami hakisan 45 km.
- (vii) Jarak pantai di Wilayah Persekutan Labuan 59 km.
- (viii) Jarak pantai yang mengalami hakisan 31 km.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.4 dan 13 hingga 64 akan dijilid dalam buku yang berasingan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 1999

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". [13 Julai 1999]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Bagan, sambung.

**11.05 pagi**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyambung perbahasan rang undang-undang tersebut. Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak dikatakan dalam pemindaan rang undang-undang ini telah saya katakan, cuma saya ingin menambah sedikit berkenaan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh industri pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti semalam apa yang saya telah kata bahawa pihak polis, JPA dan Alam Sekitar masing-masing ada kuasa untuk menahan dan menyaman pengusaha-pengusaha lori dan antara satu kesalahan ialah mengeluarkan asap hitam yang terlampau. Mengikut aduan persatuan industri lori dan bas, mereka mendakwa bahawa diesel yang dipakai di Malaysia ini mungkin kandungan sulfur adalah terlalu tinggi dan saya berharap Kerajaan Malaysia boleh bekerjasama dengan syarikat-syarikat minyak supaya meneliti atau mengkaji aduan ini dan satu cadangan juga, pada masa sekarang pengusaha-pengusaha lori dan bas, mereka banyak memakai prime mover atau bas, van atau lori yang terpakai yang diimport di negara asing kerana mereka tidak mampu membeli prime mover lori, van atau bas yang baru.

Saya cadangkan supaya kerajaan boleh menggalakkan pengusaha-pengusaha industri ini dengan mengurangkan import duty dan lain-lain galakan supaya boleh menggalakkan pengusaha-pengusaha industri ini memakai kenderaan yang baru demi untuk keselamatan dan juga lain-lain hal yang bersampingan.

Tuan Yang di-Pertua, juga saya ingin melaporkan bahawa terdapat anggota-anggota penguatkuasa yang datang dengan tiba-tiba untuk menahan dan menyekat kenderaan-kenderaan dan anggota penguatkuasa ini tidak memakai uniform dan saya berharap kerajaan boleh melarang kegiatan ini kerana apabila kita ditahan oleh anggota yang tidak berpakaian uniform kita tidak tahu dia, sama ada anggota polis yang tulen atau perompak.

Tuan Yang di-Pertua, juga terdapat banyak rompakan (hijacking) di atas jalan raya dan kadang-kadang pemandu kenderaan juga dibunuh kerana menentang perompak-perompak ini dan diharapkan pihak berkuasa boleh menjalankan rondaan yang lebih rapi dan lebih kerap untuk mencegah hijacking atas lori dan barangan yang dicuri.

Tuan Yang di-Pertua, saya pasti Kementerian Pengangkutan ada Bahagian Keselamatan Jalan Raya dan di bandar-bandar utama iaitu di Kuala Lumpur saya nampak ada lorong khas untuk motosikal tetapi di lain-lain bandar seperti di Pulau Pinang, Butterworth, dan Ipoh tidak terdapat lorong khas untuk motosikal. Jambatan Pulau Pinang adalah sebuah jambatan baru dan canggih juga tiada lorong khas untuk motosikal dan sekiranya kerajaan mengkaji mungkin boleh dapat satu angka yang sangat tinggi kerana penunggang motosikal yang terkorban di atas jambatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Butterworth-Kulim Expressway (BKE) ada memperuntukkan lorong motosikal dengan pagar. Ini adalah satu perbuatan yang digalakkan dan sangat dipuji oleh rakyat jelata kerana penunggang motosikal boleh membawa motosikalnya dengan selamat dan tiada gangguan daripada kenderaan-kenderaan yang lain. Tetapi Lebuhraya Utara-Selatan tiada lorong khas atau pagar untuk tujuan ini. Saya berharap kerajaan boleh mendesak Lebuhraya Utara-Selatan juga membuat pembinaan lorong khas terutama sekali dengan pagar supaya penunggang-penunggang motosikal tidak lari keluar untuk mengganggu pengguna-pengguna kenderaan yang lain di atas jalan raya itu.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya juga ada berkata bahawa antara sebab yang menyebabkan kemalangan jalan raya kerana agensi-agensi kerajaan atau kontraktor-kontraktor pembinaan yang menggali jalan dan tidak menutup atau memperbaiki jalan itu dengan sempurna dan ini menyebabkan satu trap maut di jalan raya dan banyak juga terkorban kerana galian lubang di atas jalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendesak supaya anggota polis boleh mengawasi dan mengawal lalu lintas dengan tidak semestinya menjalankan pengawalan secara beramai-ramai kerana jikalau ada seseorang anggota polis sahaja yang duduk atau berdiri di tepi jalan maka pemandu-pemandu kereta boleh menyedari bahawa anggota polis terdapat di sana, jikalau mereka memandu dengan tidak berhati-hati maka mereka boleh disaman atau mungkin boleh dikenakan tindakan. Ini adalah satu psychological effect, Tuan Yang di-Pertua, juga bagi menguatkuasakan penguatkuasa undang-undang. Semalam saya ada menyentuh jikalau terdapat kesalahan jalan raya maka mereka akan dikenakan hukuman markah dan jika sampai ke satu markah yang ditentukan maka lesen mereka mungkin boleh digantungkan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang sedia ada perlu dikuatkuasakan Saya juga ada berkata bas ekspres dan bas pesiaran di mana kerajaan telah menentukan bahawa mereka perlu memasang kota hitam tetapi tarikh penguatkuasanya masih ragu-ragu lagi dan belum ada satu tarikh yang tetap untuk dilaksanakan. Dengan kata-kata itu saya sekali lagi memperingatkan kerajaan bolehlah mengambil kira pandangan-pandangan yang saya beri terutamanya dua perkara yang saya bangkitkan semalam iaitu dengan mengantungkan lesen memandu sebelum mahkamah menghukum atau mensabit mereka dengan kesalahan iaitu perkara nombor 1 dan perkara 2 iaitu Seksyen 109 iaitu dengan mendendakan tuan punya syarikat atau tuan punya kenderaan dalam masa tiga tahun dan telah terlibat tiga kali dalam kemalangan yang teruk didenda sebanyak RM50,000. Sekianlah sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Batang Lupar.

11.15 pagi.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian membahaskan pindaan undang-undang ini dan pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pengangkutan oleh kerana telah berjaya menggunakan beberapa strategi menurunkan kemalangan jalan raya di seluruh negara kerana saya salah seorang daripada Yang Berhormat yang selalu berhubung dengan kementerian untuk meminta data dan statistik. Statistik yang saya terima semenjak tahun 1994 menunjukkan ada penurunan kemalangan jalan raya di seluruh Malaysia.

Kalau kita lihat juga undang-undang yang kita sebutkan ini iaitu undang-undang Akta Pengangkutan Jalan 1987 telah dipinda begitu banyak sekali. Pindaan yang pertama ialah pindaan 1994 berhubung dengan dadah dan alkohol ataupun arak. Pindaan yang kedua iaitu pindaan 1996 juga berhubung dengan prosedur-prosedur am dan juga had-had penggunaan dadah dan arak dalam darah, kencing dan nafas seseorang.

Jadi, kita tidak tahu sama ada pembubaran undang-undang dan penguatkuasaan undang-undang ini telah mendatangkan kesan begitu baik yang menyebabkan penurunan kemalangan di jalan raya. Tetapi walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua kemalangan di Malaysia masih membimbangkan sebagai satu gejala yang amat besar sekali. Bahkan di seluruh dunia statistik menunjukkan iaitu Malaysia adalah di kalangan negara yang banyak berlaku kebinasaan dan kematian akibat kemalangan. Jadi, dengan keadaan yang sedemikian pindaan kementerian ini yang dibawa ke Dewan yang mulia ini pada hari ini adalah sejajar dengan tindakan-tindakan yang telah kementerian ambil semenjak tahun

1994 untuk meminda undang-undang ini untuk memperkuat lagi penguatkuasaan undang-undang di jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat selain daripada gencatan ekonomi pada Julai 1997, kebinasaan dan kehilangan di jalan raya adalah satu malapetaka yang terbesar sekali berlaku di Malaysia. Tidak ada malapetaka yang berlaku di negara ini selain apa yang kita lihat di jalan raya. Beribu-ribu anak muda kita mati pada tahun 1997 – terdapat beberapa ribu anak muda bermotosikal yang berumur di bawah 35 ke bawah mati di jalan raya. Kebanyakan anak muda ini sepatutnya menjadi satu sumber negara yang berguna tetapi telah mati di jalan raya mungkin disebabkan oleh perkara tidak dapat dikesan. Tetapi ternyata sekali 60% daripada mereka ini adalah penunggang-penunggang dan pembonceng motosikal., Maknanya tugas dan tanggungjawab kementerian ini masih berat dan masih banyak lagi strategi yang masih perlu dibuat untuk mengatasi masalah ini supaya dapat menurunkan lebih jauh lagi keadaan kemalangan atau kecelakaan di jalan raya.

Jadi kalau kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, saya ulangkan lagi apa saya pernah sebutkan berkali-kali, di negara sedang membangun dahulu yang sekarang ini telah menjadi negara membangun, dahulu pada masa setelah Perang Dunia Kedua pada tahun 50-an dan 60-an negara macam Jepun, Itali, Perancis dan sebagainya adalah negara yang terbanyak sekali terlibat dalam kemalangan dan tindakan-tindakan susulan mereka untuk mengatasi masalah kecelakaan, kematian di jalan raya pada ketika itu telah mendatangkan kesan yang baik hingga pada akhir tahun 80-an, negara ini telah tidak lagi menjadi satu negara yang mempunyai kecelakaan yang besar di jalan raya.

Jadi, saya percaya pembangunan negara, peningkatan taraf hidup manusia di negara tersebut ada hubungkait dengan kemalangan di jalan raya. Jadi, saya ingat pihak kementerian perlu melihat benda yang bukan fizikal kemungkinan psikologikal ini dilihat dan diatasi juga terutama sekali dari segi pendidikan dan latihan. Bukan sahaja kepada pemandu-pemandu yang akan memandu kereta, motor di jalan raya tetapi juga kepada anak-anak sekolah yang menggunakan jalan raya, orang tua di kampung dan di bandar yang menggunakan jalan raya yang mungkin akan terlibat bukan sahaja jadi pengguna jalan yang akan membunuh orang tetapi juga jadi mangsa dalam kemalangan-kemalangan di jalan raya.

Jadi oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dalam membincangkan undang-undang ini saya akan memberi komen satu persatu persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bagan semalam. Saya tidak setuju sebahagian atau kebanyakan pendapat Yang Berhormat dari Bagan kerana ada salah pentafsiran dan pendapat undang-undang yang dia sarankan di Dewan ini dan saya cuba tolong tetapi dia tak terima. Itulah kadang-kadang manusia kalau kita tunjuk ini putih pun dia kata ini bukan putih, ini hitam kata dia. Jadi walau bagaimanapun, bagi pihak saya, saya akan membuat pembetulan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, soal penguatkuasaan. Penguatkuasaan ini kebanyakan jabatan yang terlibat secara terus soalpenguatkuasaan di jalan raya ialah Jabatan Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan. Pada ketika ini mereka membuat kerja dengan kuat, banyak tugas, bahkan tidak mengirakan masa, tidak mengirakan ketika, walaupun pada Hari Raya, Tahun Baru Cina, masa Deepavali dan sebagainya mereka ini masih bertugas. Kepada mereka kita juga berterima kasih dan mengucapkan syabas tetapi di sebaliknya itu juga Tuan Yang di-Pertua kita mesti melihat enforcement without strategic, pemikiran sebelum dibuat atau pemilihan dahulu dibuat adalah mungkin tidak mendatangkan kesan yang sebaiknya.

Apa yang sebutkan di sini ialah saya gunakan satu contoh di pekan mana saya tinggal iaitu di bandar Kuching. Saya lihat dalam satu tempat atau kelompok yang kecil sahaja, di bandar Kuching itu sendiri di mana di kawasan jalan raya Satok, tiap-tiap hari Sabtu dan Minggu, hampir 2/3 tempat letak kereta diambil alih oleh orang gerai

mengadakan 'Sunday market' untuk week end. Jadi dengan keadaan sedemikian orang yang datang ke 'Sunday market' itu nanti tidak ada tempat untuk meletak kereta. Jadi banyaklah kereta itu diletakkan di tempat-tempat yang salah. Tempat tidak boleh letak kereta atau no parking area kata orang Kuching kebiasaannya. Jadi dengan keadaan sedemikian penekanan bagi pihak polis ialah untuk menyaman mereka yang datang ke market ini dan menjadi satu pleasure kepada pihak polis untuk memberi notis saman kepada mereka ini. Bahkan kereta-kereta yang disimpan di tempat bukan kawasan letak kereta ini tidak mengganggu orang, tak ada obstruction, tak ada inconvenience dan sebagainya.

Jadi saya cuba berhubung dengan pegawai polis dan pegawai pembangunan majlis untuk memberi satu idea, saya kata, kalau tempat ini sudah diambil 2/3 legal parking spaceny kenapa pula kawasan dahulunya tidak boleh digunakan untuk meletak kereta itu di buat satu time zone di mana waktu pejabat dibuka di tempat itu patut tidak boleh letak kereta dan mungkin masa public holiday dan masa malam hari tempat itu dibolehkan meletak kereta kerana kemudahan masyarakat itu mestilah diperuntukkan juga. Tidak ada tempat lain kalau kita memang jemput orang datang ke tempat itu kita tidak memberi kemudahan kepada mereka, mereka akan letak kereta di mana-mana. Jadi penekanan polis itu ialah kepada orang yang meletak kereta pada tempat illegal parking.

Di sebaliknya pula, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat ada 10 traffic lights yang berdekatan dengan kawasan ini, tak ada pun kita lihat seorang polis jaga orang yang jumping traffic light, orang tak hirau traffic light dan sebagainya yang mendatangkan bahaya kepada pengguna-pengguna jalan raya kerana polis ini semua berduyun-duyun pergi ke kawasan illegal parking kerana ini kerja yang senang. Kerja nak tangkap orang dekat traffic light, yang jumping traffic light, tak hiraukan undang-undang mendatangkan merbahaya kepada pengguna jalan raya ini tidak ditekankan. Ini menunjukkan strategi penguatkuasaan pegawai polis adalah tidak betul kerana budak-budak polis ini yang berpangkat sarjan, koperal dan lans koperal dan konstabel ini tidak memikirkan mendalam sampai ke sana dan di mana pula pegawainya yang digaji besar oleh kerajaan itu.

Jadi pegawai atasan mesti membuat satu strategic enforcement. Jangan tekankan benda remeh-temeh, benda yang public tak complain ini. Gunakan budi bicara dan akal fikiran kita untuk menguatkuasa supaya keberkesanan undang-undang ini boleh didapati.

Jadi keberkesanan penguatkuasaan hendaklah dibuat, dijadikan satu penekanan dan menjadi satu wadah untuk kita memperjuangkan persoalan-persoalan untuk mengurangkan kemalangan-kemalangan di jalan raya. Kalau kita tidak boleh buat macam itu, saya bimbang apa sahaja yang hendak kita buat di Dewan ini, apa sahaja yang difikirkan oleh kementerian tidak mendatangkan kesan yang sepatutnya kita harapkan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membawa perhatian pada pihak kementerian iaitu kita mempunyai beberapa perkara umpamanya mengadakan Majlis Keselamatan Jalan Raya Negara, Majlis Keselamatan Jalan Raya Negeri dan sampai ke Majlis Bandaran, Jabatan Pendidikan dan tiap-tiap jabatan ini telah diberi satu role ataupun tanggungjawab untuk memperbaiki keadaan keselamatan jalan raya. Tetapi Majlis Keselamatan Jalan Raya, Tuan Yang di-Pertua, saya bukan sahaja bercakap, saya pernah menjadi ahli Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia pada tahun 70-an, dan kadang-kadang saya berasa sedihlah kalau ini masih berlaku. Apa sahaja saranan yang dibuat oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya diketepikan sahaja oleh pihak pembina jalan, umpamanya JKR dan Majlis perbandaran. Jadi apa saranan yang dipandang, yang sudah diselidiki, dipertimbangkan sebaiknya oleh pihak Majlis Keselamatan Jalan Raya dan disarankan kepada pihak-pihak tertentu umpamanya Jabatan Kerja Raya, Majlis Perbandaran dan walaupun majlis ini di bawah Kementerian Kerja Raya tidak mengambil endah saranan dan buah pandangan Majlis Keselamatan Jalan Raya ini.

Jadi apakah sebenarnya role Majlis Keselamatan Jalan Raya Negara. Adakah mereka ini berfungsi atau adakah mereka ini hanya nampak setahun sekali menggunakan kempen, distributed pamphlet dan sebagainya ataupun apa? Kalau mereka ini tidak boleh digunakan sebagai satu 'think tank' kepada jabatan-jabatan, kementerian-kementerian yang ada hubung kait dengan keselamatan jalan raya.

Jadi kita mesti melihat semula role-role tiap-tiap orang ini. Begitu juga Majlis Daerah dan Jabatan Kerja Raya. Apabila membuat jalan, oleh kerana saya memang minat dengan soalan keselamatan jalan raya ini, dibuat satu 'fragment' untuk orang jalan kaki. Tetapi 'fragment' yang dibuat untuk orang berjalan kaki ini adalah tempat yang bukan 'pedestrian friendly', dengan izin. Saya hendak sebut macam mana yang saya katakan bukan pedestrian friendly ini susah sikit. Oleh kerana kalau dia ada tiap-tiap jalan itu dia ada buat tempat orang jalan kaki dan selepas itu ada cross-over daripada jalan besar pergi ke rumah orang, daripada cross-over ini orang terpaksa turun daripada curve tepian jalan, menurun kadang-kadang tingginya enam ataupun lapan inci. Selepas cross-over itu dia naik semula ke 'fragment' tempat jalan kaki. Jadi kepada orang macam kita, mungkin kita boleh buat tetapi kepada anak yang di bawah umur 10 tahun, kepada orang tua yang umur lebih 65 tahun kemungkinan dia punya knee sudah tidak berapa sangat hendak turun naik buat macam exercise. Turun naik, turun naik yang pedestrian buat macam itu. Jadi kalau cross-over ini banyak sangat, rumah banyak cross-over ini direct dari rumah terus ke jalan raya. Cross-over itu, jalan raya itu terus macam gunung di sempadan Sarawak-Indonesia. Jadi macam manalah orang hendak berjalan. Jadi orang tidak gunakan 'fragment' itu dia gunakan jalan raya. Jadi inilah masalah merbahaya berlaku di jalan raya kepada orang berjalan kaki kepada diri dia sendiri, kerana dia tidak guna tempat jalan kaki, dia guna jalan raya ini tempat yang lebih friendly pada dia walaupun mendatangkan merbahaya yang amat sangat pada diri dia sendiri.

Jadi pihak majlis bandaran kalau hendak bina jalan untuk orang berjalan kaki mesti binakan tempat pejalan kaki yang friendly. Begitu juga tempat orang menunggang basikal dan motosikal. Ini juga dibuat kalau masa maintenance jalan sama ada jalan raya pihak majlis bandaran pihak majlis daerah ataupun JKR yang buat maintenance jalan raya. Jalan raya untuk kereta ini dia buat baik-baik, yang tempat hala motosikal ini dia biar rumput yang tinggi jalan yang berlubang-lubang dan macam-macam lagi. Jadi motosikal tidak guna sana dia lari ke sini. Jadi tempat ini pun tidak motorcycle friendly. Jadi macam mana orang hendak pakai. Jadi kalau kita hendak paksa orang gunakan satu-satu tempat untuk keselamatan dia sendiri kita kena perbaiki kemudahan itu supaya menjadi friendly kepada penggunaannya. Kalau dia anggap 'saya bayar sewa jalan' kata dia. Saya berhak mendapat jalan yang saya guna dan dikhaskan untuk saya, penekanan daripada pihak-pihak yang berwajib. Kenapa saya mesti diketepikan begini? Jadi dia pergi ke jalan besar untuk mendatang bahaya kepada dirinya dan meningkatkan statistik kerajaan. Sebaliknya menunjukkan apa sahaja tindakan kita di Dewan ini apa sahaja, pemikiran yang dibuat oleh kementerian tidak berkesan oleh kerana di peringkat bawah tidak memikirkan konsep dan falsafah macam mana untuk kita mengelakkan kemalangan jalan raya di negara kita ini.

Begitu juga Kementerian Pendidikan. Sekarang kita mengadakan kelab-kelab di seluruh sekolah, kelab-kelab keselamatan jalan raya. Saya tahu dalam banyak sekolah-sekolah yang saya lawat tidak ada satu pun kelab yang berfungsi. tidak ada polis pun yang melawat, tidak ada orang dari Majlis Keselamatan Jalan Raya pun yang datang melawat ke sekolah itu untuk memberi taklimat dan memberi pengajaran kepada anak-anak ini. Tidak siapa pun orang di pihak yang berwajib ini yang bertanggungjawab ini pergi ke sekolah-sekolah memberi taklimat dan berjumpa dengan pihak-pihak kelab ini.

Kalau tidak kita tunjukkan di mana tugas dan tanggungjawab kita itu walaupun kepada anak muda. Dia memang berasa bangga kalau kita bawa dan tunjuk ini orang kelab

keselamatan jalan raya dari satu sekolah. Kita jemput ada seorang Yang Berhormat ataupun menteri, ataupun tuan daripada JPJ ataupun daripada polis untuk memberi taklimat. Anak-anak ini gembira dan bangga, kebanggaan itu kalau kita eksploitkan untuk mereka memberi satu tugas dan tanggungjawab untuk keselamatan jalan raya. Ini masih perlu kita buat, masih banyak yang mesti kita lihat dan kita punya tindakan dan penerapan kita adalah mesti strategik dan mestilah secara concerted dan menyeluruh. Jangan kita macam polis kadang-kadang Tun, saya minta maaf, saya tahu sendiri perkara ini. Kadang-kadang kalau budak polis yang bertugas di luar ini sama ada konstable, lans koprak ataupun koprak dia kena isi kuotanya kalau dia tidak buat saman sepuluh ataupun dua puluh dalam masa seminggu mungkin ketua dia kata apa 'apa you buat dalam masa ini?'. Melainkan dia boleh buat penjelasan menyatakan saya buat out-rider, saya buat strategic duty mungkin tidak ada buat saman mungkin ada kena maaf. Kalau dia tidak buat saman, dia kena marah. Jadi oleh kerana mengisi kuota ini dia saman siapa sahaja yang difikirkan patut disaman. Tidak kira ini sama ada ini ada contribute kepada keselamatan jalan raya ataupun tidak saman dibuat dan diberi. Jadi orang kata saman banyak, statistik baik tetapi kesan berkurangan.

Kita telah melihat undang-undang jalan raya kita ini, saya pada peringkat ini dengan pindaan yang kita bawa ke dewan ini cukup comprehensive. Pada sebelum 1994 kita tidak ada kalau ambil 1 ml darah tidak ada tunjuk berapa mililiter alkohol containnya, kalau berapa dalam kencingnya dan berapa dalam pernafasannya dikatakan orang itu legally mabuk ataupun legally incapable of controlling keretanya. Jadi sekarang kita sudah ada semua ini. Apa yang tinggal ialah penguatkuasaan.

Yang satu lagi persoalan strategic traffic arrangement. Yang saya sebutkan tadi untuk membina satu jalan raya, kepada orang yang bukan jurutera (civil engineer), dia tidak tahu dia ingat kalau kita hendak bina satu jalan raya pergi daripada Batang Lepar ke Rompin umpamanya dia buat satu traktor bulldog sahaja hutan dan belukar itu. Tidak semudah itu. Dia buat survey, dia buat kira dahulu macam mana sloping gradient, macam mana dia punya curvature, dia punya turning point dan berapa kilometer jalan boleh jalan. Pada masa itu memang dalam design stage, benda itu memang dibuat dengan sebaik-baiknya. Tetapi masa implement stage, masa itulah apabila perkara ini bukan lagi dipegang oleh pihak jurutera yang buat ialah orang pembancuh simen di jalan raya, bukan kuli yang biasa. Tidak pernah tahu pun apa benda design-design ini. Dia tidak tahu. Bila dia buat yang tadi jalan masa dalam Biiik Pemetaan Jabatan Kerja Raya, dia buat kalau sloping jalan itu mungkin 2 percent lepas itu dia punya curvature mungkin 150 degree dan kalau kereta berjalan di situ mungkin boleh dalam 140 kilometer sejam dia tidak akan terbabas, dalam teorinya. Tetapi yang buat jalan di jalan raya ini tidak ada jurutera tidak ada engineer yang buat penilaian. Jadi dia buat sebarang sahaja. Berlakulah apabila kereta ini berjalan 120 kilometer sejam dia terus terbabas, tayar dia lari kerana dia punya sloping itu tidak diikuti sebagaimana diikuti dalam plan.

Jadi pihak JKR, pihak yang bertanggungjawab persoalan jalan raya mesti melihat sendiri, tiap-tiap jalan sloping itu mesti dicheck semula sebelum jalan raya itu diterima pakai, sebelum jalan raya itu diserahkan kepada pihak yang berkuasa. Sebelum kontraktor menerima bayaran penghabisannya, sama ada mengikut spesifikasi dan plan yang asal diterima pakai. Kalau tidak ini juga menjadi satu fakta kemalangan di jalan raya.

Saya sedikit membangkit persoalan, saya lihat dalam undang-undang pengangkutan jalan raya. Apabila ada pentakrifan pemandu, dalam undang-undang ini pemandu maknanya orang yang pada masa itu sedang memandu satu kenderaan motor dan, dalam hal sesuatu kenderaan motor yang tidak bergerak, termasuk orang yang pada masa itu bertanggungjawab memandu kenderaan motor. Ini pindaan pada 1994. Tapi sebaliknya adakah pihak polis yang buat penyelidikan apabila kemalangan berlaku sedar soalan

interpretasi asal daripada tahun 1987 ini telah dipinda pada 1994 dan diguna pakai dan adakah orang telah melakukan kesalahan ini telah dituduh di mahkamah?

Saya membawa perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana dua hari lepas di Jalan Parlimen berlaku satu lori, simpan kereta di tepi jalan, datang dua motor, langgar belakang, dua orang maut, mati. Kalau ditanya dengan polis, tidak ada kesalahan berlaku. Apa yang berlaku ialah lori simpan kereta di tempat tidak boleh simpan, itu sahaja. Masalah dia akan saman, soalan illegal parking dan kalau ada civil claim, penuntut keluarga motosikal ini akan buat tuntutan kepada lori owner ataupun driver dia. Persoalan, adakah orang ini dikatakan pemandu. Sepatutnya, Tuan Yang di-Pertua, orang ini patut dituduh dalam mahkamah apa yang pemandu bawa kereta bergerak boleh dituduh juga, kerana interpretasi ini masuk merangkumi orang yang tidak menjalankan motor bergerak. Makna dia boleh dituduh sebagai memandu kereta dengan merbahaya, tuduh menyimpan kereta dengan bahaya dan sebagainya di bawah seksyen 41, 42, 43, 45 yang kita pinda ini.

Jadi persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, pengetahuan pihak pegawai-pegawai JPJ itu belum mencukupi, belum cukup tahu dengan undang-undang jalan raya ini. Undang-undang, saya Alhamdulillah, Tuan Yang di-Pertua, di library itu cukup pemindaan dia up to date. Jadi pegawai-pegawai ini mesti dikursuskan tiap-tiap masa, bukan dari segi asas macam mana tunggang motor, macam mana dengan kereta dan sebagainya. Undang-undang secara khususnya, tiap-tiap perubahan dan pindaan daripada kerajaan mesti diberitahu dengan pegawai penyiasat, pegawai penguatkuasa dan sebagainya supaya undang-undang ini mendapat keberkesanan kerana undang-undang sini sahaja saya setuju dengan Yang Berhormat dari Bagan.

Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, profesor universiti saya dulu kata very unhappily designed law. Maknanya, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini baik tetapi dia very complex in the situation, mana tidak itulah Yang Berhormat dari Bagan kelam kabut. Dalam seksyen 109 ada takrifan sendiri berhubung dengan apa erti lesen, pada hal yang sepatutnya tiap-tiap takrifan undang-undang ini dimula daripada permulaan undang-undang itu semua takrifan, apa erti menteri, apa erti jalan raya, apa erti lesen dan sebagainya. Ini tidak, di bawah ini beri satu takrifan, di bawah sana bagi satu takrifan yang lain. Jadi, takrifan ini bermacam-macam, ada hubung kait dengan undang-undang lain iaitu undang-undang hal perlesenan jalan raya. Jadi bila dia sebut lesen dalam undang-undang, kalau kita baca satu rangka, sebut lesen dalam undang-undang ini, kita fikir dua macam lesen. Satu, lesen memandu. Yang kedua, lesen kereta ataupun permit, kebiasaannya digunakan oleh orang JPJ.

Jadi, ini telah mengelirukan. Saya setuju kalau soalan mengeliru memang betul, kalau dibaca dengan satu rangka sahaja. Jadi, kalau kita baca sekali tetapi berapa banyak kita akan membaca sekali. Ini termasuk pegawai-pegawai polis, pejawai-pegawai JPJ yang bukan ada latihan sebagai peguam, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ini mendatangkan satu masalah. Undang-undang dipinda, undang-undang dibuat dengan sebegitu rapi tetapi keberkesanannya tidak ada. Oleh kerana ada orang melakukan kesalahan dari segi undang-undang tetapi polis dan pegawai JPJ itu sendiri tidak tahu yang undang-undang telah berlaku dan tidak tahu yang undang-undang telah disalahi.

Saya, kalau dapatlah, Tuan Yang di-Pertua, saya minta pihak kementerian bawa semula, buat satu buku semula bawa pemindahan secara menyeluruh supaya semua rearrange soalan-soalan undang-undang ini, biar definisi secara menyeluruh untuk undang-undang ini dimasukkan muka yang pertama, kedua, ketiga dan seumpamanya supaya orang baca undang-undang, biasa dia baca dalam muka surat itu dia cari takrif dia. Lepas itu baru dia baca, lepas itu dia tahu apa sahaja makna dia, di sini. Inilah dia kerana yang berlaku bukan satu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Umpamanya, saya bagi satu misalan lagi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Di tempat kereta berhenti, dia buat satu lorong ataupun parking bay, panjang dua kereta Mercedes boleh masuk. Dia tulis di atas parking bay itu kata 'Menteri'. Jadi, saya berfikir bukan macam mana pihak bandaran berfikir, tidak macam mana JKR berfikir. Bila saya tengok menteri, saya kata tidak ada Menteri Pengangkutan kerana undang-undang ini mengetahui hanya Menteri Pengangkutan, bukan menteri. Makna dia menteri state, mesti federal tidak boleh simpan kereta di sana, illegal parking. Undang-undang ini hanya mengetahui iaitu Menteri Pengangkutan. Takrifan dia menteri di jalan raya di tulis di atas jalan raya ini ialah Menteri Pengangkutan Jalan sahaja yang boleh simpan kereta di sana, menteri lain tidak boleh.

Jadi, saya kata macam itu bolehlah saya simpan. Bila saya simpan kena saman. Ha! dia memang bangga, polis bangga, "saya sudah saman Yang Berhormat", kata dia. "Tengok, I'm a great man, I saman Yang Berhormat". "Tak apalah", saya kata, "samanlah, you jalankan tugas". Saya tulis surat tiga muka. Saya kata, "saya minta polis bawa saya ke mahkamah, tetapi kalau polis kalah saya akan tuntutan balik, buang masa saya, sebab ini perkara yang salah", saya kata. Takrif menteri dalam Undang-undang Pengangkutan Jalan ialah Menteri Pengangkutan, bukan menteri lain, menteri lain tidak ada hak, bukan Datuk Abang Johari, bukan Datuk Adnan, bukan Datuk CM boleh simpan kereta di sana, tidak boleh. Tetapi pentakrifan JKR yang buat tulisan itu, dia kata, "itulah takrifnya". Manamana orang digelar menteri boleh masuk.

Jadi, lepas itu mungkin legal advise daripada AGkah, siapakah, kata, "tutup sahaja kes Wan Junaidi ini, jangan lawan". Saya dapat "no further action (NFA)". Jadi, ini bukan saya tunjukkan saya sendiri, tetapi masalahnya pegawai yang buat tulisan ini, dia tidak faham kerana undang-undang ini belum difahami keseluruhannya pihak-pihak yang berwajib, pihak-pihak perlu mengetahui hal undang-undang ini, pihak-pihak penguatkuasa undang-undang ini. Jadi, saya berharap kepada kementerian meminta kepada pihak polis, kepada pihak JPJ untuk memahami mendalam undang-undang ini kerana undang-undang itu dipinda tahun 1994, 1995. Ini datang pula pindaan 1997. Ini pindaan yang komprehensif.

Semalam Timbalan Menteri mengatakan tiga, empat pindaan tetapi yang komprehensif ialah 1994, 1996 dan 1997, ini sahaja. Tetapi implikasi pindaan ini adalah banyak dan besar, bahkan untuk mengetahui undang-undang keseluruhannya. Jadi, kalau orang tidak mengetahui, tidak updating pengetahuannya dari segi undang-undang ini, penguatkuasaannya juga akan terjejas, kesannya juga akan terjejas. Jadi, sebagaimana pemikiran daripada AG Chambers kepada kementerian tidak akan mendatangkan kesan. Ini persoalan undang-undang yang lama.

Saya juga ingin menyebut perkara yang bersampingan dengan perkara jalan ini, Tuan Yang di-Pertua. Pentakrifan undang-undang ini orang pelancong umpamanya, dalam undang-undang pelancong ialah termasuk orang yang menggunakan kereta daripada satu tempat ke satu tempat, takrif yang berlainan dengan undang-undang ini.

Jadi, apa yang saya bimbang anak-anak yang menggunakan umpamanya bas-bas, kalau berlaku kemalangan, persoalannya adakah anak-anak ini akan mendapat perlindungan insurans, kerana insurans dalam setiap kenderaan sama ada kereta ini kereta public service vehicle ataupun tidak, mempunyai definisi yang tipis (narrow definition). Kalau pengangkutan anak-anak, pengangkutan orang yang sembarangan ini tidak termasuk dalam insurans, pihak kementerian patut melihat sebelum lesen ini diberi mesti diberitahu kepada mereka, kalau lesen ini yang dibuat, kalau tugas ini yang dia boleh buat, dengan sendirinya insurance coverage itu mesti dimasukkan bersama.

Jadi, dalam masa orang ramai hendak menggunakan banyak bas seperti bas kilang dan sebagainya hendak digunakan untuk mengangkut orang secara transport lain untuk

menghantar orang semasa Hari Raya, Tahun Baru Cina, semasa Deepavali, ada kemungkinan bas kilang ini tidak boleh mengangkut orang secara ini, walaupun ada permit daripada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan. Yang ini boleh daripada segi pengangkutan jalannya tetapi dari segi insuransnya ada berkemungkinan ia tidak ada perlindungan insurans. Kalau tidak ada perlindungan insurans ini tidak dirasakan kalau tidak ada kemalangan, kalau kemalangan berlaku baru kita sedar yang insurans tidak ada cover dan pada masa itu kita terasa aniaya sedikit.

Jadi, saya berharap pihak kementerian juga melihat ini perkara besar, sebelum kita terantuk biar kita tengadah dahulu, biar kita berjaga-jaga sebelum perkara ini berlaku kerana.....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Jelebu bangun.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Batang Lupar. Disebutkan tadi, bas kilang dan perlindungan insurans, adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya saya menyatakan bahawa kebanyakan bas kilang selama ini, kalau dahulunya dilindungi oleh insurans sebagai public service vehicle tetapi sekarang ini oleh kerana bas kilang dinamakan bas pekerja, ia dilindungi dengan taraf private vehicle cover.

Jadi, adakah ini bersesuaian dengan kaedah pengangkutan yang digunakan oleh kenderaan pekerja dan bas kilang untuk membawa pekerja-pekerja milik kilang berkenaan dan sekali-sekala dibenarkan oleh pihak JPJ untuk membawa mereka yang ditakrifkan sebagai keluarga kepada pekerja-pekerja itu dan apakah kedudukannya sekiranya berlaku kemalangan dan apakah tindakan insurans kepada mereka yang terlibat? Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Jelebu ialah orang daripada JPJ, beliau cukup mahir dengan persoalan ini. Apa yang saya cakapkan tadi, inilah perkara yang disebutkan oleh kerana apabila satu permit diberi kepada satu kereta atau satu kenderaan, kenderaan itu dikhaskan untuk membuat satu tugas yang khusus dalam permit itu sahaja. Dengan itu juga apabila empunya bas ini mengambil insurans, ia pun mengambil insurans khusus untuk hal ini sahaja.

Apabila pihak JPJ memberi kebenaran kepada bas ini untuk mengangkut lain daripada apa yang dikhususkan dalam permit asal yang dimasukkan dalam insurans yang asal, dengan sendirinya insurans itu tidak akan buat perlindungan kepada yang diangkat, yang kedua, yang diberi secara *ad-hoc* oleh pihak JPJ, sama ada mengangkut keluarganya sebab mengangkut pekerja sahaja dan bukan mengangkut keluarga, anak-pinaknya ataupun bukan angkut untuk menghantar pergi ke kampung dan sebagainya daripada satu kawasan ke satu kawasan, itu sahaja.

Kita melihat dan ini tidak boleh dielakkan oleh kerana insurans punya principal lebih arif, sepuluh lebih arif daripada saya. Prinsip undang-undang insurans ini definisinya adalah begitu nipis sekali, apa yang kita sebut secara penuh di sini, itu sahajalah, tidak terbuka kepada yang lain, tidak termasuk yang lain-lain.

Jadi, dengan sendirinya, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Jelebu, memang betul, kalau bas ini dikhaskan untuk mengangkut pekerja kilang ke kilang, daripada kilang ke rumahnya, itu sahajalah insurance coverage. Kalau seorang anak dan isterinya datang ke kilang hendak menumpang, banyak tempat kosong bolehlah bawa, apabila kemalangan berlaku anak dan isteri tidak akan dilindungi oleh insurans. Itu perkara yang pertama, soalan coverage insurans, Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi, saya mendengar huru-hara yang kereta private ini akan diberi satu insurans kepada passengernya. Sebagai dasarnya, kalau saya punya kereta saya dapat insurans ialah untuk third party insurance sahaja. Maknanya, kalau saya memandu kereta dan terlibat dalam satu kemalangan, passenger saya tidak ada covered by insurance, yang kena covered insurance orang yang kena langgar sahaja. Kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat membawa saya, kalau Yang Berhormat terlibat kemalangan saya benjol dahi, ambil saman, saman dia, dia tidak ada insurans, kena bayar sendiri sebab insurance coverage tidak termasuk passenger daripada kereta itu melainkan ada dimasukkan insurans yang khusus untuk passenger.

Jadi, ini juga satu masalah. Banyak masalah insurans iaitu passenger tidak masuk. Satu lagi motosikal. Motosikal kadang-kadang apabila pinjamannya telah habis, taukeh motosikal berkata, "*awak tidak payah membeli comprehensive insurance lagi, belilah sahaja third party insurance*". Beli third party insurance, satu lagi perkara, yang di'limit'kan hanya empunya motosikal sahaja yang boleh pakai, yang lain tidak boleh. Lagi satu, dia langgar motosikal habis rosak pun tidak boleh tuntutan. Ini juga kadang-kadang orang kita tidak faham.

Jadi, masa peringkat pendidikan di akademi, perkara-perkara sebegini mestilah diberitahu kepada pihak akademi dan pihak akademi mesti memahami dan mahir dalam undang-undang pengangkutan jalan, undang-undang insurans supaya diberitahu kepada pemandu-pemandu latihan, kepada mereka yang terlibat dengan pemandu-pemandu ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi masalah yang kecil-kecil sebegini yang mendatangkan kesan yang besar kepada individu-individu yang terlibat. Bahkan saya tahu semasa saya menjadi polis dahulu, seorang kawan memandu kereta, pergi satu parti, adalah minum sedikit, parti ini dalam tahun 1970-an, pada masa itu orang Melayu tidak berapa sangat dalam soal agama. Selepas minum, balik pukul satu pagi, kawan-kawan yang tidak mempunyai kereta bukan senang hendak mendapatkan teksi dalam tahun 1970-an, tahun 1975, 1976 susah hendak mendapatkan teksi walaupun di Kuala Lumpur.

Jadi, menumpang kepada kawan yang ada kereta, yang handal sedikit, bawa masuk kereta empat orang, selepas secawan, ada tippy sedikit, kemalangan masuk longkang, dua patah tangan, satu benjol dahi. Kedua-dua pergi mahkamah, saman kawan yang memandu tadi, aniaya kawan jual kereta. Sebab insurans kata, kita tidak memberi coverage, kena jual kereta kerana bayar ganti kepada tiga orang kawan yang dua patah tangan dan seorang benjol dahi. Ini masalah insurans tidak memberi coverage kepada passenger dalam kereta.

Jadi, masalah-masalah yang sedemikian, sepatutnya mesti diberitahu dan pihak kementerian mesti menyarankan kepada pihak insurans iaitu insurance coverage yang ada sekarang begitu tinggi sekali sepatutnya merangkumi semua, bukan sahaja orang yang kena langgar tetapi juga orang dalam kereta kita sendiri, mesti diberi coverage walaupun premiumnya dinaikkan sedikit. Mungkin RM20, RM30, RM40 setahun tetapi kesannya adalah banyak dan besar. Kita boleh membuat exclusionary clause menyatakan siapa pun tidak boleh saman, mungkin anak, isteri dia tidak boleh tetapi orang lain boleh. Jadi, sekurang-kurangnya kawan yang memberi pertolongan kepada kawan, kalau jumpa kawan di pertengahan jalan pukul satu pagi, tidak ada kereta, beranilah bawa kawan masuk kereta.

Begitu juga jabatan-jabatan kerajaan, ini sepatutnya disebutkan di tempat-tempat lain tetapi dalam bidang ini juga. Kereta-kereta di jabatan-jabatan kerajaan juga tidak mempunyai insurans, insuransnya Kerajaan Malaysia. Kalau orang yang hendak masuk ke dalam kereta tersebut, dipaksa tanda tangan, waiver punya undertaking, supaya kalau berlaku kemalangan atau kerosakan, tidak boleh saman Kerajaan Malaysia kerana sendiri yang mahu masuk. Ini adalah perkara yang amat membimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang ingin berpindah kepada pemindaan Akta Pengangkutan Jalan 1997 ini, iaitu tahun 1999 ini. Pindaan di Dewan yang mulia ini pada masa ini. Pemindaan ini juga memang secara menyeluruh di samping memberi satu entiti kepada Putrajaya. Kebanyakan pindaan ini adalah daripada seksyen 41, seksyen 42, 43, 44 dan 45 sampai D, G dan sebagainya. Yang menjadi masalah kepada Yang Berhormat dari Bagan ialah seksyen 109. Jadi, saya juga ingin memberi satu pendapat, persoalan di bawah seksyen 41 di mana orang yang didapati bersalah dalam seksyen ini didenda, dihukum penjara selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak lebih dari sepuluh tahun dan denda tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak lebih daripada RM20,000.

Maknanya, Tuan Yang di-Pertua, compulsory imprisonment tidak kurang dari dua tahun apabila berlaku kesalahan yang menyebabkan kematian kerana memandu dengan melulu atau merbahaya, dangerous driving. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya bertugas di dalam Cawangan Trafik di Kuching selama 7 tahun. Ada orang kata hendak menuduh orang memandu dengan melulu atau merbahaya ini, susah. Sebenarnya, tidak begitu susah. Senang juga. Undang-undang trafik adalah undang-undang yang tidak begitu definite keadaannya. Semuanya digovern oleh circumstances. Keadaan trafik, keadaan orang, keadaan pemandu, keadaan cuaca, keadaan jalan, semua ini boleh membuatkan sesuatu tempat itu merbahaya.

Bahkan apabila seseorang itu memandu dengan kelajuan keretanya 140 km/j di satu-satu jalan yang sempit, selepas itu dia berhenti dengan merbahaya, dia berhenti jalan, menurun sampai 80 km/j. Dia memandu dengan baik tetapi terlanggar orang semasa dia sudah berjalan baik iaitu 60 km/j. Dia terlanggar orang dan orang itu mati. Kalau ada saksi yang melihat dia daripada awalnya memandu kereta dengan laju, satu ataupun dua minit sebelum itu dan tidak melihat yang dia berhenti sampai 80 km/j atau 70 km/j sahaja semasa perlanggaran itu, orang itu boleh memberi saksi di mahkamah dengan mengatakan bahawa orang ini semasa melintas saya sebelum perlanggaran berlaku berjalan 100 km/j berapa, saya jalan 120 km/j, dia hentam saya pun begitu. Mungkin 140 batu.

Jadi, keadaan yang he created before the accident, dengan izin,, akan menunjukkan yang dia melakukan keadaan yang merbahaya ini semasa accident. Jadi, dengan sendirinya orang yang sebegini, sama ada soalnya, patut atau tidak orang seperti ini dituduh sebagai dangerous driving ataupun driving dengan melulu atau pun merbahaya. Jadi, kalau inilah berlaku, mungkin keadilan tidak begitu menepati. Jadi, inilah yang saya bimbangkan kerana saya memandu sendiri. Kalau orang yang guna driver, tidak mengapalah.

Orang yang memandu sendiri ini, kalau polis membuat datanya, penyelidikannya, pelannya menunjukkan keadaan orang yang pandai menunjukkan itu, bila-bila masa, bukan sengaja, bukan concerted effort, bukan program dan bukan konspirasi untuk menuduh tetapi dia begitu teliti sekali membuat satu persatu tetapi pandangan manusia itu adalah berlainan. Tetapi kalau picture atau gambaran yang ditunjukkan dalam kertas penyelidikannya itu iaitu seseorang itu telah melakukan sesuatu yang merbahaya, nescaya orang itu boleh dituduh memandu dengan melulu.

Jadi, banyak yang ditunjukkan iaitu kalau kita mengehendkan batasan atau compulsory imprisonment ini, mungkin hukuman duit, orang boleh pergi pinjam duit bank tetapi kalau hendak masuk jail, tidak boleh orang lain deputize hantar orang lain pergi jail. Jadi, kalau perkara ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang undang-undang ini mungkin, takut ada orang yang tidak melakukan kesalahan yang kena dangerous driving ini. Dangerous driving ini, memang saya tahu ia merbahaya.

Walau bagaimanapun, bukan saya kata tidak menyokong. Saya menyokong oleh kerana keadaan di jalan raya, kadang-kadang kita lihat penunggang-penunggang motor, pemandu-pemandu yang tidak beretika dan tidak melihat keadaan di jalan raya, saya

menyokong undang-undang ini daripada segi itu. Tetapi yang penting sekali ialah pegawai yang diberi tugas dan tanggungjawab, pegawai polis khususnya. Apabila dipandang satu kesalahan yang mungkin seseorang itu boleh disabitkan dengan kesalahan memandu dengan melulu atau pun memandu dengan merbahaya, orang yang menyelidiki kes ini, janganlah dibiarkan kepada pangkat Koperal atau Sarjan begitu sahaja. Hendaklah dihadkan kepada pegawai yang sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor.

Sekurang-kurangnya mereka ini mempunyai satu asas pendidikan yang lebih tinggi, pemikiran yang lebih terbuka dan lebih waras sedikit kerana pada masa sekarang tidak ada dalam undang-undang ini mengatakan siapa yang boleh menyiasat dan siapa yang tidak boleh menyiasat. Siapa yang melawat tempat accident atau 'scene of accident', orang kata biasanya ialah tidak kira Koperal, Sarjan atau pun Konstabel sahaja. Jadi, assessment daripada mereka ini amatlah penting.

Jadi, saya berharap pihak jabatan untuk menyarankan kepada pihak polis supaya mengkhususkan pegawai-pegawai yang dilatih dengan teliti untuk menyelidik kes-kes apabila terlibat dengan kes kemalangan jalan raya yang mana kes itu ada berkemungkinan orang itu akan dituduh di bawah seksyen 41 selepas pindaan ini nanti kerana kita bimbang ada orang yang mungkin tersalah tanggapan atau salah fakta dan salah ciri-ciri yang ditunjukkan di dalam kertas penyelidikan itu akan menunjukkan orang yang tidak melakukan kesalahan yang sedemikian telah dituduh di bawah kes ini kerana apabila orang ini didapati bersalah, hakim tidak mempunyai kuasa langsung untuk memberi hukuman selain daripada apa yang telah ditetapkan dalam seksyen ini.

Jadi, walau bagaimanapun saya ingin menyebut terus soalan seksyen 109. Saya cuba membuat pembetulan sahaja bukan cara mengkritik Yang Berhormat dari Bagan. Ambillah pembetulan saya ini sebagai yang ikhlas untuk menolong orang yang kurang pengetahuan daripada soalan-soalan ini. Sebenarnya seksyen 109 ini tidak bercelaru dan tidak mengelirukan yang hanya tidak memahami ialah apabila membacakan badan undang-undang, kita melihat daripada perkataan pertama seksyen itu sampai penghabisan seksyen itu untuk menilai apakah erti keseluruhan seksyen tersebut.

Apa yang dikelirukan semalam ialah lesen pemandu, dalam pengertian Yang Berhormat dari Bagan dan yang disebut dalam seksyen 109 ini ialah permit tetapi yang disebut di sini ialah lesen, permit kereta. Umpamanya, kalau satu syarikat, ABC Sdn Bhd seperti memberi teksi, jadi apabila syarikat ini di kalangan pemandu-pemandunya melakukan kesalahan daripada seksyen 41, 42, 43, 44, 45 dan 45A, berturut-turut dalam masa tiga tahun, syarikat itu boleh dihukum, tidak kira sama ada pemandu yang sama terlibat ataupun kereta yang sama terlibat.

Jadi, masalah Yang Berhormat dari Bagan semalam ialah pentakrifan lesen itu, dia kata, kalau orang ini sudah melakukan kesalahan, dia sudah kena suspension dalam seksyen 41, bagaimana dia melakukan kesalahan semula yang di sebut dalam seksyen 109, tidak mungkin, betul juga kalau pentakrifannya pemandu itu ada lesen memandu tetapi pentakrifan lesen di bawah seksyen 109 ialah permit kereta untuk tuan punya kereta. Jadi, tidak ada masalah seksyen ini, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya memang mengalu-alukan kepada kementerian dan memuji kementerian dan tahniah kepada kementerian kerana membawa Sesyen 109 ini dalam pindaan kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah beberapa kali sebut secara ringkas dan secara senang dahulu apabila pemandu membuat kesalahan sepatutnya tuan punya kereta mesti disalahkan juga baru kita dapat tuan punya kereta itu akan memberi amaran ataupun latihan yang mencukupi kepada pemandu dalam syarikat.

Jadi, saranan dan permintaan saya dalam setahun, dua tahun semenjak tahun 1994, 1995, 1996 telah diambil kira sama ada daripada saranan saya ataupun membabitkan kementerian tetapi hasilnya ialah apa yang saya sebutkan itu telah dimasukkan dalam

undang-undang ini kerana ini adalah satu tindakan ataupun pindaan yang baik. Oleh kerana kita tidak boleh – pegawai penguat kuasa polis seramai 1,500 dan pegawai JPJ bertugas semasa hari raya, tiap-tiap hari kebesaran, tidak boleh mengawal seluruh jalan raya. Berapa ribu jalan raya kita seluruh Malaysia, tidak boleh, memang tidak mungkin. Sebanyak mana sahaja, bahkan ramai pegawai polis dan pegawai JPJ ini bekerja sepenuh masa, sampai sepuluh jam, lima belas jam satu hari pun tidak mencukupi. Tetapi kalau kita adakan Undang-undang 109 ini ataupun bercorak 109 ini bukan sahaja pegawai JPJ dan polis telah diberi kuasa mengawal selia jalan tetapi tuan punya kereta, syarikat punya kereta juga diberi tugas dan tanggungjawab dengan 'non compliant' dia akan dihukum mengikut segi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, jadi dia akan berwaspada kerana banyak – saya akan sebut kereta komersial, kereta komersial ini sama ada bawa 'passenger' ataupun angkat barang, siapa yang banyak angkat barang dia diberi banyak komisen. Jadi, komisen inilah jadi satu keuntungan kepada pemandu. Saya tidak hendak sebut secara khusus tetapi memang kadang-kadang gaji pemandu ini diberi kecil, tidak besar sangat tetapi komisen diberikan banyak. Jadi, dari situ satu insentif untuk pemandu ini berjalan lebih laju supaya lebih banyak bergerak dan tidak ponteng. Jadi dua perkara berbangkit, satu dia akan berjalan laju dengan seberapa daya untuk mempercepatkan pengangkutannya, umpamanya kalau 80 kilometer satu jam dia boleh buat dua trip sahaja dari satu tempat ke satu tempat. Tetapi kalau dia jalan 150 satu kilometer satu jam, dia boleh buat tiga trip satu hari dan dia dapat lebih komisen. Jadi, ini yang pertama daripada orang yang mendapat komisen sedemikian.

Yang kedua, kalau dia kerja lebih dia tidak kerja lapan jam, dia kerja 16 jam umpamanya, orang yang sudah kerja lebih 15 jam itu, dia tidak boleh concentrate lagi, dia tidak boleh memandu kereta dengan sebaik mungkin lagi. Jadi, dengan keadaan yang sedemikian dengan undang-undang ini ada dirinya, pihak syarikat-syarikat yang berkenaan sama ada komersial membawa passenger ataupun komersial yang mengangkat barang, dia akan mengawal selia pemandu-pemandunya dan mencari jalan supaya jangan syarikat itu 'untung sekarang rugi seguni', untung bawa orang dan passenger di sini tetapi rugi kena hukuman mahkamah oleh kerana pemandunya telah melakukan kecuaiian ataupun kerana terlibat dengan kemalangan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi undang-undang ini banyak kebaikannya. Itulah sebab saya pernah menyuarakan dan selalu menyuarakan dan sekarang menjadi satu undang-undang dan saya ucapkan tahniah kepada kementerian kerana berani dan bertindak tegas soalan untuk mengatasi masalah hal undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang tidak menjadi apa-apa melainkan kita mengambil tindakan khusus, penguat kuasa yang teratur dan strategik. Jadi satu lagi yang ingin saya sebut, saya juga ingin bertanya apa telah terjadi dengan pelaksanaan 'kotak hitam' kerana ini satu lagi cara pengawalan yang tidak perlu pegawai JPJ, tidak perlu pegawai polis berada di tempat yang berkenaan. Memadai dengan 'kotak hitam' itu memberi data dan informasi kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk mengesan pihak pemandu, pihak yang melakukan kesalahan di jalan raya semasa pegawai penguat kuasa tidak berada di sana. Jadi, pada masa sekarang saya tidak dengar lagi soalan-soalan 'kotak hitam' ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian saya tidak menekankan apa-apa soalan ini tetapi persoalan yang penting tiap-tiap kali kerajaan mengadakan satu dasar, arahan dan sebagainya, daripada dahulu kita tukarkan nombor plat. Bila tukar nombor plat kereta, yang untung itu memanglah industri yang buat nombor plat kereta menjadi maju dan yang teruk ialah orang yang pandu kereta dan empunya kereta. Tiap-tiap kali satu perubahan berlaku, masa itulah pihak yang empunya kereta, pihak yang memandu yang kena bayar. Jadi, saya berharaplah pihak kementerian sebelum membuat satu dasar, membuat satu saranan untuk diguna pakai melihat implikasi kos kepada pengguna kereta kerana kos ini

banyak. Ada orang yang menggunakan kereta sebagai satu 'luxury item', ada juga yang menjadikan satu keperluan biasa. Bagi orang kaya, orang yang banyak duit, orang yang boleh mengatakan inilah satu 'luxury item', tidak ada masalah. Tetapi kepada mereka yang menggunakan ini adalah satu cara hidup mereka, mencari kehidupan harian mereka dengan halal adalah sangat menekankan, kadang-kadang mereka ini apabila satu-satu perubahan berlaku dan mereka juga akan berbelanja lebih daripada apa yang perlu dibelanjakan. Jadi ini yang pertama.

Keduanya, secara ringkas perkara yang sedikit-sedikit iaitu soalan bagi 'sun-sun visor' plastik yang disimpan di kereta supaya tidak nampak dalam kereta itu (cermin gelap). Cermin gelap ini dahulu semasa emergency semua pegawai polis, orang besar-besar, menteri, hakim, pembesar-pembesar dan sebagainya yang penting dalam komersial pun dibenar menggunakan cermin gelap. Dan pada masa sekarang saya tidak lihat kenapa cermin gelap mesti digunakan, bahkan telah digunakan secara negatif oleh pihak-pihak yang tertentu yang mana orang yang selepas mencuri dan merompak masuk ke dalam kereta bercermin gelap, tidak boleh dilihat, polis tidak nampak. Dan satu lagi kalau dia bawa senjata pun polis tidak boleh nampak sama ada dia bawa senjata atau tidak bawa senjata. Jadi, dua perkara yang mungkin berlaku kalau polis itu mengatakan dia ada bawa senjata, tembak sahaja kereta itu. Jadi, dapatlah polis itu membunuh orang yang berada di dalamnya dan polis pula dituduh membunuh dengan tidak menggunakan kebijaksanaan dan tidak usul periksa dan sebagainya. Dan kerajaan pula dituduh tidak membanteraskan tindak-tanduk pegawai-pegawai polis yang menguat kuasa. Tetapi dalam keadaan yang sedemikian, bagaimana pegawai polis itu boleh menilai, kalau orang masuk kereta yang cerminnya gelap, dia tidak boleh nampak apa benda yang mana orang itu setelah merompak bank ataupun tempat jualan barang kemas.

Jadi saya berharap pihak kementerian memberi saranan dan memberi arahan kepada pihak JPJ dan pihak polis supaya menguatkuasakan. Kalau di Kuching boleh menjadi satu misal memang banyak kereta yang masih bercermin gelap ini yang mana pihak polis tidak mengambil tindakan dan tindakan patut diambil. Kita tidak boleh buat penilaian dari sekarang, kita ambil tindakan dan saman. Kita lihatlah apa yang akan berlaku kalau dia pandu kereta besar, kecil dan sebagainya, kalau dia buat cermin gelap saman sahaja. Biar mahkamah memberi penilaian, biar mahkamah membuat keputusan. Kalau mahkamah sudah buat keputusan kalau dia punya tidak cukupkah ataupun sudah lebihkah atau mencukupikan itu soalan mahkamah. Kalau apa yang kita lihat daripada mata kita sendiri iaitu cermin itu memang gelap, orang di dalam tidak boleh nampak, ambil tindakan. Itu satu lagi. Kadang-kadang orang tidak pakai cermin gelap dia gunakan satu benda yang boleh terbuka, dia simpan di dalamnya secara temporary ini pun sama. Jangan anggap cermin gelap itu sahaja yang salah. Ini pun boleh salah juga oleh kerana tidak nampak.

Jadi tindakan mesti diambil kepada mereka ini, mereka ini dinasihatkan dan banyak lagi perkara yang patut diambil tindakan oleh pihak penguatkuasa, umpamanya di negara kita mana ada guna spotlight. Tetapi kadang-kadang ada budak-budak yang gunakan kereta besar dia, dia beri spotlight yang begitu terang sekali. Kalau kita lihat pun mata kita tidak boleh nampak lagi kerana sinaran itu begitu kuat. Tetapi polis tidak ada ambil tindakan. Ini adalah merbahaya, kenapa pula tidak diambil tindakan. Banyak...

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa. Sebenarnya kita ini dasar banyak, peraturan cukup banyak tetapi perlaksanaan itu yang boleh kita persoalkan. Agak-agak kepada Yang Berhormat apakah sebabnya. Macam tadi Yang Berhormat sebutkan cermin gelap yang melebihi aras kebenaran. Apakah sebabnya JPJ ataupun polis tidak enforced peraturan ini. Adakah disebabkan oleh tidak cukup kakitangan ataupun kakitangan yang ada itu tidak mampu untuk menjalankan penyiasatan

ataupun penyemakan kes-kes ini atau memang mereka tidak tahu cara untuk menguji ketebalan hitamnya sesuatu cermin itu. Begitu juga dengan dasar untuk mengenakan speed limit indicator yang dahulu disarankan ataupun blinker light kepada kenderaan-kenderaan perdagangan (lori) dan baru-baru ini kotak hitam kepada PSV atau bas-bas ekspres. Akhirnya tidak dilaksanakan. Apakah sebabnya perkara ini tertangguh dan menyebabkan banyak ruang untuk mereka melakukan kesalahan dan tidak betul-betul dapat melaksanakan dasar berkenaan. Apakah cadangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tanya Batang Lupar, sepatutnya tanya Menteri.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Dia orang kata, Tuan Yang di-Pertua, bolehlah sekali-sekala jawab kawan, pertanyaan ini. Siapalah tahu, nasib *[Ketawa]*. Terima kasihlah saudara dari Jelebu. Kalau orang hendak kata pegawai JPJ, pegawai polis tidak cukup, ini susah hendak cakaplah. Bila-bila masa pun tidak boleh cukup, Tuan Yang di-Pertua. Jadi soal cukup tidak cukup itu tidak berbangkit, pada sayalah tetapi yang penting sekali sama ada pegawai itu mengetahui, itu sahaja. Kadang-kadang pegawai penguatkuasa ini pun, Tuan Yang di-Pertua, bukan saya kata apa yang difikir, apa yang saya katakan jangan marah sayalah tetapi saya kata sebagai amnya. Pegawai ini kalau kita kata, kita buat satu briefing dengan pegawai sebelum dia keluar bertugas dia kata, ramai sangat orang yang letak kereta di tempat ini, illegal parking ini, cuba ambil tindakan. Di traffic light ramai orang tidak ikut undang-undang di traffic light itu. Jadi bila budak-budak ini mendapat laporan atau taklimat yang sedemikian, dia keluar daripada pejabat Tuan Yang di-Pertua, dia memang fokus itu satu sahaja fikiran dia. Saya minta maaf hendak sebut orang Sarawak tadi, nanti kata... *[Bercakap dalam bahasa Sarawak][Ketawa]*

Jadi, kadang-kadang itu bila dia dapat taklimat mengatakan di tempat ini ada masalah, perkara yang sedemikian, dia daripada pejabatnya pergi ke tempat itu terus, apa benda pun dia jumpa di jalan raya berlaku pada ketika itu dia anggap tidak kisah sahaja, asalkan dia pergi ke tempat satu itu ambil tindakan di tempat yang telah diberi taklimat tadi. Inilah yang telah berlaku.

Jadi itulah sebabnya apabila malam hari polis ini dia fikir orang yang pandu tidak ada lesen dan sebagainya, dia check tidak ada road tax dan sebagainya. Dia buat road block ini, road tax, tidak ada lesen, tidak ada insurans dan sebagainya, dia buat check. Tetapi apabila berlaku orang pakai light yang lain daripada apa yang dispesifikasikan oleh pihak JPJ dia tidak kisah, dia biar itu sahaja. Jadi bila orang ini lepas melalui tempat check dia, orang kata, apa yang saya ada di dalam kereta saya ini betullah itu kerana polis tahan saya, check saya punya lesen, road tax, dan sebagainya, insurans semua sekali kata dia semua beres, dia tidak check kereta saya yang ada dua lampu besar yang mungkin tidak boleh Tuan Yang di-Pertua sebab Road Traffic Act kita menetapkan macam mana lampu-lampu yang boleh dan lampu-lampu yang tidak boleh. Tetapi pegawai itu dia fokus satu sahaja, dia tidak nampak yang lain. Begitu yang berlaku kerana pegawai itu kurang terbuka. Betul kata Yang Berhormat dari Balik Pulau, betul Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja di Sarawak bahkan di Pulau Pinang berlaku.

Yang satu lagi, memang saya bersetuju memang kurang pengetahuan, pegawai-pegawai kita kurang pengetahuan dan pegawai peringkat pertengahan iaitu Inspektor dan ke atas kalau dalam polis, juga kurang memberi maklumat dan daripada pegawai atasan kurang memberi bimbingan. Jadi ini sudah sampai ke bawah kepincangan berlaku akibatnya penguatkuasaan jadi kurang berkesan. Tetapi kalau kita lihat banyak perkara ini berlaku, yang mungkin sepatutnya nombor plat Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita hendak buat nombor plat misal kata nombor PQ 123, lepas itu ada Q lagi belakang umpamanya ada jarak-jarak yang tertentu, daripada mula-mula alphabet lepas itu nombor, lepas itu alphabet lagi ada jarak-jarak yang tertentu. Tetapi kita lihat nombor plat yang ada di jalan raya

sekarang, Tuan Yang di-Pertua, satu baris sahaja dia beri tidak ada jarak berlainan semua jadi QK1234J umpama di belakang, semua satu jalan tidak ada jarak-jarak yang tertentu. Jadi kalau dilihat daripada jauh, satu benda itu tidak boleh baca. Tujuan nombor plat ini ialah supaya senang dibaca dari satu jarak yang tertentu sekurang-kurangnya 25 ela.

Jadi kalau perkara ini tidak dibuat, undang-undang ini tidak ditegaskan kepada pihak-pihak pengguna dan tuan punya kereta di jalan raya, namun undang-undang kita menjadi satu mockery sahajalah. Begitu jugalah cermin gelap, asap tebal, nombor plat, lampu-lampu, semua ini yang pihak polis, pegawai penguatkuasa jalan raya, bila dia buat satu kerja, dia buat kerja itu sahaja. Yang lain berlaku kesalahan dia biar sahaja. Jadi orang yang lepas kata tidak apalah saya punya dah okay, polis tengok tadi tidak apa-apa. Jadi tidak adalah kesalahan. Jadi pegawai itu mestilah....

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Batang Lumar. Apakah Ahli Yang Berhormat dari Batang Lumar bersetuju tentang penguatkuasaan undang-undang ini, kita lihat begitu bermusim, bila musim menguatkuasa sesuatu undang-undang itu, itu sahaja, yang lain lupa. Lepas itu misalnya kalau nombor plat kereta, penguatkuasaan itu sahaja, yang lain mereka lupakan.

Apakah Yang Berhormat bersetuju supaya pelaksanaan undang-undang ini jangan dibuat bermusim, mesti sama rata sepanjang masa, tidak kisah apa jenis yang ingin dikuatkuasakan. Misalnya plat nombor kereta, satu masa dahulu JPJ/kerajaan untuk menukar daripada nombor plat lama kepada nombor plat baru dikatakan berkualiti tinggi yang lebih kecil pula, dahulu besar. Masa itulah sibuk pemilik kereta ini, kita pun pergi ke kedai membuat plat nombor ini, bayarlah RM30 ataupun RM40 untuk membuat plat nombor yang baru dan kita tukar.

Tetapi, setelah empat tahun saya lihat masih banyak lagi kereta yang nombor plat lama yang tidak ditukar yang begitu besar, ialah kalau di Sabah itu banyak kereta, kalau nombor BN, BDK itu kereta plat Brunei yang datang ke Kota Kinabalu, memang macam nombor kita yang lama, tetapi kereta di Sabah sendiri, saya lihat di Wilayah Persekutuan sendiri, plat bermula dengan 'W' masih menggunakan plat nombor yang lama, jadi di manakah penguatkuasaan kita ini?

Apakah ada muslihat atau sesuatu untuk menukar plat nombor yang baru dan saya dengar pula baru-baru ini ada lagi ura-ura kerajaan hendak implementasi plat nombor kereta yang berkualiti baru pula. Jadi, saya minta pandangan dari Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dua perkara yang Ahli Yang Berhormat bawa ini, yang satu persoalan penguatkuasaan yang seasonal, kalau masa zaman orang kempen keselamatan jalan raya itu semualah - televisyen, surat khabar, menteri, timbalan menteri, Jabatan Kerja Raya, pegawai-pegawai, semua di sana sini, distribute pamphlet, arahan-arahan dan kempen sana sini semua ada, tetapi lenyap sebulan hilang kereta, polis tak jalan lagi, JPJ jalan kerja juga, rutin macam biasa, bukan kata tak buat, buat juga, tetapi apa Ahli Yang Berhormat tekankan ini ialah mengatakan kempen sedemikian supaya ditekankan setiap masa, seluruh masa, jangan bulan ini kempen traffic light, kempen bulan baru, kempen nombor plat dan sebagainya.

Sepatutnya benda ini di seluruh dan di sepanjang masa dijalankan supaya jangan orang terkeliru mengapa polis tidak mengambil tindakan ini lagi oleh kerana sudah diambil tindakan satu lagi. Jadi, saya bersetuju iaitu penguatkuasaan mestilah sepanjang masa dan setiap masa.

Yang kedua, persoalan nombor plat, ini memang betul, saya sendiri telah ternampak atau berjumpa dengan orang yang membina yang dikatakan 'security number plat', dia kata syarikatnya akan membuat satu rumusan ataupun working paper kepada pihak kementerian, selepas pihak kementerian bersetuju dengan security number plat ini nanti, nombor plat lain semua akan diganti dengan nombor plat baru. Security number plat ini dibuat daripada aluminium dan nombornya di stamp dengan hard press supaya nombor itu tidak akan hilang, katanya.

Jadi, dia kata dengan saya: "Encik, you punya kereta memang kena ganti juga, kalau kementerian sudah bersetuju." Jadi, siapa yang dapat business ini memang syarikat merekalah, di Kuching telah ada branchnya mengatakan safety number plat semua telah dibuat. Sekarang katanya, semua kereta Proton akan gunakan safety number plat, yang lain belum - Mercedes, BMW dan kereta-kereta besar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain itu belum lagi dibuat, katanya, akan dibuat juga, tunggu kementerian beri arahan.

Jadi, saya kata, ini tak adil macam ini, ada orang yang dapat business, ada pula orang yang tertekan terpaksa nombor platnya yang masih baik, kena terpaksa ditukar, kalau undang-undang dibuat seperti itu menyusahkan orang lain, mendatangkan business kepada mereka sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya .....

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Saya nasihatkan supaya Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar jangan dengar khabar-khabar anginlah.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasihlah, ini khabar-khabar angin. Ini Yang Berhormat dengar ya, ini khabar angin sahaja ini, jangan dengar khabar-khabar angin yang orang buat security number plat. Saya memang mengatakan kepada dia, ini tidak betul, saya kata, security number plat kalau kepada saya, kalau kereta saya dijual di sini atau orang curi kereta saya di sini, di mana-mana kereta saya boleh dicari, kereta takkan hilang, itu baru security number plat. Tetapi dia kata, ini taklimat saya dengan dia: "Yang sebenarnya Encik, kalau Encik sudah buat kereta nombor plat di sini, lepas itu kita masuk dalam kita punya komputer dan komputer ini semua ada networking di seluruh negara, tidak ada seorang pembina nombor plat seluruh negara boleh bina nombor plat ini lagi, sebab satu sahaja nombor plat."

Jadi, kalau orang hendak buat nombor plat macam ini, dia tahu yang nombor plat kedua itu adalah nombor plat yang palsu. Ini kata dia, security number plat, kalau boleh curi lagi, kata saya, bawa across border Indonesia, bawa cross border Thailand masih boleh dicuri. Jadi, saya tak belilah, saya tidak senang sangat orang hendak beli buat macam itu, jadi saya tidak buat.

Satu perkara lagi, satu hari saya balik daripada kawasan, jalan raya yang pendek, tidak panjang sangat, bukan daripada kawasan saya, menyeberang daripada satu kampung bernama Sebangon, pergi ke Sadong Jaya, kampung Ahli Yang Berhormat dari Batang Sadong, di Sadong Jaya, bila sampai ke situ ada kurang lebih 100 kilometer sampai ke Kuching, saya pandu sendiri, saya tidak menggunakan drebar, maklumlah kita PPRT tidak boleh menggunakan drebar, tak mampu. Jadi, pandu sendiri, jalan itu sibuk, jadi saya nampak sebuah kereta four wheel drive di hadapan saya, kereta ini betul-betul macam ketam, berjalan macam ini [*sambil menunjukkan contoh padai sehelai kertas berjalan senget*] kalau saya cakap di sini orang tidak akan percaya. Betul-betul kereta itu macam ketam, yang satu wheelnya ke depan sahaja, bila menuju corner dia berjalan seperti ini. Saya ikut dia kurang lebih 20 kilometer, saya beritahu, tidak bolehlah ikut kereta ini kalau ada apa-apa berlaku dengan dia ini, kita pun masuk jadi ketam juga nanti.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya ialah bukan soalan kereta macam ketam itu, kalau kita macam di England, orang London telah keluar, kalau di England, ada satu certificate digelar Ministry Of Transport Certificate (MOT), barang siapa yang hendak membaharui road tax ataupun insurans mesti ada mempunyai certificate yang di 'issue' ataupun diberikan oleh Ministry of Transport (MOT).

Jadi, MOT ini memang famous di England, kalau kita hendak renew kereta kalau kereta buruk memang tidak boleh renew sebabnya must go through the process inspection oleh pihak-pihak yang tertentu, garaj-garaj yang telah diberi certificate oleh Kementerian Pengangkutan untuk memeriksa satu-satu kereta sebelum kereta itu diberi satu sijil yang membolehkannya membaharui road taxnya, membaharui insuransnya dan baru boleh berjalan di jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, keadaan itu banyak kereta lama di negara kita ini yang masih berjalan, ada yang macam kekura, ada yang macam ketam dan macam-macam lagi.

Jadi, saya menerima hakikat kalau orang berkata dengan saya bukan semua orang boleh membeli kereta baru, mungkin orang di kampung-kampung yang jauh di luar bandar mungkin tidak boleh mampu membeli kereta yang baik, yang bagus, tetapi keselamatan itu adalah diutamakan. Kita takut kereta-kereta ini masuk ke bandar macam yang saya sebutkan tadi sebuah kereta yang berjalan seperti ketam. Saya ikut di belakang pun takut.

Jadi, saya hendak bertanya dengan pihak kementerian adakah kementerian bercadang supaya setiap kereta diberi satu pemeriksaan dan diberi sijil terutama sekali kereta yang telah berumur lebih daripada sepuluh tahun. Kalau kereta itu berumur lebih daripada sepuluh tahun, kita dimestikan apabila membaharui road tax dan insuransnya menjalankan proses pemeriksaan di garaj-garaj yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian ataupun Jabatan Pengangkutan Jalan. Lepas itu, kalau sijil sudah memenuhi syarat-syarat dan didapati kereta ini baik dan boleh dijalankan di jalan raya, baru diberi sijil untuk membolehkannya memperbaharui lesen kereta, road tax dan baru diberi insurans.

Dan ada yang tidak tepat pada pandangan saya, sistem yang ada pada kita sekarang iaitu sistem menggunakan insurans, kalau kereta ini lama insurans dia lebih mahal supaya orang yang kereta buruk, kereta lama ini tidak boleh bayar insuranslah, jadi apa yang berlaku dia tidak beli insurans. Ini satu lagi padah, jadi oleh kerana sistem yang kita buat, kita mendatangkan satu kesan yang lain. Jadi saya berharap pihak kementerian melihat supaya orang yang menggunakan kereta yang lama membaiki kereta dia dengan sebaik-baik yang boleh dan supaya jangan ditekan dengan penggunaan insurans dan sebagainya.

Saya masih menyarankan apa yang saya sebut pada perbahasan saya pada sesi yang lepas iaitu gunakan insurans, gunakan insurans sebagai satu juga alat untuk menjaga keselamatan jalan raya. Kalau macam di Amerika sistem insuranslah digunakan iaitu apabila kita membeli insurans kali yang pertama, insurans ini dengan harga yang sedemikian, kalau orang itu terlibat dengan satu kemalangan dan kemalangan ini melibatkan tuntutan yang dia didapati salah, tuntutan kepada insurans dan insuransnya akan meningkat tinggi selepas itu. Maknanya dia hendak membaharui insuransnya memang susah.

Jadi, dengan sendirinya insurans itu adalah macam satu pendulum yang dia tidak lihat, satu kawalan yang kita tidak perlu dengan ada fizikal di sana, dia sendiri tidak ada dalam fikiran dia kalau saya terlibat macam manadan saya didapati bersalah, saya akan terpaksa membayar insurans yang lebih tinggi. Ini sistem yang dilakukan di Amerika, jadi orang takut terlibat dengan kemalangan.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada rakan saudara Batang Lumar. Adakah saudara Batang Lumar ingin mencadangkan kepada

kementerian, misal kata fakta tadi yang mengatakan khusus menghadkan tempoh masa untuk kereta-kereta yang lama. Saya dapati di kawasan saya berdekatan dengan bandar negara jiran Bandar Sri Begawan. Selepas 10 tahun kereta tidak dapat dipakai di negara jiran, itulah sebabnya kereta yang melebihi 10 tahun banyak dijual di kawasan kita, dan sekiranya kereta selepas 10 tahun sampai 15 tahun sudah begitu usang juga tidak menjamin keselamatan di jalan raya, itu sebab dia mengatakan berjalan seperti ketam tadi. Adakah saudara ingin mencadangkan kepada kerajaan menghadkan tempoh masa, misal kata di Jepun hanya 5 tahun selepas itu tidak dapat diguna dan di negara jiran saya di Brunei selepas 10 tahun tidak dapat dipakai dan bagaimana cadangan boleh dicadangkan kepada kerajaan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun sedar iaitu di negara Jepun dan banyak lagi negara-negara yang maju ataupun negara macam Brunei Darussalam menggunakan had umur kereta ini boleh digunakan di jalan raya tetapi saya tidak hendak menyarankan kepada kementerian untuk membuat satu batasan ataupun had umur kereta, kerana masih banyak orang di luar bandar, orang yang mungkin perlukan menggunakan kereta, pengangkutan jalan kita mungkin belum begitu baik untuk orang mengangkat barang-barang dia daripada kebun dan sebagainya. Maknanya kereta lama itu masih digunakan. Yang penting pada saya ialah kereta yang lama itu mestilah sesuai dan boleh diguna di jalan raya, tidak membahayakan diri dia sendiri dan tidak membahayakan pengguna jalan raya lain, itu yang penting.

Itulah maka macam kita lihat sebagaimana yang saya sebut tadi di England, satu sijil MOT diperlukan sebelum membaharui road tax dan insurans mana-mana kereta. Bahkan kita boleh menggunakan secara pos membaharui insurans dan road tax di England asalkan sijil itu disertakan dengan duit dan borang yang telah diisi dan benda sebagai polisi, insurans dan road tax akan dihantar secara pos kepada kita, ini memang berpatutan. Jadi yang pentingnya ialah supaya kereta yang ada di jalan raya lebih baik dan sempurna.

Jadi dengan kata-kata yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, boleh bercakap lebih lagi, saya beri peluang dengan Yang Berhormat dari Bukit Mas bercakap sekarang dan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Gelang Patah.

12.48 tgh.

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahas Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1999.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menyatakan sokongan saya terhadap pendirian tegas kerajaan dalam usaha mengurangkan kemalangan jalan raya yang disebabkan oleh pemandu kenderaan yang cuai. Sebagaimana yang kita sedia maklum, sistem serta pembinaan jalan raya di negara kita adalah antara yang terbaik di dunia. Dukacitanya Malaysia juga terkenal dalam dunia antarabangsa dengan kadar kemalangan jalan raya yang tinggi. Oleh yang demikian, pada pandangan saya, Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1999 yang memperkenalkan hukuman yang berat, termasuk denda dan penjara mandatori, terhadap pemandu kenderaan yang cuai di atas jalan raya adalah satu tindakan yang perlu dan wajar demi mempertingkatkan keselamatan jalan raya di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kita juga perlu sedar bahawa hanya dengan penggabalan undang-undang tidak akan membawa kesan sebagaimana yang diinginkan sekiranya penguatkuasaan tidak dilakukan dengan efektif. Dalam satu laporan yang diumumkan kepada orang ramai, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta pasukan Polis DiRaja Malaysia merupakan dua daripada jabatan-jabatan kerajaan yang kerap

terlibat dengan pemberian dan penerimaan rasuah. Kedua-dua jabatan kerajaan ini merupakan penguatkuasa utama Undang-undang Pengangkutan Jalan yang akan menjadi Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1999 jika diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Usaha kita untuk mengurangkan kemalangan jalan raya akibat daripada tingkah laku cuai para pemandu perlu disertai dengan usaha mengurangkan kegiatan memberi dan menerima rasuah yang membabitkan pihak JPJ dan pihak Polis. Ini adalah untuk menghalang para pemandu yang cuai mengelakkan diri daripada hukuman undang-undang dengan menggunakan wang.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu sedar bahawa mengenakan hukuman kepada para pemandu yang cuai tidak akan dapat membantu merawat kecederaan yang telah terjadi atau mengembalikan nyawa yang terkorban dalam satu-satu kemalangan. Seperti kata pepatah, 'Mencegah adalah lebih baik daripada merawat'.

Kita perlu mempergiatkan usaha mendidik para pengguna jalan raya supaya lebih bersopan santun dan berhati-hati ketika menggunakan jalan raya. Kempen-kempen keselamatan jalan raya perlu diadakan sepanjang tahun. Pendidikan di sekolah juga harus mengandungi unsur-unsur keselamatan jalan raya. Saya juga mencadangkan agar papan tanda didirikan di seluruh negara untuk mengingatkan para pemandu bahawa hukuman penjara dan denda mandatori akan dikenakan jika tingkah laku mereka yang cuai ketika memandu di atas jalan raya mengakibatkan kemalangan maut. Peringatan ini juga harus disampaikan melalui semu bentuk media, baik media bercetak mahupun elektronik, poster-poster yang menyampaikan pesanan yang serupa juga harus diedarkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan kemalangan yang disebabkan oleh keadaan fizikal atau mental, pemandu yang kurang sesuai untuk mengawal kenderaan, sistem pengangkutan awam di negara ini juga perlu diperbaiki. Ini adalah untuk menggalakkan mereka yang tidak begitu sihat atau terlebih minum pada hari tertentu menggunakan pengangkutan awam untuk pergi ke destinasi tertentu. Saya amat bersetuju dengan pemaparan poster di tempat-tempat pusat hiburan malam yang mengingatkan atau menasihati para pengunjung supaya menaiki teksi untuk pulang ke rumah jika terlalu banyak minum arak. Saya mencadangkan supaya poster-poster mengingatkan para pengunjung pusat-pusat hiburan malam bahawa penjara minimum mandatori selama dua tahun dan denda minimum mandatori sebanyak RM5,000 akan dikenakan jika mereka terlibat dengan kemalangan maut ketika memandu dalam keadaan mabuk dipaparkan di semua pusat hiburan malam.

Pemaparan poster-poster ini harus dijadikan sesuatu yang wajib dan bukannya optional oleh para pengoperasi pusat-pusat hiburan malam. Pihak Kementerian Pengangkutan boleh dapat kerjasama daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui pihak berkuasa tempatan untuk memasukan syarat yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat kita harus membentuk satu budaya menegur mereka yang kurang sihat atau mereka yang berada dalam keadaan mabuk supaya jangan memandu. Orang ramai juga harus melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya ternampak pemandu yang memandu dalam keadaan mabuk walaupun belum ada apa-apa kemalangan terjadi. Kadangkala kita mesti jaga tepi kain orang kerana memandu dalam keadaan mabuk adalah satu perbuatan yang cukup tidak bertanggungjawab dan ini bukan sahaja membahayakan keselamatan pemandu itu tetapi juga mungkin mendatangkan ancaman kepada para pengguna jalan raya lain yang tidak berdosa.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu pihak kerajaan juga harus memastikan jalan-jalan di seluruh negara diselenggara dengan memuaskan. Mengikut laporan daripada jabatan kerajaan bahawa kemalangan yang disebabkan oleh kerana permukaan jalan atau reka bentuk yang tidak selamat telah meningkat daripada 27,098 kes pada tahun 1994

kepada 31,191 kes pada tahun 1997. Ini menunjukkan bahawa keadaan muka jalan atau reka bentuk jalan kita masih tidak begitu memuaskan kerana kurang diselenggara dengan baik. Keadaan jalan yang berlubang-lubang atau tidak diterangi pada waktu malam terutama di persimpangan jalan juga merupakan punca-punca berlakunya kemalangan jalan raya.

Mereka yang telah ditugaskan untuk menyelenggara jalan tetapi lalai menjalankan tugas sehingga mengakibatkan kemalangan jalan raya walaupun secara tidak langsung, juga sepatutnya dikenakan hukuman yang sewajarnya. Keadaan lalu lintas di jalan-jalan utama juga perlu ditinjau secara berkala dan jalan alternatif perlu diwujudkan atau jalan yang sedia ada dilebarkan jika didapati sesuatu jalan itu terlalu sesak. Sekiranya keadaan mengizinkan lorong khas harus diwujudkan untuk penunggang motosikal dan jejantas dibina merentangi jalan-jalan yang sibuk demi keselamatan para pejalan kaki. Reka bentuk jalan di kawasan yang sering berlaku kemalangan juga harus diubah, jika punca kemalangan utama adalah reka bentuk yang tidak selamat.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya rang undang-undang ini telah memperkenalkan hukuman yang cukup berat terhadap mereka yang menyebabkan kemalangan jalan raya. Namun demikian, kita perlu sentiasa ingat bahawa matlamat mutlak kita bukan untuk menghukum sesiapa tetapi untuk mencegah kemalangan jalan raya daripada berlaku. Semua pihak harus memainkan peranan masing-masing demi keselamatan jalan raya di negara ini.

Saya berharap papan tanda, iklan, poster serta kempen yang banyak mengenai keselamatan jalan raya dan hukuman penjara mandatori akan dapat menggerakkan segenap lapisan masyarakat supaya lebih mengambil berat tentang isu ini. Saya yakin dan percaya dengan pengwujudan pindaan Akta Pengangkutan Jalan ini kita akan dapat mengurangkan kes-kes kemalangan yang disebabkan oleh kelalaian pemandu. Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuaran.

**12.59 tgh.**

**Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian membahaskan Road Transport Act (Amendment) 1999, dengan izin, saya akan menyentuh beberapa perkara yang mungkin telah pun disentuh oleh ahli-ahli yang lain tetapi itu menunjukkan betapa pentingnya perkara itu diambil perhatian oleh pihak kementerian dan juga lain-lain kementerian yang berkuasa.

Yang pertama, saya ingin menyentuh mengenai punca kemalangan jalan raya kerana ini penting diambil perhatian. Banyak telah diperkatakan bahawa antara lain ataupun punca sebenar kemalangan jalan raya ialah keadaan jalan raya itu sendiri dan kadangkala para pemandu itu menjadi mangsa dan sesudah menjadi mangsa dia pula didenda tetapi pihak yang berkuasa seperti Kementerian Kerja Raya dan kerajaan tempatan yang seharusnya menyelenggara jalan raya itu dengan senang mempersalahkan para pengguna tetapi tidak mengambil kira bahawa tanggungjawab untuk memastikan kemalangan jalan raya itu tidak berlaku adalah di dalam bidang kuasa mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sambung pukul 2.30 petang.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang.

*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tuaran diminta sambung.

**2.30 ptg.**

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Awal tadi saya menyatakan bahawa antara masalah yang perlu ditangani melalui pembentangan undang-undang ini ialah punca kemalangan jalan raya itu sendiri. Tidak ada ertinya kita mengadakan undang-undang yang hanya mahu bertujuan untuk menangani akibat kemalangan itu, bukan puncanya. Dalam konteks ini saya bermaksud segala tata cara yang diperlukan untuk keselesaan para pengguna jalan raya harus ditangani oleh kementerian-kementerian berkenaan khususnya Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini amat penting kerana sekalipun ada undang-undang ini yang bertujuan mengenakan hukuman yang lebih berat termasuklah denda yang begitu tinggi sekali tidak akan bermakna oleh kerana tidak ada manusia ataupun para pemandu yang ingin menemui kemalangan.

Masalahnya adalah antara lain jajaran ataupun reka bentuk jalan raya itu sendiri tidak memenuhi ataupun not driver friendly, dengan izin. Saya ambil satu contoh di jalan raya baru yang dibina di Jalan Tuaran, mungkin Tuan Yang di-Pertua sendiri pernah melihat jalan tersebut yang sedang dibina di Menggatal–Jalan Sepenggat. Seharusnya di situ dibina jalan raya simpang empat tetapi dibuat ‘T’ junction, kemudian dari jalan raya lama Tuaran–Menggatal, jalannya membelok pula. Sedangkan jalan ini adalah jalan baru dan saya cukup yakin bahawa kemalangan akan kerap berlaku di situ dan inilah antara lain yang perlu diambil kira di dalam penggubalan undang-undang. Kita tidak bertujuan untuk menyusahkan para pengguna, semata-mata kerana ada masalah kemalangan jalan raya.

Keduanya ialah mengenai penyelenggaraan jalan raya. Jalan raya dari Tamparuli ke Pekan Kiulu misalnya. Jalan ini rosak teruk sehingga beberapa kali orang terjunam ke dalam gaung – driver bukan mahu masuk ke dalam gaung tetapi keadaan di jalan raya....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin pula bangun. Yang Berhormat hendak beri jalan?

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Jangan ganggu, ini betul punya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Hendak minta penjelasan. Kalau mahu kata PBS parti yang demokratik...

**Tuan Yunof Edward Maringking:** You mahu punish orangkah menyebabkan kemalangan jalan raya. Inilah style Barisan Nasional

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau mahu membuktikan bahawa PBS itu demokratik....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Saya tidak beri jalan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Berilah peluang kepada saya untuk bertanya. Sekadar untuk bertanya pun tidak terima, tidak ada sikap keterbukaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

**Seorang Ahli:** Dia mabuk bah, minum air tapai. *[Ketawa]*

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Barisan Nasionallah mabuk kuasa. *[Ketawa]*

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan, Jelebu.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tidak beri jalan, nanti. Lain kali jangan datang ke Tuaran bawa rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, dari pekan Tamparuli ke pekan Kiulu begitu teruk jalan raya rosak. Kita tidak mahu mempersalahkan sesiapa, mungkin ada peruntukan kewangan untuk memperbaiki jalan raya itu tetapi persoalan kenapa peruntukan itu tidak digunakan. Ataupun kalau tidak ada peruntukan, mengapa tidak diberikan peruntukan sedangkan kerajaan mempunyai sumber kewangan yang mencukupi dan ini satu keadaan double standard. *[Seorang Menteri berjalan keluar Dewan]* Menteri takut mahu menjawab, tiada kewangan.

Kita mahu buat punishment kepada para pengguna tetapi kita tidak ambil kira masalah para pengguna di jalan raya. Kerajaan hanya mengharapkan kesalahan di jalan raya itu pula dijadikan sumber pendapatan melalui kompaun jalan raya ataupun penalti.

Saya fikir ini satu perkara yang malang, sudahlah hidup rakyat tertekan dan kadangkala ini pun menyebabkan kemalangan jalan raya. Lebih tertekan lagi dengan pelbagai kemungkinan.

Satu lagi masalah yang perlu ditangani oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ialah pemasangan lampu-lampu di jalan raya dan kadang-kadang ada tiang elektrik tetapi tidak ada lampu. Semasa kita menggunakan jalan raya, kerbau di tengah jalan kita tidak nampak. Jadi ini bukan pemandu sengaja hendak melanggar kerbau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tetapi bill ini tiada penalti untuk langgar kerbau, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tidak, ini masalahnya tiada lampu, itu sebabnya terjadi kemalangan jalan raya *[Disampuk]*. Tujuan undang-undang ini ialah mendenda para pemandu yang ditimpa kemalangan oleh kerana melanggar kerbau. Yang menyebabkan kemalangan ialah kerana tiada lampu. Kalau jalan raya ada lampu maka selesalah para pengguna. Jadi saya minta di dalam akta diwujudkan satu peruntukan di mana pihak-pihak berkuasa yang gagal menjalankan tugas harus didenda setimpal dengan kesalahan denda yang seharusnya dikenakan kepada pemandu yang ditimpa kemalangan. Oleh itu di dalam akta ini harus diadakan satu tribunal yang boleh menangani keadaan tersebut. Kita mahu tentukan siapakah yang bersalah. Adakah orang yang melanggar kerbau atau tebing jalan raya oleh kerana ia mahu melanggar begitu sahaja ataupun atas sebab kelalaian pihak kementerian yang bertanggungjawab.

Satu perkara lagi ialah kadang-kadang ketika kita memandu di jalan raya di musim kemarau tidak menjadi masalah tetapi kalau musim hujan, air bertakung di jalan raya dan itu juga menyebabkan kemalangan. Sebab air bertakung ialah kadangkala parit lebih tinggi daripada jalan raya, bagaimana air hujan mahu masuk ke dalam parit, ini menyebabkan air bertakung di jalan raya – jalan raya menjadi kolam.

Jadi ini semua harus diambil perhatian dan kalaulah kerajaan betul-betul berniat ikhlas untuk membanteras kemalangan jalan raya, caranya ialah menangani masalah ataupun punca kemalangan jalan raya itu dan bukan hasil kemalangan jalan raya itu yang kita tumpukan perhatian. Tanda-tanda jalan raya juga ataupun road marking perlu diperbaiki, kadang-kadang tak ada marking langsung, yang berapa had lajunya kita tidak tahu lagi, orang pun memandu dengan cara lajulah. Jadi ini siapa yang dipersalahkan? Semua pihak yang bertanggungjawab perlu menerima tanggungjawab.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Menyampuk]* Kerbaulah salah, bah!

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Memang ada asas di mana ada juga, bukan kita menuduh melulu, para pemandu pun memang ada yang cuai tapi saya rasa itu pun ada beberapa sebab misal kata mabuk, tadi ada orang kata dia mabuk. Di dalam mabuk ini siapa juga yang dipersalahkan? Kerajaan kutip begitu banyak hasil tax ataupun tax daripada orang yang mabuk. Kenapa tidak haramkan sahaja minum supaya tidak ada orang mabuk di jalan raya. Ini persoalannya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jelebu bangun, Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Okay, bagilah pada dia, nanti dia nangis!  
[Ketawa]

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya minta penjelasan sedikit. Pengalaman saya balik daripada Tenom pada 13 haribulan malam jam 1.00 pagi, saya lihat apabila saya memandu dari Tenom ke KK, jalan di Tambunan itu bergelimpangan orang tidur, bah, siapa yang mahu disalahkan? Apakah kita minta PBS buat undang-undang supaya tidak ada orang mabuk pada malam itu, saya minta penjelasan. Kalau kita membuat undang-undang bahawa orang PBS yang teruk nanti. Terima kasih.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Saya fikir di dalam negeri ini undang-undang digubal bukan untuk parti, itu untuk negara. Jadi kalau Jelebu mahu buat undang-undang untuk Jelebu sahaja, buatlah. [Ketawa] Saya rasa dia mungkin mahu cadangkan kepada Perdana Menteri buat undang-undang khusus untuk Barisan supaya jangan tipu waktu pilihan raya. Dia datang waktu itu mungkin dia sendiri mabuk, tentulah dia tak tahu. Dia datang dari Tenom pergi tipu tapi kalah juga. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan ikhlas saya jawab kepada Jelebu. Saya rasa ini saya baru katakan tadi mabuk ini memang antara punca yang menyebabkan banyak kemalangan jalan raya. Kita ambil blood testkah, nafas testkah, apa test sekalipun asal saja ada orang mabuk itu tidak dapat menghalang orang menempuh kemalangan, yang dapat menghalangnya ialah stop this mabuk once and for all, jangan jual arak. Jangan kerajaan hanya kerana mahu mengharap kutipan wang daripada arak ini maka tidak diharamkan arak tetapi orang yang mabuk didenda lagi. Jadi apa punya standard ini? Ini double standard.....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Bukan arak tapi air tapai itu, bah!

**Seorang Ahli:** Dia dah masuk PAS!

**Tuan Yunof Edward Maringking:** You name it what tapi masalahnya orang mabuk juga. Ini bukan permainan. Saya buat satu cadangan yang negara ini seharusnya pandang serious. We are a muslim country walaupun bukan muslim state. Tapi kita tidak membenarkan orang mabuk, kenapa kerajaan double standard tidak mahu mengharamkan penjualan arak? Sedangkan di Labuan dibebaskan cukai tetapi orang mabuk di tangkap di Langkawi juga. Jadi, apakah penjelasan dari perkara ini. Bagaimana kita akan kata jangan mabuk tetapi jual arak banyak-banyak. So untuk ini kita fikir totally prohibit drinking mungkin tidak bolehlah tetapi mesti ada peraturan. Had berapa banyak kita boleh minum, di mana kita boleh mabuk dan sebagainya. Jangan biar waktu kita pergi tempat-tempat hiburan sampai awal pagi, mabuk. Kalau tidak ada mabuk di dalam tempat hiburan mungkin tak ada yang pergi ke situ. Itu yang mungkin Bandaraya Kuala Lumpur tidak dapat kutip banyak wang.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** ]: Ada yang bangun pula, Yang Berhormat Serdang.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Nanti saya bagi. Semuanya berpunca daripada masalah kerajaan ingin mengutip wang maka berlakulah kemalangan kerana memandu waktu mabuk. Jadi, jangan double standard lah. Okey Serdang, saya ingin dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Serdang.

**Dato' Yap Pian Hon:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat tadi. Hujah-hujah yang dikatakan tadi saya rasa mungkin adakah sebagai manifesto parti PBS akan datang supaya untuk menyekat kebebasan perdagangan di negara kita supaya boleh membatalkan menjual arak? Adakah satu dasar PBS untuk sebagai manifesto akan datang dalam pilihan raya akan datang ini?

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Inilah kalau mahu buat soalan yang bagus-bagus, dengar betul-betul ucapan. Saya katakan tadi be impossible totally stopped it tapi ada undang-undang, itu kita punya dasar. Kalau kerajaan Barisan Nasional tidak mahu begitu bererti lebih baik jangan lagi had minuman ini. Kita boleh minum di mana-mana.....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, orang Sarawak sudah bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Jadi saya rasa, ini Batang Lupar sudah berucap panjang tadi, saya sokong semua itu *[Ketawa]* Jangan lagi ganggu....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya tidak ganggulah, sikit sahaja...

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Kawan, jangan ganggu lagilah!..

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sikit sahaja.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Nanti I bagi kalau ada masa.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ha! Lepas ini kena bagilah.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** So, kita kena ambil kira adakah kita perlu juga mengkaji dasar untuk penjualan arak ini supaya kita tidak perlu lagi melihat kemalangan jalan raya yang berpunca kerana sama ada kerana pemandu mabuk ataupun yang mabuk lalu kena langgar. Dan juga mungkin....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Jelebu bangun lagi Yang Berhormat.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Sekejap bah, mahu tanyak ni! Sikit saja.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ini Jelebu sudah diberi betis mahu paha lagi.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Belum lagi, mahu bantu saja, sikit saja, boleh, tak sportinglah itu. Sikit saja. Bah, takutkah itu?

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Nanti berucaplah sendiri. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya akan berpindah kepada kereta yang tidak berfungsi. Memang betul bahawa ada kalanya kereta-kereta yang tidak seharusnya lagi berada di jalan raya terpaksa dibawa juga ke jalan raya terutamanya rakyat di luar bandar. Ini kita kasihan, bukan mereka mahu bawa kereta itu kalau boleh diperbaiki tetapi ada dua sebab. Pertama, kemampuan, oleh kerana keadaan ekonomi penduduk di luar bandar diabaikan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Yang keduanya, jalan raya di luar bandar begitu teruk sekali. Balik ke luar bandar mahu buat, ini kereta rosak lagi. Jadi terpaksa yang hampir tidak boleh jalan di bandar pun terpaksa juga dibawa. Jadi, siapakah yang dipersalahkan? Kerajaan juga, buat jalan raya yang bagus-bagus, jangan buat highway di bandar sahaja, rakyat luar bandar pun

mahu hidup selesa juga, dia tidak mahu langgar atau minta dilanggar tetapi bagaimana kalau keadaan sudah begitu. Rakyat di luar bandar yang serba kekurangan, jangan dijadikan sasaran untuk memungut wang melalui denda, nanti waktu pilihan raya rakyat tidak akan hendak Barisan Nasional. [Disampuk]

Akhir sekali yang saya ingin sentuh mengenai punca kemalangan jalan raya ialah pemandu yang lalai. Saya nampak di dalam undang-undang ini memang ada peruntukan khusus untuk mengambil ataupun menarik balik lesen. Saya harap pihak kerajaan dalam melaksanakan ini perlu juga berhati-hati. Kelalaian ini banyak punca, saya tidak ingin huraikan di sini tetapi pokoknya ialah lesen memandu itu di dalam dunia moden ini adalah sangat penting. Kadangkala bukan dia sengaja tetapi terlalu banyak fikiran, mungkin oleh kerana hantar budak pergi sekolah, bermacam-macam masalah, maka fikirannya terganggu, terlalu banyak ingatan. Jadi, kalau kita tarik balik lesen dia, bagaimana dia mahu hantar budak-budak sekolah, bagaimana mungkin mahu hantar isteri pergi kerja. Gaji sudah rendah, masalah sosial akan timbul lagi. Saya berpendapat bahawa itu bukan cara untuk mengatasi masalah ini. Ada cara yang lain untuk mengatasi masalah ini.

Jadi, saya harap walaupun pada dasarnya saya fikir kalau dia notorious, tidak peduli apa-apa, bukan dia yang sebenarnya, bukan dia lalai tetapi dia memang notorious bad driver ataupun driver yang tidak betul-betul bertanggungjawab, saya rasa itu kita boleh sokong. Tetapi itupun haruslah melalui tatacara perundangan yang betul, jangan dilakukan dengan sewenang-wenangnya.

Esok kita akan membincang bil human rights, ini ada juga sangkut-paut dengan human rights. Jadi saya tidak mahu ke situ untuk perkara ini. Jadi, saya rasa di dalam hal ini kerajaan perlu mengambil iktibar apa yang saya telah katakan mengenai punca jalan raya ini.

Dari segi pelaksanaan pula, undang-undang ini saya rasa Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pernah jadi majisteret, kita tengok peruntukan-peruntukan baru 116A yang dulu seksyen 116 mahu dibatalkan oleh kerana ia mengambil kuasa daripada DPP untuk menjalankan prosecution di dalam undang-undang Akta Pengangkutan ini. Itu kita kena batalkan oleh kerana disedari bahawa ia bertentangan dengan undang-undang yang lain. Tetapi di dalam sini pula yang 116A kita akan beri satu peruntukan di mana kononnya membolehkan majisteret menjatuhkan hukuman maksimum, bolehkah, sedangkan ia bertentangan dengan peruntukan di dalam Judicature Act, dengan izin.

Mungkin Tanjong Karang boleh perelaskan bila dia berucap kelak. Tetapi pada hemat saya mungkin tidak boleh, kalau dulu tidak boleh ambil kuasa daripada DPP untuk mahu prosecute, bolehkah kita beri majisteret kuasa lebih tinggi daripada apa yang diperuntukkan kepada dia. Sedikit tidak boleh, sama juga. Jadi, kenapakah di'amend' undang-undang seperti ini dibentangkan di dalam Parlimen, seolah-olah kita ini tidak mahu merangka undang-undang yang boleh dilaksanakan. Seharusnya pihak Jabatan Peguam Negara sebelum membentangkan undang-undang seperti ini membuat kajian supaya kita tidak mahu membuang masa membahas undang-undang balik-balik.

Yang terakhir .....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Hui, sudah dua kali terakhir itu.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ini ada stage dia. Ini kita punya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri .....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Jangan tipuk dalam Dewan ini.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ambil iktibar. Jalan raya kampung perlu diperbaiki oleh kerana undang-undang baru akan dilaksanakan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Di belakang kau hantam betul-betul ya.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Jangan cakap bahasa yang sensitif. Mengenai pelaksanaannya pada keseluruhannya nanti saya telah katakan undang-undang ini haruslah dilaksanakan secara adil, bukan 'Keadilan'lah! - supaya matlamatnya akan tercapai.

Jadi, di dalam membuat keseimbangan jangan hanya mahu mempersalahkan pemandu sahaja. Pihak-pihak yang bertanggungjawab haruslah juga berani memikul tanggungjawab supaya pemandu jalan raya jangan menjadi mangsa seolah-olah duit mereka itu dipaksa dibayar melalui kompaun mungkin ataupun didenda di mahkamah. Tetapi yang lebih saya tekankan di sini ialah kita tidak menuju melulu. Di jalan-jalan raya di Sabah ada pihak polis - pemandu, yang dikatakan konon-konon melakukan kesalahan mahu dipanggil di satu tempat yang terpencil untuk mengadakan satu perbincangan.

Kalau mahu pergi ke mahkamah mungkin lebih mahal ...

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tetapi kalau - nanti saya beri jalan ...

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Okay, mahu habis ya.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Nanti, saya beri beliau kerana saya kasihkan beliau. Tetapi kononnya kalau mahu diselesaikan di situ juga, ada resit, murah. Saya tidak membuat tuduhan melulu. Saya ada seorang kawan di Kuala Lumpur. Saya ikut dia di waktu malam dan kita kena tahan, beliau berkata "*Encik, awak salah jalan, encik seharusnya tidak boleh masuk ke sini*". Jadi, kawan saya berhenti dan berkata, "*Mahu tengok lesen*"...

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Machang pula bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan?.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Nanti, nanti. Beliau berkata, "*Ini tidak salah*" dan beliau melihat lesen juga. Kawan saya berkata, "*Lesen ini daripada Sabah, tidak tahu jalan raya di sini*". Beliau berkata, "*Boleh selesai ke tidak di sini?*". Kawan saya berkata, "*Apa kesalahan?*" Beliau berkata, "*Kesalahannya, membelok*". Kawan saya berkata, "*Tetapi itu bukan kesalahan*". Beliau berkata, "*Tidak apalah, jangan banyak cerita, minum kopi pun boleh*". Apabila kawan saya berkata, "*Malu juga, ramai kawan di sini, MP pun saya bawa berjalan-jalan*". Kemudian pihak polis pun beredar.

Ini jelas menunjukkan bahawa di dalam pelaksanaan undang-undang kesalahan jalan raya ini boleh berlaku banyak perkara dan saya berharap dengan pelaksanaan khususnya penggubalan ataupun peruntukan yang mendadak tinggi tidak akan disalahgunakan. Ya, saya memberi jalan kepada Yang Berhormat dari Tanjong Karang oleh kerana beliau teringin benar...

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Sudah habiskah?

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Belum.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tidak apa, saya hendak bertanya bila mahu habis?. Sekarang bila melihat Ketua Menteri masuk, lagi panjang bercakap sedangkan tadi sudah mahu habis, dua kali akhir. Bila tengok Ketua Menteri masuk bercakap lebih panjang lagi, sebab saya hendak bertanya soalan, bila mahu habis sebab sudah dua kali akhir.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ada lagi.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Ada lagi, tiga kali akhir.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ada lagi.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Jangan tipu Dewan bah..

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** [Bangun]

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Machang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Machang.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya perhatikan ucapan Yang Berhormat, nampaknya memihak kepada mempertahankan pemandu. Yang Berhormat sendiri tahu bahawa di dalam rang undang-undang ini untuk memperbaiki peruntukan di bawah Seksyen 41, memandu secara merbahaya sehingga menyebabkan kematian, Seksyen 42, memandu secara merbahaya, Seksyen 43, memandu tidak cermat, berhati-hati dan seterusnya memandu dengan mabuk. Adakah Yang Berhormat hendak membiarkan mereka seperti ini, pemandu-pemandu seperti ini berada di atas jalan raya Malaysia, satu.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat membuat tuduhan, pada saya itu satu tuduhan yang cukup serius, menuduh pihak polis melakukan rasuah, meminta wang rasuah. Ini adalah suatu tuduhan yang mencemarkan bukan sahaja imej polis, imej Badan Pencegah Rasuah dan agensi-agensinya pelaksanaan undang-undang. Jika Yang Berhormat mempunyai bukti yang jelas dan nyata, saya minta Yang Berhormat ....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ya, saya jawab.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** .....sebagai seorang ahli yang bertanggungjawab mesti membuat laporan polis.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Cukup, itu ucapan bukan soalan.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Bukan, saya bertanya.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Itu ucapan, saya akan menjawab.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya bertanya Yang Berhormat, sanggupkah Yang Berhormat tampil dan membuat laporan polis. Jangan membuat tuduhan melulu, semua ini di hadapan pegawai kerajaan yang memalukan pihak polis, tuduhan itu cukup liar Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Saya akan menjawab.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Kalau tidak mahu membuat laporan polis, kena tarik balik.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Kalau mahu berucap, minta masa dengan Tuan Yang di-Pertua. Pertama, tentang pegawai ini, saya tidak kata Jabatan Polis ataupun balai, saya kata ada pegawai polis. Bolehkah Yang Berhormat nafikan bahawa ada ataupun boleh Yang Berhormat dengan cukup yakin menyatakan bahawa tidak ada berlaku rasuah di jalan raya?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat, saya tidak kata ...

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Saya fikir hanya Yang Berhormat yang berani ....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat, tanya saya.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ahli-ahli yang lain mungkin berani boleh mengatakan bahawa berlaku, bukan kita mengatakan melulu mengenai jabatan.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat quote tadi ialah kes spesifik, di mana Yang Berhormat seorang Ahli Yang Berhormat ...

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Itu yang saya katakan tadi, ini kes spesifik

...

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Ya, itu kes spesifik bahawa ada berlaku kesalahan meminta wang rasuah. Tuduhan itu spesifik Yang Berhormat. Mengapa Yang Berhormat sanggup melahirkan ucapan sedemikian di dalam Dewan ini tanpa mengambil tanggungjawab untuk membasmi rasuah dengan membuat laporan polis. Jangan sekadar melontar tuduhan yang tidak bertanggungjawab.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Bagi Machang, tiada maaf bagimu.  
[Ketawa]

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Mengapa begitu sekali, Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Maksudnya, saya beri beliau peluang supaya jangan buat begini, ini salah, tidak perlu membuat laporan oleh kerana ini bukan sampai menggugut. Tetapi yang saya mahu timbulkan di sini ialah itu yang berlaku. Beranikah Yang Berhormat mengatakan bahawa tidak ada perkara begitu berlaku? Memang ada, okay. [Ketawa] Mungkin Yang Berhormat baru masuk ke Dewan tadi, saya sudah katakan semua ini memang perlu dibanteras tetapi bukan dengan cara mengenakan denda yang tinggi. Antara caranya ialah go to the roots of the problem.

Pertama, eliminate sebab-sebab mengapa orang mabuk, baru ia tidak boleh pergi ke jalan raya sewaktu mabuk.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa awak cakap ini?

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Kalau tidak tahu the principle to think, saya fikir sesuatu perlu dilakukan. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah cukup bagi saya dan berharap cadangan saya diambil perhatian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jelebu.

3.07 ptg.

**Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk bersama-sama membahaskan perkara pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987. Kalau dahulu akta ini dibuat dengan begitu rapi, mengambil masa lebih kurang setahun 1986, 1987 diluluskan. Maka kita gunakan akta ini dengan begitu cermat sehinggakan pada tahun 1988 pun ada satu pindaan lagi yang telah dibuat.

Saya menjangkakan bahawa kementerian dan juga pihak JPJ telah menjalankan kajian yang cukup teliti. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kementerian dan JPJ di atas inisiatif yang diambil ini bagi memperkemas lagi suatu akta yang boleh menggambarkan ketegasanan pelaksanaan sesuatu akta itu bagi menjamin maruah negara dan melindungi pengguna-pengguna jalan raya. Walaupun apa yang berlaku tentunya ialah untuk menjurus kepada soal mempertingkatkan maruah kerajaan dan negara kita ke arah untuk mengurangkan kadar kemalangan maut menjelang tahun 2000. Apa juga yang diperturunkan di sini adalah untuk kebaikan dan perlindungan dan hak pengguna jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang menjadi punca kepada sesuatu kejadian adalah mencakupi sebab dan musabab yang telah dikenal pasti oleh pihak agensi penguatkuasaan,

pihak polis, JPJ dan sebagainya. Apatah lagi terbukti kadang-kadang sesuatu kemalangan maut yang berlaku itu yang menyebabkan kematian adalah disebabkan oleh beberapa faktor termasuk kelalaian dan kecuaijan sebagaimana yang hendak dipinda di dalam Seksyen 41, 42 dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, faktor persekitaran adalah juga menyebabkan sesuatu kejadian itu berlaku, faktor jalan walaupun ianya membawa lebih kepada soal sikap pemandu itu yang menyebabkan kemalangan berlaku sama ada kemalangan biasa ataupun kemalangan maut. Apa juga yang berlaku, perkara-perkara ini haruslah diambil kira. Kalau mengenai sikap pemandu, saya berharap dasar dan juga peraturan yang dibuat oleh pihak kementerian melalui JPJ ataupun agensi penguatkuasaan yang lain haruslah ditekankan. JPJ telah merubah sistem pemanduan sejak beberapa tahun yang lalu dengan mengemukakan beberapa kurikulum baru, Kurikulum Baru Sekolah Memandu (KBSM) yang baru dan juga sistem pengujian.

Kalau dahulu daripada sistem pengujian melalui operator sekolah memandu di bawah pokok ceri di kedai-kedai yang ditumpang, tetapi pada hari ini telah wujud satu keadaan yang cukup membanggakan dan meningkatkan sistem pengujian itu di dalam satu litar yang diwujudkan oleh pihak yang berkenaan.

Rangkuman beberapa SM1, pemilik permit dan juga pengajar-pengajar sekolah memandu bersama dengan pihak yang berkemampuan untuk mengoperasikan institut memandu ini telah merubah keadaan dan juga cara sistem pengujian bagi melahirkan pemandu yang berhemat. Walaupun terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti dari semasa ke semasa sehinggakan beberapa kelulusan untuk menubuhkan institut memandu itu tergendala. Terdapat beberapa institut memandu yang telah beroperasi, yang telah diluluskan masih digantung kerana tidak dapat mengadakan litar berkenaan dan beberapa negeri yang menghadapi masalah oleh kerana litar tidak dapat dipersiapkan, maka ianya akan menjurus kepada kesan dan juga penghasilan untuk melahirkan bilangan pemandu yang berhemat. Ini harus kita lihat.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian dan juga jabatan. Setakat hari ini adakah konsep dan juga kaedah pembukaan dan operasinya institut memandu ini dibuka kepada pihak awam untuk menjamin sebenar-benarnya institut memandu ini dapat dioperasikan dengan baik. Kalau setakat untuk memberikan peluang, ruang telah pun diberikan kepada pemilik permit sekolah memandu ataupun SM1 ini dan juga SM2 untuk mereka bergabung bagi menjalankan operasi institut memandu ini yang diperlengkapkan dengan litar yang cukup sistematik dengan kenderaan-kenderaan yang canggih dan juga termoden. Kalau dahulu kita tidak dapat melihat Kancil ataupun Proton Wira digunakan di dalam sistem ujian, pada hari ini kita dapat lihat. Kalau dahulu tiada kenderaan ujian menggunakan gear automatik tetapi pada hari ini dapat kita lihat pelbagai saiz kenderaan telah pun digunakan untuk tujuan menguji dan juga melahirkan pemandu-pemandu yang berhemat yang mematuhi peraturan dan yang berpengetahuan, di samping memberikan ruang dan juga peluang kepada pihak yang mengoperasikan institut memandu ini mendapat sedikit keuntungan.

Dahulu kenderaan yang digunakan Datsun 120Y ataupun 130Y tetapi pada hari ini telah melihat kepada pilihan mengikut cita rasa seseorang bakal pemandu itu yang akan mendapatkan dokumen pemanduan secara yang sah. Walaupun terdapat rungutan-rungutan mengenai dengan bayaran kepada pengujian ini yang begitu mahal, seolah-olah tiada pengawalan yang dibuat oleh pihak kementerian dan juga JPJ, namun, bilangan bakal-bakal pemandu ini bertambah dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun apa yang berlaku pihak kementerian, saya mencadangkan dan menyarankan supaya diwujudkan satu penyelarasan kadar bayaran untuk bakal-bakal pemandu ini dapat mengikuti kursus-kursus pemanduan. Sama ada teori

dan praktikalnya mengikut Bahagian I, II dan III yang disyaratkan begitu ketat sekarang ini. Begitu juga dengan peluang untuk mendapatkan lesen-lesen vokasional - PSV dan GDL yang dahulunya kalau dibayar lebih kurang RM50 sudah dapat PSV ataupun GDL ini tetapi sekarang RM300 hingga RM400 masih belum mencukupi.

Inilah di antara kesan dan sebab-sebab yang membawa kepada permasalahan atas usaha kerajaan untuk melahirkan pemandu-pemandu yang berhemat dan bertimbang rasa. Kadang-kadang dengan sistem yang ada pada hari ini menyebabkan setengah orang mengambil jalan mudah untuk mendapatkan lesen memandu secara yang tidak sah ataupun mendapatkan lesen memandu secara belian yang dapat diperolehi bagi tempoh setahun, dua tahun ataupun tiga tahun. Apabila hendak diperbaharui tidak boleh, kononnya tiada rekod dalam komputer. Ini adalah masalah yang berlaku sejak dahulu hingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pengalaman-pengalaman yang lalu perkara ini tidak dapat kita elakkan, oleh kerana ada pihak yang memerlukan dan ada pihak yang memberikan perkhidmatan. Sebab itu saya menyarankan supaya JPJ diperlengkapkan dengan suatu alat pengesan untuk mengesahkan sama ada lesen memandu milik seseorang itu sah ataupun tidak. Dahulu pernah saya menyarankan dalam Dewan yang mulia ini dan di dalam perkhidmatan dahulu pun saya pernah mencadangkan, di dalam mesyuarat-mesyuarat yang tertentu di jabatan, pernah saya mencadangkan supaya Unit Penguatkuasaan ini diperlengkapkan dengan alat yang canggih sebagaimana kita mengesan kesahihan wang kertas yang ada di shopping complex dan sebagainya.

Apabila Unit Penguatkuasaan ini diperlengkapkan dengan mesin yang berkenaan, pengesan berkenaan, saya kira ianya akan dapat membantu apabila berlakunya penyelewengan penggunaan lesen memandu palsu yang dahulu cukup memeningkan kepala pegawai-pegawai di JPJ termasuk saudara Shurat Singh, selaku Pengarah Lesen pada waktu itu. Ini berlaku dan pengalaman saya sendiri yang kadang-kadang kita sendiri mendapati bahawa lesen palsu, road-tax palsu apatah lagi dengan sistem dan juga kemudahan yang ada sekarang ini boleh dikeluarkan lesen yang tulen, setulen-tulen yang di

.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teluk Intan bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Nanti dahulu, nanti dahulu brother. Saya mahu cakap dahulu, tengah stim sekarang ini. So, jangan kacau. Dah hilang dah punca. [Ketawa] Ganggu sekejap.

Lesen palsu ini berlaku melalui pengesanan yang dibuat oleh kadang-kadang pegawai-pegawai yang cukup pakar. Saya tidak menafikan bahawa bukan semua pegawai yang dilantik dan dilatih oleh JPJ ini pakar. Macam saudara Shurat Singh, dia tengok sahaja, dia sudah tahu ini lesen palsu. Ya, tidak payah kita uji lagi dan kita tahu. Dan pengalaman saya sendiri juga begitu, melihat kepada LKM ataupun Lesen Kenderaan ataupun road-tax apabila kita melihat dan kita menyuluh dengan lampu, kita lihat itu adalah palsu. Kalau dipandang daripada luar memang tidak nampak ianya palsu dan sah ianya boleh dikeluarkan di mana-mana mengikut sindiket yang menawarkan perkhidmatan ini.

Begitu juga dengan masalah Sijil Pendaftaran Kenderaan yang berleluasa dikeluarkan secara paksa oleh sindiket yang berkenaan. Sebab itu kita dapat tahu bahawa kereta-kereta curi apabila ditangkap boleh berjalan semula walaupun tidak dipulangkan kepada pemiliknya yang asal. Ini kerana telah dibuat pindaan kepada nombor enjin dan juga chassis yang berkenaan yang kita tafsirkan sebagai nombor enjin dan chassis telah terusik, dipinda dan sebagainya dan dijual kepada pembeli yang lain, maka sebab itulah saya terkadang-kadang ingin juga menyarankan dan menyokong saranan yang dikeluarkan oleh CEO PUSPAKOM beberapa lama dahulu mencadangkan supaya kenderaan-

kenderaan persendirian ini sebelum dibeli perlu menjalani pemeriksaan dahulu supaya pelanggan ataupun pembeli tidak akan tertipu.

Saya menyokong cadangan ini supaya satu kaedah dibuat untuk membolehkan perlindungan kepada pembeli ataupun bakal pembeli kenderaan ini diberikan syarat sebelum pertukaran nama dibuat kepada pembeli berkenaan, pemeriksaan melalui PUSPAKOM hendaklah dibuat ke atas kenderaan yang tersebut. Ini mempunyai tujuan dan faedah yang boleh memberikan keuntungan kepada pemilik ataupun bakal pembeli berkenaan kerana pada waktu ini melihat kepada laporan-laporan kecurian kenderaan cukup membimbangkan dan terdapat beberapa kaedah yang dikenakan oleh pihak jabatan dan kementerian tidak diikuti sepenuhnya. Sebab itu saya mencadangkan supaya kenderaan yang melebihi sepuluh tahun umpamanya hendaklah disyaratkan sebelum ditukar nama ataupun ditukar milik kepada pemilik yang lain hendaklah diperiksa terdahulu kerana di PUSPAKOM dengan sistem yang ada pada hari ini, sistem komputerisasi yang ada pada hari ini akan menjamin keselamatan kenderaan tersebut boleh dan selamat digunakan di jalan raya.

Oleh kerana keadaan keselamatan kenderaan yang digunakan di jalan rayalah yang menyebabkan sesuatu kemalangan itu berlaku, di samping disebabkan oleh sikap pemandu yang cuai, pemandu yang tidak bertimbang rasa, pemandu yang selfish, pemandu yang tidak menghiraukan kepentingan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada faktor kenderaan yang menyebabkan kemalangan terdapat juga faktor-faktor yang lain di jalan raya sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tuaran tadi, saya sokong. Kadang-kadang ada betul, bah, itu - bukan tidak ada betul, aca yang betul. Saya sokong pendapat 'bah' itu.

Faktor jalan raya juga menyebabkan kemalangan. Dengan tidak adanya sistem signage yang betul, junctionnya yang tidak betul, kadang-kadang peratusan ataupun alignment jalan yang tidak begitu baik, ini menyebabkan kemalangan. Walaupun pindaan ini telah dan sedang kita lakukan, saya berharap jabatan-jabatan yang berkenaan, Kementerian Kerja Raya akan melihat cadangan yang telah diberikan oleh pihak polis dan juga JPJ ini, di mana-mana stretch yang menyebabkan kemalangan yang selalu berlaku, kemalangan maut yang selalu dan kerap berlaku hendaklah dibaiki dengan serta-merta supaya akan dapat menyelamatkan lagi lebih ramai pengguna jalan raya dan pemandu-pemandu yang sering menggunakan jalan berkenaan.

Laporan telah dapat kita lihat bahawa kemalangan menjelang perayaan baru-baru ini dan tempoh yang sebelum ini berlaku bukan hanya di highway tetapi yang lebih tinggi kadar kemalangan mereka ialah di kawasan-kawasan jalan di luar bandar, jalan-jalan lama umpamanya kalau di Negeri Sembilan jalan-jalan yang selalu berlaku kemalangan termasuk di Jelebu, Kuala Pilah dan Seremban, antara Mantin dan Seremban yang pernah meragut puluhan nyawa dahulu apabila bas Foh Hup terbalik di satu selekoh di Mantin. Ini tidak dapat kita lupakan.

Begitu juga dengan jalan-jalan yang lain di Johor Bahru umpamanya dan kadang-kadang di jalan-jalan yang ada ini - PLUS. Pengalaman saya memandu daripada Pulau Pinang ke Kuala Lumpur terdapat beberapa tempat yang cukup merbahaya walaupun jalannya lurus tetapi bumping terlalu dahsyat yang boleh menyebabkan tangan seseorang pemandu itu terlepas daripada steering apabila dia memandu dalam keadaan 110 kilometer sejam dan harus dilihat. Saya mahu supaya apabila akta ini dikuatkuasakan, sebelum akta ini dikuatkuasakan nanti Jabatan Kerja Raya melalui agensi-agensi tertentu haruslah melihat dan mengambil tindakan segera supaya jangan disebabkan oleh jalan ini terdapat pemandu ataupun pengguna jalan raya yang terpaksa dipenjarakan ataupun digantung dan ditarik lesen mereka.

Tuan Yang di-Pertua, faktor sikap juga haruslah kita ambil kira yang menyebabkan kadang-kadang berlaku kemalangan yang cukup dahsyat walaupun mereka merupakan pemandu yang berpengalaman tetapi kemalangan mungkin takdir qada' dan qadar tidak dapat kita elakkan. Ini harus kita terima dan untuk melengkapkan keadaan ini beberapa faktor ataupun perkara harus diambil kira.

JPJ adalah merupakan satu pusat untuk memproses dan melahirkan pemandu dan bakal pemandu yang berhemat, sebab itu saya menyarankan agar kakitangan yang berkenaan yang bertanggungjawab dengan pengujian dan juga pihak yang mengendalikan urusan latihan memandu ini dapat menjalankan tugas dengan baik, sempurna dan cukup teruji. Janganlah kita mengirakan soal untuk mendapat dan melahirkan pemandu yang boleh diuji setiap bulan mengikut bilangan tetapi kualitinya agak menurun, biarlah kita mengutamakan kualiti di dalam apa juga usaha kita walaupun terpaksa mengurangkan bilangan orang-orang yang diuji ini pada sesuatu masa.

Walaupun dengan adanya institut memandu ini, Tuan Yang di-Pertua, walaupun di setengah tempat ada, di setengah tempat tidak ada, macam di Pahang Barat, di Raub itu sampai sekarang ini tidak ada lagi ya, sejak saya tinggalkan JPJ Raub pada tahun 1995, pada waktu itu kita gunakan sistem 'ideal cub', pool car kita gunakan kaedah itu, kita buat circuit tetapi pada hari ini masih lagi belum ada satu circuit pun boleh digunakan oleh bakal-bakal pemandu yang ada di Pahang Barat. Mereka terpaksa dihantar ke Kuantan, ke Temerloh, ke Gombak. Tetapi di Pahang Barat daripada Kuala Lipis, Raub, Bentong, terpaksa dihantar keluar, apa masalahnya?

Dalam perbincangan yang lalu saya telah menyarankan supaya perkara ini disegerakan. Kalau mereka tidak mahu SM1, SM2 tidak mahu, persetankan dia orang ini. Kita hendakkan supaya sistem institut memandu ini diwujudkan. Kalau kita hendak bertegas, kita bertegas. Jangan terlalu bagi ruang dan peluang kepada mereka. Mereka sudah lama mengaut keuntungan, buat sistem ujian di bawah pokok ceri, pejabat di bawah pokok ceri, pejabat di kedai kopi. Langsung tidak ada usaha untuk mengembangkan business mereka. Ini harus kita lihat. Mereka suffer sekarang, Tuan Yang di-Pertua.

Di Pahang Barat dengan pejabat yang begitu cantik dan canggih. Ini hendak marah sedikitlah ini, bukan hendak kata hendak marah banyaklah, sedikit sahaja, mereka suffer. Sebelum ujian hendak dijalankan - teori, kursus yang harus dibuat, kursus pemandu yang berhemat, 5 jam kursus kena buat. Kena bayar RM50, RM30, RM20 dan sebagainya, terpaksa berulang. Lepas itu hendak belajar 6 jam SM1 ajar, okay. Lepas itu kena ikut institut memandu, terpaksa berulang-alik jauh. Jadi kesannya ialah adanya bakal-bakal pemandu ini yang tidak cukup latihan, yang tidak cukup pengetahuan. Mereka mahu diuji segera walaupun tidak cukup tempoh untuk belajar 16 jam, betul lagi 16 jam? Betul, 16 jam. Ada yang buat report kata 10 jam pun sudah cukup. 16 jam?. Siapa yang hendak memantau perkara ini, siapa yang hendak memantau, SM1, SM2? Mereka perlukan keuntungan. Mereka tidak peduli sama ada testee diberi latihan selama 16 jam ataupun tidak. Yang pentingnya rekod dia pada hari ini mesti hendak melayani kehendak testee ini untuk diuji dan dia pun hendak juga hasil.

Satu orang dapat komisyen lebih hantar ke institut memandu kena komisyen, kena bayar dengan institut memandu dan institut memandu dalam keadaan ini diberikan kuasa begitu besar. Kena kaji balik perkara ini, Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri kena lihat balik perkara ini, jangan beri kuasa kepada institut memandu begitu besar sehinggalah kuasa-kuasa JPJ telah diambil. Saya dengar perkara ini, institut memandu ada kuasa menentukan si anu ini boleh diuji sekian-sekian haribulan.

Institut memandu boleh menentukan orang ini boleh dan orang ini tidak boleh. Orang ini dahulu dan orang ini kemudian. Mana boleh kuasa kita diberi kepada institut memandu? Kita digazet sebagai kakitangan kerajaan yang bertanggungjawab menentukan

mereka ini diuji bila-bila masa. Mana boleh beri kuasa kepada institut memandu, kalau saya tidak silap, kalau saya silap betulkan saya Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri.

Dan keadaan di institut memandu itu haruslah diperlihat semula, kemudahan-kemudahannya yang cukup lengkap, jangan ada tempat menunggu pun tiada, tempat untuk meletakkan kenderaan pun tidak ada, dengan kadar bayaran yang begitu mahal, tetapi servis tidak diberikan cukup baik kepada bakal-bakal pemandu itu.

Dan seperkara mengenai dengan kadar bayaran. Ingin saya menyarankan supaya kementerian dan juga jabatan mengenakan kadar bayaran mengikut tempat dan suasana. Di Kuala Lumpur bayarannya haruslah setanding mungkin dengan Selangor, dengan Ipoh, dengan Pulau Pinang umpamanya, tetapi di Pahang Barat tidak bolehlah setinggi di Kuala Lumpur, kalau dahulu motosikal boleh RM80 untuk dapat lesen 'L' dan juga lesen yang sah, tetapi RM150 sekarang ini tak cukup, menjangkau RM200 lebih, yang anehnya di tempat-tempat yang lain tidak selaras dengan tempat yang satu lagi.

Ini harus dilihat supaya jangan terlalu membebankan bakal-bakal pemandu dan saya menyarankan satu kadar haruslah dikenal pasti dan dikenakan kepada mereka supaya bakal-bakal pemandu merasakan ada perlindungan yang boleh diberikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan institut memandu, untuk melahirkan pemandu-pemandu yang berhemat ini, kepada negeri-negeri yang masih tidak ada institut memandu, mengikut kuota keperluan haruslah disegerakan. Dalam perbahasan yang lalu, saya menyebut di Negeri Sembilan, beberapa institut memandu telah pun diluluskan, tetapi ada yang telah ditolak, dibatalkan, satu di Port Dickson. Mengapa ianya dibatalkan terus, mengapa tidak dibuka kepada pengusaha yang lain.

Pada saya kaedah beku ini ialah kepada permohonan baru ataupun kuota yang baru, kalau kepada kuota yang telah ada tetapi mereka tidak dapat mengusahakan institut memandu, tidak boleh dibekukan, kuota itu harus dilengkapkan untuk mendapatkan kuota yang baru, baru kita bekukan, jangan menyusahkan orang.

Kita mewujudkan institut memandu ini ialah untuk memberikan kemudahan kepada mereka. Saya minta Yang Berhormat Menteri dan kementerian akan melihat balik dan menyejajarkan akan pembekuan ini dibuka semula kerana kaedah institut memandu ini kalau diusahakan dengan baik, ianya akan dapat melahirkan pemandu yang berpendidikan, pemandu yang berhemat, pemandu yang berpengalaman, yang tahu bertimbang rasa, yang tahu akan kaedah untuk menjauhkan daripada kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang berkaitan dengan pindaan ini, saya menyokong pada dasarnya, tetapi kepada pindaan Seksyen 41 dan 44 kalau boleh dilihat kerana untuk kita terus menghukum mereka yang belum pasti didapati bersalah, macam yang Bagan katakan semalam, harus dilihat semula. Okay, kalau macam saya selaku pemandu individu – okay. Apabila didapati bersalah ataupun apabila berlaku kemalangan, tarikh lesen tidak mengapa. Mungkin saya boleh minta saudara saya bawa saya memandu kereta, tetapi bagaimana dengan mereka yang mata pencariannya kepada kenderaan berkenaan dan lesen itu sendiri misalnya sebagai pemandu teksi, dia ada lesen memandu, dia ada lesen Public Service Vehicle (PSV), lesen vokasionalnya, itulah punca dan periuk nasinya.

Kalau ditakdirkan di dalam satu keadaan pemandu teksi ini terlibat dengan kemalangan maut, mungkin ia sedang memandu dalam keadaan yang penuh tumpuan, datang sebuah motosikal yang melanggar keretanya dan pemandu motosikal itu mati. Mahu tidak mahu dia akan disoal siasat dan dia disabitkan dengan kemalangan maut dan first mention ia akan ditahan lesennya, tidak boleh memandu lagi. Apa kata kalau dicadangkan supaya keadaan ini dilihat kepada mereka yang dikategorikan sebagai

pemandu-pemandu yang mencari makan dengan lesen dan juga teksis, bas dan sebagainya ataupun lori dibenarkan diikat jamin sebelum kes itu didapati bersalah.

**Tuan Haji Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Batang Lupar bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Silakan.

**Tuan Haji Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak bertanya kepada rakan saya dari Jelebu ini, soalan Seksyen 41 dan pemegang lesen yang digantung lesennya apabila kemalangan berlaku.

Saya juga telah menyebutkan sedikit tadi soalan Seksyen 41 dan hukuman mandatori di bawah seksyen tersebut. Jadi, persoalan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelebu ialah persoalan suspension of license apabila kemalangan melibatkan maut berlaku.

Jadi, di sini juga saya berbalik kepada penekanan, pengetahuan dan kebijaksanaan pegawai yang terlibat dalam menyelidik kemalangan jalan raya kerana kadang-kadang orang melihat undang-undang kemalangan jalan raya ini adalah undang-undang yang berlainan sedikit dari undang-undang jenayah iaitu apabila berlakunya sesuatu perkara di 'assumption' atau, dengan izin, tanggapan dibuat iaitu yang hidup itu salah, yang mati itu betul, maknanya apabila kemalangan berlaku di antara macam mana yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat tadi, motosikal dan kereta, walaupun kereta memandu dengan cara cermat dan baik tetapi yang melulu ataupun yang salah laku ialah penunggang motosikal, apabila pelanggaran berlaku – mati, motosikal yang salah.

Jadi, yang menjadi mangsa kematian ialah penunggang motosikal dan yang melakukan kesalahan juga si penunggang, tetapi assumption kebiasaannya pegawai penguatkuasa ialah yang mati itu adalah betul, yang hidup itu adalah salah. Jadi dengan sendirinya kalau undang-undang inilah digunakan seperti itu, ini bermakna .....

**Seorang Ahli:** Ucapan atau penjelasan?

**Tuan Haji Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini bermakna iaitu kita telah menginterpretasi ke peringkat penyelidikan kesalahan tersebut dan orang yang menggunakan lesen sebagai cara penghidupan itu telah menjadi mangsa dua kali dalam satu perkara.

Jadi, dalam pandangan Ahli Yang Berhormat, peringkat manakah suspension ini boleh dibuat kalau undang-undang ini hendak diubahsuaikan, peringkat mana suspension boleh dibuat kerana pandangan orang yang membuat undang-undang ini ialah pandangan daripada segi pegawai kerajaan, apabila melakukan kesalahan ada tuduhan dalam disiplin, apabila penyelidikan dibuat kepada pegawai kerajaan itu digantung pekerjaannya, bila digantung mungkin diberi setengah gaji dan sebagainya, apabila setengah gaji, bila dia didapati salah, gaji ini mungkin hilang tetapi kalau dia tidak bersalah, gaji ini akan dibayar dan kerjanya diberi semula. Tetapi bagi mereka yang bekerja sebagai pemandu, usahakan kehidupan secara memandu, gaji tidak ada, usaha tidak ada, semua tidak ada, siapa yang hendak bayar, siapa yang hendak ganti.

Jadi, bagaimanakah pandangan Ahli Yang Berhormat berkenaan persoalan ini supaya keadilan boleh dibuat. Janganlah pegawai kerajaan yang menggubal undang-undang sebegini rupa, membuat satu analogi yang salah ataupun berlainan. Terima kasih.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih Yang Berhormat dari Batang Lupar. Itulah tadi, saya sebenarnya hendak memberikan sedikit perlindungan kepada pemandu-pemandu terutamanya yang makan gaji, pemandu-pemandu di jabatan-jabatan kerajaan,

kerana mereka dilantik sebagai pemandu kenderaan ataupun pemandu D30, saya tidak ingat - jawatan pemandu. Kalau dia terlibat di dalam kemalangan there and then, maknanya lesen dia ditahan dan digantung. Fist mention dia akan digantung, mungkin kes itu berlarutan dua, tiga tahun kita tidak tahu. Jadi bagaimanakah mereka ini dapat diberikan perlindungan. Hendak bawa kereta lagi tidak boleh lesen sudah tidak ada, akibatnya ada juga kes-kes yang berlaku dalam pada dia lesennya digantung dia pergi ke JPJ tempat lain, dia uji balik, dia dapat sebelum kes komputerisasi dibuat. Terdapat kes-kes yang sedemikian. Apabila seseorang itu lesennya digantung dia dapat lesen yang lain. Mungkin ada usaha mereka sendirilah ini berlaku dan ini ada kes-kes yang kita perolehi dahulu dan akibatnya kita batalkan terus, bukan digantung lagi, tetapi dibatalkan haknya untuk mendapatkan lesen. Jadi ini keadaannya. Saya mengambil kira perkara ini kepada mereka yang makan gaji dengan kerajaan sebagai pemandu, bagaimana kedudukannya. Itulah sebabnya saya mencadangkan kalau boleh diberikan kelonggaran ataupun dibuat sedikit pindaan. Mereka ini dibenarkan membawa kenderaan, terlebih dahulu dibenarkan diikat jamin...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang bangun Yang Berhormat, Seri Aman bangun pula. Sila.

**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih, saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Jelebu, kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, yang cukup tidak pedulikan keadaan di jalan raya adalah pemandu yang mata pencarian mereka dari memandu, misalnya pemandu lori yang besar-besar, pemandu teksi oleh kerana mereka rasa mereka adalah pakar di jalan raya dan mereka kadang-kadang tidak memberi laluan dan tidak menghormati pemandu-pemandu yang lain dan saya tengok kemalangan-kemalangan yang teruk adalah kadang-kadang berpunca daripada pemandu lori yang tidak menghormati pemandu-pemandu lain seperti kita di sini, kita di sini lebih takut dengan pemandu yang begitu. Jadi apakah cadangan Yang Berhormat dari Jelebu supaya pemandu seperti ini dapat dikawal?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin timbalan menteri akan menjawab secara detail, tetapi kepada saya sesuatu kes itu hanya akan terbukti apabila dibicarakan di mahkamah. Kadang-kadang kesilapan teknik yang mungkin disengajakan ataupun tidak oleh pegawai penyiasat akan boleh menentukan sesuatu kes itu sama ada berlaku kesalahan ataupun tidak. Tetapi kepada yang memandu bagi kenderaan-kenderaan yang berat ini saya berpendapat setengah-setengah syarikat yang berwibawa, syarikat-syarikat pengangkutan yang kukuh sentiasa mengadakan kursus dan juga latihan-latihan dalaman dalam jabatan ataupun syarikat mereka ataupun mengadakan kursus refreshment di kalangan pemandu-pemandu mereka yang melakukan kesilapan. Saya menyarankan supaya kementerian akan mensyaratkan kepada syarikat-syarikat ini untuk mengadakan kursus dan latihan dalaman dalam jabatan mereka, dalam syarikat mereka untuk membiasakan pemandu-pemandu ini agar dapat mengawal kenderaan mereka di dalam keadaan apa juga.

Memang terdapat syarikat-syarikat yang besar seperti Shell, Petronas, Esso dan sebagainya mengadakan latihan-latihan sedemikian ataupun bas pengangkutan sebagainya mengadakan kursus-kursus kepada pemandu-pemandu mereka tetapi kepada mereka yang bersalah tentunya akan menerima hukuman dan saya yakin kerajaan akan menjalankan usaha ke arah untuk memastikan dan mengesahkan bahawa mereka yang bersalah akan tetap dihukum. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sipitang.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya ingin minta penjelasan kepada Yang Berhormat dari Jelebu sama ada beliau bersetuju atas dasar bahawa kebanyakan pemandu ini sama ada mereka memandu kenderaan milik mereka ataupun milik syarikat di

mana mereka bekerja, kadang-kadang kenderaan ini tidak diselia dengan baik, tidak mempunyai lampu yang selamat, tidak mempunyai tayar yang selamat dan juga cukai jalan yang sah. Apakah Yang Berhormat setuju bahawa tindakan atau denda itu bukan sahaja kepada pemilik kenderaan ataupun pemandu tetapi juga syarikat-syarikat yang menggunakan khidmat kenderaan ini ataupun yang menyewa ataupun barang-barang mereka diangkut dengan kenderaan ini. Ertinya mereka juga membenarkan barang-barang mereka diangkut ataupun dikendalikan oleh syarikat-syarikat yang tidak berwibawa ataupun kenderaan yang tidak sah, ialah memang mereka mengatakan "saya mana tahu ini kontraktor yang mengangkut yang punya tanggungjawab", tetapi barang yang diangkut oleh kenderaan tersebut adalah barang-barang mereka. Jadi perkhidmatan pengangkutan itu mereka gunakan syarikat yang tidak berwibawa, ertinya kenderaan yang tidak selamat, cukai jalan yang tidak diperbaharui dan sebagainya.

Begitu juga dengan lebih muatan, saya mendapat tahu kalau di Sabahlah banyak lori ini mengangkat kayu balak, papan yang begitu lebih muatan, kalau dibenarkan kawasan itu muatan cuma 20 tan tetapi boleh sampai 80 tan, cuba bayangkan, tetapi barang-barang yang diangkat ini adalah kepunyaan syarikat lain. Apakah juga boleh disabit bahawa mereka yang membenarkan ataupun yang menggunakan khidmat ini yang akan dikenakan tindakan? Terima kasih.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih Yang Berhormat dari Sipitang. Sebenarnya mungkin kementerian akan memikirkan satu kaedah yang baru dalam hal ini tetapi lazimnya yang ada sekarang, sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh seseorang pemandu itu akan hanya dihukum kepada pemandu dan pemilik kenderaan. Walaupun kita dapati setengah-setengah kenderaan yang disewakan oleh syarikat pengangkutan umpamanya pemilik permit itu menyewakan permit mereka dan tentunya lori sekali kepada satu syarikat pengangkutan yang lain. Jadi kemungkinan perjanjian ataupun persetujuan telah pun dibuat apabila berlaku sesuatu kes-kes penguatkuasaan maka syarikat yang berkenaanlah menanggung segala perbelanjaan dan sebagainya. Ini mungkin berlaku dan saya mungkin akan melihat perkara ini, akan difikirkan oleh pihak kerajaan untuk mengenakan juga tindakan, hukuman kepada pihak yang menyewa, syarikat pengangkutan berkenaan. [*Y.B Tuaran bangun berjalan keluar Dewan*] Ada lagi, okay silakan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuaran jangan balik dulu, orang hendak tanya ini. Yang Berhormat, ini saya hendak tanya - malang kawan dari Sabah sudah balik. Tadi, saya hendak tanya dengan dia penjelasan tetapi dia tidak beri. Jadi, saya hendak tanya penjelasan ini, soalan arak ini tadi. Saya bercerita sedikit mukadimah panjang lebar, kalau di Sarawak macam Yang Berhormat sebut di Sabah tadi, masa berjalan di Tenom itu ramai orang yang berkeliaran, mabuk di tepi jalan dan sebagainya. Jadi, di Sarawak kita cuba, saya ingat semua Ahli Parlimen, VIP, menteri dan sebagainya itu telah cuba ke luar bandar, kita hendak membanteraskan minuman arak ini. Ini cerita lain tetapi persoalannya, dia kata tadi "Kalau hendak memberhentikan orang memandu kereta daripada minum arak, haramkan arak itu sekali" kata dia. Kalau kita haramkan arak itu baru kita dapat menghapuskan soal orang mabuk memandu kereta, tetapi Yang Berhormat, saya hendak membawa satu logik ini, kemalangan jalan raya yang pertama dalam sejarah ialah jalan di England tahun 1762 Yang Berhormat, kalau tidak salah saya tahun dia.

Lepas itu jalan Macedonia dibuat dan sebagainya sampai jalan besar-besaran, ada orang mengatakan, jangan buat jalan selagi kita buat jalan kemalangan akan berlaku dan selepas itu kita buat pula dengan secara canggih kereta-kereta yang besar dan laju. Orang kata selagi orang buat kereta canggih, besar dan laju selama itulah orang akan memandu kereta dengan laju dan kuat di jalan raya dan selama itulah kematian di jalan raya akan berterusan.

Baru-baru ini Yang Berhormat, motosikallah yang banyak sekali terlibat dengan kemalangan dan yang mati itu penunggang motosikal di Malaysia. Ada orang mengatakan jangan jual motosikal di Malaysia ini kerana motosikal itu adalah punca kematian di jalan raya. Ini satu logik, logik yang sama dengan rakan dari Tuaran. Logik kalau tidak minum arak, berhenti atau haramkan arak. Kalau tidak mahu ada kemalangan jalan raya kita, jangan bina jalan raya. Kalau tidak hendak kereta laju dan sebagainya, jangan jual kereta. Kalau ada penunggang motosikal yang mati, berhenti jual motosikal. Maknanya tindakan yang diambil oleh kementerian untuk melatih orang dan sebagainya, memberi latihan yang cukup, undang-undang yang cukup dan sebagainya, tidak perlu lagilah. Kita balik asal kita tahun 1500 dulu, mungkin tidak ada jalan.

Jadi, persoalan saya hendak tanya Yang Berhormat ini, setuju atau tidak dengan logik sedemikian. Terima kasih.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Susah hendak jawab soalan lawyer ini, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin Dato' Timbalan Menteri akan mengupas lebih lanjut perkara ini, tetapi kalau kita hendak mengharamkan arak memang sudah haram pada orang Islam. Kepada pemandu-pemandu Islam mungkin perkara ini tidak banyak berlaku tetapi untuk kita mengharamkan kepada mereka yang lain, yang beragama lain itu adalah satu perkara yang tidak wajar kerana mereka juga mempunyai hak asasi masing-masing.

Kalau berlaku di Sabah, saya yakin bagus. Kalau Yang Berhormat dari Tuaran mahu mencadangkan perkara ini, bagus, harap-harap dia tidak menang lagi dalam pilihan raya nanti kerana orang-orang PBS minum tapai, air tapai. Jadi, manalah boleh kalau air tapai tidak boleh diminum, kalau mahu diharamkan semua. Jadi, bagus juga kalau dikenakan syarat yang sedemikian supaya air tapai juga termasuk dalam kategori arak yang memabukan akan dapat diharamkan. Jadi, saya ingat PBS senanglah, tidak menang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbalik kepada soal pewujudan bakal-bakal pemandu yang berhemat ini tadi. Saya berharap dengan adanya peluang pada pindaan ini kalau boleh dibuat, diberikan mereka ini, dibenarkan ikat jamin mengikut kewajaran yang tertentu agar mereka ini dapat diberikan perlindungan sebelum hukuman dijatuhkan kepada mereka. Mungkin memakan masa satu tahun, dua tahun, agak malang kepada mereka yang belum pasti didapati bersalah ini hilang pendapatan, hilang mata pencarian terutamanya kepada mereka yang berjawatan pemandu di dalam jabatan-jabatan kerajaan dan juga kepada mereka yang mencari nafkah untuk menyara anak, isteri dengan mata pencarian teksis, bas dan sebagainya ataupun lori.

Apabila lesen digantung tentunya lesen memandu dan lesen vokasional akan ikut sekali, vokasional dan juga driving license akan mengikut sekali untuk ditahan apabila mereka ini dikategorikan sebagai pemandu PSV dan GDL yang terlibat di dalam kemalangan maut dan perkara ini juga ada hubung kait dengan sistem penyiasatan yang akan berlaku.

Jadi, saya berharap dengan adanya pertimbangan ini akan dapat memberikan satu bentuk tugas yang ikhlas dan jujur dan transparent di dalam usaha jabatan-jabatan penyiasat berkenaan untuk menjalankan penyiasatan kepada kes-kes yang tertentu. Mungkin di dalam keadaan-keadaan yang tertentu sesuatu kes itu agak longgar fakta dan juga bukti-buktinya maka mereka ini akan dibebaskan dan saya juga berharap kepada anggota-anggota polis yang benar-benar berpengalaman, benar-benar berpengetahuan akan diberikan mengikut ranking yang tertentu untuk tackle masalah kes-kes accident yang melibatkan kematian ini.

Sekiranya tiada kuasa yang diberikan secara khusus kepada anggota-anggota polis ini yang akan menyiasat kes-kes kemalangan maut ini, saya khuatir sesuatu perkara yang di luar dugaan kita akan berlaku dan akhirnya mereka yang didapati bersalah ini tidak akan bersalah ataupun orang yang kena tuduh ini belum lagi ditentukan sabit kesalahan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga berharap pihak PUSPAKOM tadi kepada agensi-agensi pemeriksa kenderaan-kenderaan commercial ini dan juga PSV ini dapat menjalankan tugas dengan baik, cermat dan teliti. Jangan lagi ada di antara mereka yang mengambil endah tak endah akan tugas ini, akan kepentingan memastikan kenderaan itu selamat digunakan di jalan raya. Kalau diuji, diuji betul-betul, jangan ada uji atas angin lagi.

Ada juga kaedah yang menguji di atas angin, Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu apabila kenderaan dilesenkan di Johor, dia hanya boleh diperiksa di JPJ Johor, tidak boleh diperiksa di JPJ Selangor umpamanya. Hanya dengan kebenaran JPJ Johor baru dia boleh diperiksa di bahagian teknik di Selangor tetapi pada hari ini telah dibolehkan di mana-mana sahaja kenderaan perdagangan dan kenderaan penumpang itu diperiksa di mana-mana PUSPAKOM yang ada dan saya berharap dengan kelonggaran ini yang diberikan oleh jabatan, oleh kementerian, PUSPAKOM hendaklah mempertanggungjawabkan sebenarnya akan tugas pemeriksaan kerana tugas-tugas pemeriksaan ini akan menjamin kepada keselamatan penumpang-penumpang yang dibawa dan pengguna-pengguna yang menggunakan perkhidmatan kenderaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perkara ini juga, saya ingin menyarankan supaya JPJ akan melihat akan kekesan sistem KEJARA yang dilaksanakan dahulu. Apa sudah terjadi dengan KEJARA ini sebenarnya. Saya hendak juga statistik yang kalau boleh, setakat hari ini berapakah jumlah lesen-lesen yang diserahkan oleh pemandu-pemandu yang didapati bersalah, yang mencapai point yang maksimum untuk diserahkan kepada pihak JPJ bagi tujuan penggantungan sementara dan sebagainya?. Berapa di antara lesen-lesen yang diarahkan untuk diserahkan tetapi tidak diserahkan oleh mereka yang didapati bersalah dan melanggar peraturan memenuhi point KEJARA berkenaan?. Apa tindakan dan apa usaha untuk mendapatkan lesen-lesen ini semula daripada pengguna-pengguna jalan raya dan juga pemandu-pemandu yang telah didapati bersalah tersebut?.

KEJARA adalah merupakan satu sistem yang cukup baik kalau dilaksanakan dengan betul dan saya kuarir perkara ini akan hanya menjadi dasar tetapi tidak dilaksanakan dengan baik oleh kerana kecekapan ataupun kekurangan tenaga ataupun kakitangan yang ada di dalam JPJ itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi tentang MKJR. Ini semua adalah merupakan perkara-perkara yang ada hubung kait dengan sistem pengawal seliaan dan juga untuk mengingatkan pengguna jalan raya dan bakal-bakal pemandu ini untuk menggunakan kenderaan dengan cermat dan tertib. MKJR ada di seluruh negeri, Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) yang mana Dato' Exco sesuatu kerajaan negeri itu menjadi pengerusi dan JPJ negeri-negeri itu adalah merupakan setiausaha kepada MKJR ini.

Saya difahamkan bahawa MKJR ini cukup banyak duit tetapi kurang kempen yang dibuat. Kempen ke sekolah seperti Yang Berhormat dari Batang Lupa menyebut tadi tidak pernah, setahu saya di Jelebu ini belum ada lagi MKJR Negara Sembilan datang ke sekolah Jelebu untuk mengadakan kempen keselamatan jalan raya secara besar-besaran dengan pihak-pihak sekolah yang rata-ratanya kita lihat kalau bas sekolah yang mengangkut pelajar-pelajar itu sampai maksimum, sampai berdiri di tangga, berdiri di injak-injak – di bawah kaedah itu salah juga apabila penumpang berdiri di injak-injak. Tetapi apa yang berlaku mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat rakan-rakan semua bersetuju sekiranya terdapat kelemahan di dalam penyeliaan ini – bas-bas sekolah diisi macam ikan sardin – selagi boleh masuk, masuk.

Menggunakan basikal, motosikal, kereta di kalangan penuntut-penuntut bukan asing lagi – mereka mempunyai kemudahan-kemudahan tidak seperti pelajar di tahun 40-an, 50-an dan 60-an tetapi pada hari ini kita lihat kalau kita pergi ke sekolah, ratusan buah motosikal ada di dalam kawasan pagar sekolah mahupun di luar, siapa yang peduli kepada

mereka ini. Ada yang menggunakan motor tetapi tidak ada lesen, ada yang menggunakan motor dengan lesen. Setengah-setengah JPJ itu mempunyai inisiatif akan mengadakan sistem pengujian khusus untuk kanak-kanak sekolah – ada juga. Pengalaman saya dahulu memang saya khususkan satu hari untuk menguji budak-budak sekolah yang layak mendapatkan lesen memandu. Umur 16 tahun sudah bolehlah apatah lagi umur 17 tahun boleh dapat lesen kereta. Ini harus kita buat.

MKJR harus melihat perkara ini dan bertanggungjawab kepada masalah-masalah kemalangan yang berlaku di dalam sebuah negeri. Majlis Keselamatan Jalan Raya yang ditubuhkan di semua negeri ini haruslah memperluaskan kempen mereka. Membelanjakan seluruh kewangan yang ada yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk faedah dan juga kepentingan masyarakat umum dan juga pengguna jalan raya. *[Bercakap dalam loghat Negeri Sembilan]* Jangan hendak dijadikan harta, bak kata orang Negeri Sembilan, duit yang diberikan oleh kerajaan itu jangan hendak dijadikan harta, tidak dicairkan, digunakan sepenuhnya - buat kempen di sekolah-sekolah, buat kempen di kalangan persatuan-persatuan belia yang sekarang ini banyak melakukan lumba haram dan sebagainya. Apakah peranan yang dimainkan oleh MKJR selama ini? Di Jelebu tidak pernah datang, di Serembanlah berlegar-legar.

Jadi, saya hendak bertanya Pengarah JPJ Negeri Sembilan, apakah yang dia sudah buat dan rancang? Dan MKJR sekiranya berfungsi sepenuhnya akan dapat membantu kerajaan di dalam usaha mengurangkan kadar kemalangan dan melahirkan pemandu yang berhemah. Yang kita hendakkan sekarang ini mengurangkan kadar kemalangan maut 30% menjelang tahun 2000. Kita ada beberapa bulan sahaja lagi untuk sampai ke tahun 2000 – lima bulan lagi saja, bang. Sempat? Tidak sempat sebab MKJR duduk dengan kerja-kerja yang lain. Duit banyak, kemudahan ada, pakar-pakar semuanya ada, polis ada dalam itu, JPJ ada, SS pun ada, jabatan-jabatan yang lain pun ada tetapi sekolah-sekolah tidak dipedulikan, tidak ada satu bentuk ceramah yang dibuat secara menyeluruh di sesuatu negeri tersebut. Hanya bermusim, kalau yang favor kepada seseorang, buatlah di tempat itu, mungkin di Seremban ataupun di Port Dickson, barulah, tetapi di daerah-daerah yang lain tidak dilaksanakan, begitu juga di negeri-negeri yang lain.

Pengalaman saya di Pahang dahulu, tidak pernah buat pun di Raub mahupun di Pahang Barat. MKJR – duit banyak tetapi tidak dibelanjakan. Jadi, kementerian harus melihat semula Unit MKJR di kementerian harus berperanan menggerakkan mereka ini untuk menjamin bahawa usaha mereka dapat membantu kerajaan di dalam mengurangkan kadar kemalangan dan kemalangan maut yang berlaku di setiap musim perayaan terutamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bertanya tentang Pusat Latihan JPJ yang dicadangkan di Melaka – apa jadi? Setakat manakah tahap pembangunan Pusat Latihan Kakitangan JPJ yang ada di Melaka, tidak silap saya RM20 juta, ya Dato', kalau yang diluluskan dahulu RM20 juta. Bekas Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan telah memaklumkan pada Dewan yang mulia ini pada tahun ini juga akan dimulakan. Pusat Latihan JPJ adalah berfungsi untuk melatih kakitangan kepegawaian yang ada di seluruh negara. Pegawai-pegawai dan kakitangan JPJ di samping melatih juga pengajar-pengajar sekolah memandu ataupun pihak yang melakukan ataupun menjalankan operasi sekolah memandu, institut memandu pada waktu ini untuk mendalami ilmu berkaitan dengan pengujian dan sebagainya. Ini cukup penting. Jangan kita buat keputusan tapi kita tidak buat pelaksanaannya.

Jadi saya rasa kementerian akan berusaha melihat keperluan ini dapat disegerakan. Mungkin sudah buat ya, Dato' - sedang buat, minta dilaksanakan dan akan dapat disiapkan dalam jangka masa yang tertentu. Ianya akan melahirkan kakitangan yang berhemah dan juga akan melahirkan bakal-bakal pengajar memandu yang berkualiti dan segala aktiviti

akan dapat dilaksanakan di samping memberikan latihan kepada rekrut yang baru di kalangan kakitangan penguatkuasaan ataupun penguji di JPJ.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu mengenai mahkamah trafik. Saya hendak bertanya apakah keputusannya usaha untuk mewujudkan mahkamah trafik ini?. Sekiranya mahkamah trafik ini dapat diwujudkan di seluruh negeri, saya yakin dan percaya kes-kes yang berkaitan dengan kemalangan maut ini dan kemalangan akan dapat diselesaikan begitu cepat. Tidak perlu kita menunggu perbicaraan di mahkamah majistret dan ke mahkamah yang lain untuk kita menjatuhkan hukuman dan sebagainya untuk menyelesaikan kes-kes yang berkaitan dengan kemalangan jalan raya yang melibatkan trafik dan sebagainya. Saya berharap ianya akan dapat diberikan penjelasan supaya apabila mahkamah trafik ini akan diwujudkan akan dapat membantu mengurangkan kes-kes yang tertunggak selama ini yang tidak dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha untuk melaksanakan undang-undang ini saya yakin dan percaya kementerian akan menggunakan kepakaran yang ada bagi memaklumkan kepada semua pihak yang menggunakan jalan raya ini, begitu juga agensi-agensinya penguatkuasa yang lain. Mereka haruslah dimaklumkan dengan pindaan-pindaan yang berkaitan dan terutamanya kepada jabatan-jabatan polis dan juga JPJ itu sendiri yang kakitangannya harus telah maklum akan pindaan-pindaan yang berlaku supaya di dalam usaha mereka menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan ini akan dapat juga memberikan nasihat-nasihat yang berguna kepada pengguna jalan raya terutamanya kepada bakal-bakal pemandu yang dilatih dan juga dikursuskan di institut memandu yang ada di seluruh negara ini.

Kadang-kadang sesuatu perubahan dalam dasar kerajaan ataupun akta itu tidak dimaklumkan dan mereka tidak mengetahui. Maka apa juga pindaan yang berlaku kepada sesuatu akta itu tidak langsung diketahui akan kesan dan juga akibat kepada kemalangan ataupun kemalangan maut yang berlaku di kalangan mereka.

Begitu juga dengan kurikulum di dalam institut memandu ini haruslah dilihat semula. Kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, apabila pengujian itu dilaksanakan di dalam institut memandu ataupun di dalam litar institut memandu itu, ada cabaran-cabarannya yang akan dilalui oleh bakal-bakal pemandu ini ataupun testee ini.

Kalau sekarang mungkin kaedah untuk bergerak, lampu isyarat, selekoh merbahaya, mendaki bukit, 'three point ten' dan sebagainya dilakukan sejak beberapa tahun yang lalu, kemungkinan selepas ini ada kaedah yang boleh diserapkan masuk di dalam kurikulum ujian sekolah memandu ini di dalam litar-litar yang diwujudkan.

Kemungkinan ada cara untuk diuji bagaimana seseorang pemandu itu dapat mengelakkan kemalangan. Fikirkanlah dan adopt lah sesuatu yang baik daripada negara-negara luar di mana kaedah pengujiannya cukup up-to-date dan sophisticated, tak payah lagi ianya diajar berjam-jam dalam kaedah-kaedah yang lama tetapi diuji dengan kaedah yang tidak ada langsung cabaran dalam usaha untuk kita melahirkan pemandu yang berhemah.

Kemungkinan, Tuan Yang di-Pertua, ujian sewaktu hujan lebat, ini mungkin methodnya, modulnya hendaklah dibuat. Begitu juga dengan memandu di dalam kawasan sibuk, di dalam kesesakan jalan raya dan di selekoh-selekoh yang merbahaya, berbukit dan sebagainya, ianya haruslah disesuaikan. Kemungkinan pembelajaran kepada bakal-bakal penguji ini, bakal-bakal pemandu ini akan dapat dibuat di kawasan-kawasan luar daripada litar yang berkenaan, dan kaedah memandu waktu malam, dalam hujan lebat dan sebagainya, haruslah diwujudkan dan dibuat supaya pemandu-pemandu terutamanya kepada pemandu-pemandu wanita, kebanyakan wanita ini menjadi mangsa, kadang-kadang. Minta maaf, Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu, dulu pengalaman saya bila saya membuat spot check untuk ujian, kalau sepuluh saya cabut, lima wanita, tiga akan

gagal - wanita. Jadi, bukan kerana mereka gugup, kerana mereka tidak cukup latihan dan kadang-kadang mereka malu untuk bertanya dan sebagainya. Sebab itu kaedah pembelajaran bagi golongan bakal pemandu wanita ini haruslah diasingkan, tak boleh kita selaraskan sama rata dan sebagainya, kemungkinan petunjuk ataupun penjelasan kepada mereka ini haruslah dibuat dengan lebih kerap. Kaedah untuk melihat punca-punca kemalangan, jangkaan kemalangan dan sebagainya haruslah diberikan dengan lebih luas lagi.

Begitu juga dengan contoh-contoh yang boleh mengingatkan mereka, mungkin lawatan ke hospital-hospital boleh dibawa. Okay, bakal-bakal pemandu ini suatu hari institut memandu akan membawa ke Unit Kemalangan Cemas di Hospital Seremban umpamanya. Tengoklah kaki bergantung, tangan bergantung dan sebagainya, supaya kesedaran ini akan timbul akibat daripada kemalangan, inilah kesannya. Mungkin ini sebagai untuk melengkapkan kursus dan sebagainya kepada bakal-bakal penguji ini, bakal-bakal pemandu ini, Tuan Yang di-Pertua, supaya kesedaran mereka akan ada di dalam jiwa sebelum mereka memandu kenderaan. Setelah mendapat lesen yang sah ianya akan tersemat di dalam dada dan hati mereka bahawa akibat kemalangan ini akan adanya kesedaran dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ianya boleh di'adopt'kan dalam waktu bakal-bakal pemandu ini mendapat latihan dan khusus di institut memandu dan sebagainya. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, kepada pemandu-pemandu yang telah didapati bersalah sebelum ini, Jabatan Pengangkutan Jalan pernah menyatakan bahawa kursus semula (refreshment course) akan dibuat dan diwajibkan kepada pemandu-pemandu yang telah digantung lesen, yang telah terlibat dalam kemalangan, yang lesen mereka telah dicop dan sebagainya. Apa jadi dengan kursus ini dan setakat hari ini berapakah jumlah pemandu-pemandu yang telah dikenal pasti ini yang terlibat telah diberikan kursus semula (refreshment course) ini, dengan izin, yang telah dilakukan dan dijalankan oleh pihak jabatan.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, disebutkan oleh rakan saya dari Batang Lupar mengenai implementation of the black box, dengan izin, kepada kenderaan-kenderaan pengangkutan awam terutamanya bas ekspres. Apa sudah jadi dan bila hendak dilaksanakan kerana kotak hitam ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah merupakan satu indikator yang boleh membantu mengawal kelajuan kenderaan dan mengesan sesuatu kemalangan ataupun effect ataupun permasalahan yang dihadapi oleh sebuah kenderaan yang dipasang dan dilengkapi dengan kotak hitam, computerized, maknanya anggota polis boleh melihat sahaja kotak hitam itu dan membaca mengikut kaedah yang ada pada kotak hitam itu dan dapat direkodkan segala kesalahan yang telah dilakukan oleh pemandu. Mengapa ianya tidak lagi dilaksanakan? Dulu saya sudah bertanya dalam Dewan yang mulia ini, tidak ada lagi tolak ansur dan tetap akan dilaksanakan tetapi sehingga hari ini tidak lagi dilaksanakan.

Saya juga yang bertanya soalan itu pada sesi yang lepas dan saya berharap ianya akan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya kerana ini akan dapat membantu pengguna kenderaan dan juga penumpang-penumpang kenderaan berkenaan, akan dapat mengelakkan sikap yang tidak bertanggungjawab di kalangan pemandu-pemandu yang berkenaan yang kebanyakannya melibatkan kemalangan maut dan terlibat dengan kenderaan yang lebih kecil daripada bas yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan 'speed limit indicator' yang akan kononnya digunakan kepada kenderaan-kenderaan baru yang apabila digunakan mencapai tahap 105 km/j akan mengeluarkan bunyi ataupun 'signal' untuk memperlambatkan kenderaan tersebut. Sejauh manakah kenderaan-kenderaan Proton ataupun Wira ini telah dipasangkan dengan 'indicator' yang sedemikian sebagaimana yang dinyatakan dulu akan dipasang di kenderaan-kenderaan baru. Begitu juga dengan pelaksanaan 'blinkle light' kepada lori-lori pengangkutan dulu, ada yang kuning ada yang merah. Saya hendak

bertanya kepada JPJ. Sebenarnya warna apa 'blinkle light' ini, merah amarkah? Kalau dulu lori-lori dipasang dengan 'blinkle light' ini yang atas atap tetapi selepas itu tidak dilaksanakan. Banyak syarikat pengangkutan yang telah mengalami kerugian tetapi ianya tidak dikuatkuasakan.

Kerana ini semua, Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya apabila kementerian membuat dasar, membuat sesuatu perkara itu ialah untuk melindungi pengguna jalan raya, tetapi apabila ianya telah diputuskan ianya pula tidak dilaksanakan dengan betul. Jadi yang mana satu kita hendak ikut ini? Saya hendak minta maaf kepada pihak kementerian, sebenarnya kalau kita hendak ikut kehendak orang ini susah hendak kita laksanakan. Tetapi kalau kita hendak buat kita buat betul-betul. Insya-Allah, mereka akan mematuhi peraturan ini dan senang kepada anggota penguatkuasa untuk bertindak. Sekarang ini bendanya ada tetapi tidak dilaksanakan. Jadi saya berharaplah kementerian harus bertegas dalam soal ini untuk ianya dapat dilaksanakan dan dapat memberikan sebenar-benarnya perlindungan kepada mereka yang menggunakan kenderaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut supaya Jabatan Pengangkutan Jalan ini dalam usaha untuk melengkapkan jabatan sebagai satu jabatan yang ketiga terbanyaknya mengutip pendapatan dan hasil kerajaan. Lihat semula tentang pelaksanaan dan pemantauan PUSPAKOM yang telah diswastakan ini. PUSPAKOM saya nampak begitu lemah pelaksanaan pemantauan yang dibuat oleh Unit Selia Teknik JPJ ini. Saya minta maaf kerana saya lihat masih banyak berlaku perkara yang tidak menyenangkan operators kenderaan, pemilik-pemilik kenderaan KPA dan komersial ini yang terpaksa kadang-kadang benda ini sudah buat semua tetapi tidak lulus juga. Saya pun hairan kenapa? Kadang-kadang ada yang borak-borak kecil dan sebagainya dan ini masih berlaku. Sebab itulah PUSPAKOM telah memberhentikan beberapa orang kakitangannya dalam tempoh setahun ini termasuklah pengurus cawangannya yang terpaksa diberhentikan oleh kerana penyelewengan yang berlaku.

Ianya harus dilihat. Pemantauan ini harus dilihat kalau kita tidak hendak rugi. JPJ harus memantau PUSPAKOM ini dengan cara yang teliti dan sebagainya. Kalau perlu kita buat sistem incognito, kita menyamar dan sebagainya. Kita punyai sendirilah kakitangan di jabatan, inspectorate team kena wujudkan. Kalau dahulu inspectorate team kita mengkhusus kepada soal akaun dan sebagainya kita wujudkanlah. Dahulu ada pertukaran penguatkuasa Raub pergi ke Kuala Lumpur, Wilayah pergi ke Pahang dan sebagainya. Sekarang ini kita buatlah. Ada lagi unsur-unsur penyelewengan dan juga rasuah yang berlaku di dalam jabatan.

Baru-baru ini dipertikaikan bahawa operators lori mendakwa bahawa kakitangan penguatkuasaan JPJ melakukan rasuah. Kita kena lihat perkara ini, tuduhan-tuduhan ini harus diteliti. Saya berharap JPJ haruslah peka kepada tuduhan-tuduhan yang sedemikian. Buktikan bahawa JPJ pada ketika ini adalah bersih daripada segala penyelewengan dan juga bentuk korupsi yang ada. Kalau boleh sistem penguatkuasaan secara bersama haruslah dibuat di mana polis dengan BPR haruslah diteruskan supaya pihak-pihak yang ingin memberi dan pihak-pihak yang ingin meminta akan sedar bahawa ada agensi yang melihat perkara ini. Kalau dahulu ianya dibuat, BPR pun sama-sama, malah beberapa pegawai BPR pun saya berikan lesen yang besar-besar. Kita beri dia peluang dapat lesen lori supaya mereka dapat menyamar sebagai pemandu lori, ada lesen GDLnya untuk membolehkan mereka membawa lori-lori, ada lesen PSVnya supaya mereka boleh membawa bas ataupun mereka diberikan lesen konduktor supaya mereka menjadi konduktor sementara umpamanya supaya kerjasama ini akan diwujudkan antara polis, JPJ, BPR supaya dapat membantu membersihkan imej jabatan itu sendiri.

Inilah saya harap begitu juga dengan usaha-usaha ke arah penguatkuasaan ini. 3E itu haruslah dilaksanakan iaitu 'engineering, educate and enforcement' jangan kita hendak 'enforce' sahaja sedangkan kita tidak nasihatkan mereka. Saman tidak bererti memberikan

kesedaran secara total kepada pengguna jalan raya. Kadang-kadang kita nasihatkan mereka adalah merupakan satu perkara yang boleh menyedarkan pengguna jalan raya yang melakukan kesalahan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan untuk meminda khususnya kementerian meminda, saya amat menyokong perkara ini tetapi perkara-perkara yang berkaitan dengan Seksyen 41 dan 44 itu haruslah dilihat semula kalau boleh untuk melindungi mereka yang belum lagi didapati bersalah tadi untuk dapat dipertimbangkan agar mereka juga dapat mencari makan dengan pencarian yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu perkara-perkara yang berhubung kait dengan siasatan juga haruslah dilakukan dengan berhemat. Janganlah mereka yang belum pasti didapati bersalah ini seolah-olah telah bersalah dan telah disisihkan daripada masyarakat dan juga hak mereka untuk menggunakan kenderaan dan juga lesen sebagai mata pencarian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong. Terima kasih.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua :** Bandau.

#### 4.28 ptg.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang bagi saya menyampaikan beberapa komen atas rang undang-undang iaitu satu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987. Pada keseluruhannya pihak kita sememangnya menyokong perubahan-perubahan yang terkandung di dalam rang undang-undang ini. Walau demikian ada beberapa perkara yang pihak kita ingin menyentuh khususnya apabila sampai ke tahap pelaksanaannya nanti.

Sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan tumpuan sedikit tentang membangkitkan perkara berkaitan dengan PUSPAKOM. Seperti mana yang sedia maklum pada Ogos 1994 aktiviti pemeriksaan kenderaan telah pun diswastakan kepada sebuah syarikat Diversify Resources Berhad (DRB) melalui perjanjian konsesi dan syarikat DRB seterusnya menyerahkan tugas pemeriksaan kenderaan ini kepada syarikatnya iaitu Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer Sdn. Bhd (PUSPAKOM).

Kita ingin meminta penjelasan daripada pihak kementerian sebabnya mengikut tinjauan kita khusus di negeri Sabah dan bahkan di negeri Sarawak walaupun usaha untuk menswastakan aktiviti pemeriksaan kenderaan ini nampaknya di beberapa pusat masalah belum juga dapat diselesaikan. Tujuan pada dasarnya mempercepatkan pemeriksaan dengan itu mempercepatkan dengan izin 'renewal' lesen kereta tertentu. Tetapi didapati juga masih banyak queue, juga yang masih panjang. Bahkan appointment perlu dibuat dan sering kali hari kedua, ketiga baru kita boleh dapat. Jadi pihak kita ingin bertanya apakah masalah yang sebenar yang ada kaitan dengan perkhidmatan yang dibekalkan oleh PUSPAKOM.

Kalaulah dari asalnya tujuan untuk menswastakan aktiviti pemeriksaan ini adalah untuk mempercepatkan proses pemeriksaan tetapi tidak tercapai maka pihak rakyat dan pihak umum perlu bertanya, kenapa ini terus terjadi dan apa masalah-masalah yang ada kaitan dengan rintangan yang dihadapi oleh pemilik-pemilik kereta. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa antara sebab kenapa ini lewat ataupun servis perkhidmatannya masih belum memuaskan, masih lewat juga dari segi proses pembaharuan lesen-lesen melalui proses pemeriksaan ini, saya juga difahamkan oleh kerana memang pusat pemeriksaan kenderaan berkomputer ini belum mencukupi alat-alat

ataupun tidak mencukupi untuk menampung jumlah kenderaan yang perlu diproses dan perlu diperiksa.

Seperti mana kita sedia maklum, mengikut perjanjian konsesi PUSPAKOM, PUSPAKOM dikehendaki membina 31 buah pusat pemeriksaan kenderaan berkomputer di seluruh negara dalam tempoh satu tahun mulai September 1994. Pihak kita ingin bertanya, sudahkah ini tercapai dan apakah kedudukan terkini beberapa pusat PUSPAKOM yang terkini khususnya pusat-pusat yang dibina sebagai tambahan daripada perjanjian konsesi tersebut sebab kita melihat bahawa inilah masalah pokok kenapa queue dan kelambatan untuk memperbaharui lesen masing-masing melalui proses ini oleh kerana tempat dan fasilitas belum mencukupi untuk memendekkan masa menunggu proses pemeriksaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya akta ini memanglah memperbaiki apa yang dalam Akta 1987 itu dengan pindaan-pindaan yang tertentu termasuklah pindaan dari segi penalti yang ditambahkan, kebanyakannya dua kali ganda daripada apa yang pada asalnya dan juga membenarkan kawasan Perbandaran Putrajaya dimasukkan di dalam akta yang baru ini.

Dari segi soal penalti ataupun tambahan, Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kita setuju peranan penalti atau denda sebagai satu larangan kepada pemegang-pemegang lesen supaya memandu kereta dengan bertanggungjawab dan seterusnya pada masa yang sama walaupun penalti itu ada, tinggi dan termasuk dalam rang undang-undang tetapi jika enforcement atau penguatkuasaan itu tidak mencukupi maka ia tidak boleh mencapai matlamatnya juga seperti mana yang ditekankan dalam rang undang-undang ini. Bukan sahaja soal adakah pihak penguatkuasa itu mencukupi tetapi adakah mereka tegas dari segi melaksanakan undang-undang dan bukan sahaja tegas tetapi adil Tuan Yang di-Pertua.

Kita melihat misalnya, di satu daerah di Sabah di mana daerah Kota Belud terkenal sebagai satu daerah pick-up, penuh dengan pick-up passenger walaupun lesen itu memang dua orang saja boleh angkat passengers. Kadang-kadang kena tahan, kenapa melebihi dua orang, dia bilang yang bertulis di pintu sana, penumpang dua orang dan barang-barang. Jadi dia bilang, "Ini semua barang-barang, bukan manusia". Di sana biasalah, pick-up itu sebagai alat untuk mengangkut. Di tempat-tempat lain pihak JPJ ataupun pihak penguatkuasa begitu tegas, di Paparkah, di Kota Marudu dan di Kudat tetapi di kota ini ada perbezaan.

Jadi dalam perkara ini saya ingin menyatakan bahawa satu penguatkuasaan itu hendaklah bukan sahaja mencukupi dari segi tenaga tetapi tegas dan juga adil supaya kalau ada pengecualian diberi, hendaklah diberi kepada tempat-tempat yang sama dengan masalahnya supaya saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, tugas menguatkuasakan undang-undang adalah supaya masyarakat keseluruhan menerima dan patuh kepada undang-undang yang sedia ada.

Pada masa yang sama juga, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, denda dan penalti itu tinggi hasil dari kesalahan-kesalahan di jalan raya tetapi kesalahan-kesalahan itu juga ada kaitan dengan kualiti jalan raya yang rendah. Maka saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua bahawa tindakan ini, perkara ini harus juga diambil kira. Tidak ada ertinya kita mempunyai satu undang-undang yang kukuh mendenda para pengguna kenderaan tetapi pada masa yang sama jalan raya itu buruk, jalan raya itu dalam keadaan yang tidak mencerminkan harga cukai yang kita bayar kepada kerajaan.

Jadi kita berharaplah pihak kerajaan sambil menguatkuasakan dan menambahkan undang-undang, memperkuatkan undang-undang demi untuk menjaga keselamatan para pengguna kereta dan orang awam bahawa yang pokok itu iaitu kualiti jalan raya yang

mencukupi dan tidak merbahaya kepada pengguna-pengguna harus juga diambil kira dan diberi perhatian yang sama, kalau tidak, akan jadi lebih serius.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah satu perkara lagi yang saya ingin sentuh di sini, di bawah Fasal 16 dan 17 iaitu di mana akta ini memaksa mengambil darah untuk membolehkan sampel darah diambil daripada mana-mana orang tanpa persetujuan orang itu. Jadi, saya ingin meminta penjelasan, bagaimana kita boleh mengambil darah dari orang itu kalau dia tidak setuju. Adakah kita kasi tidur dulu dia baru ambil darah dia ataupun bagaimana? Ini ada kaitan dengan hak asasi manusia juga dan inipun telah disentuh dalam perbicaraan di mahkamah yang berkaitan dengan kes bekas Timbalan Perdana Menteri. Orang tidur, diambil darah. Kalau begitulah caranya, Akta 33 membolehkan sampel darah diambil daripada mana-mana orang tanpa persetujuan orang itu.

Jadi, saya ingin bertanya, ini ada kaitan dengan hak asasi manusia dan harus diperingatkan di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, ada juga jenis-jenis agama di mana barangkali mereka dari kepercayaan itu tidak membolehkan mereka memberi darah tanpa kebenaran. Jadi, ini satu perkara yang perlu diberi perhatian yang lebih serius. Saya ingin bertanya, apakah cara kementerian mengambil darah daripada mereka yang tidak setuju darahnya diambil.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya satu perkara lagi yang saya ingin sentuh di sini ialah di bawah Fasal 19(a) dan juga di (b)(2) dan seterusnya 19(f) ini iaitu memberi kuasa kepada JPJ untuk memindahkan kereta yang rosak ataupun terbengkalai di tepi jalan. Pihak kita menyokong penuh peruntukan ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana keadaan ini sebenarnya sudah berleluasa dan kita hairan bahawa baru kali ini dimasukkan di dalam akta. Seharusnya dari dahulu telah pun diketahui bahawa inilah yang serius kerana ia khususnya di jalan-jalan yang tidak ada lampu, yang gelap, ada lori yang rosak, terbengkalai di sana, satu, dua malam dan nampaknya pada masa yang lampau tidak ada kuasa mana-mana pihak untuk memindah dan kita berharap bahawa pihak penguatkuasa akan mengambil tindakan yang wajib bukan dua, tiga hari selepas aduan dibuat, baru mahu mengambil tindakan. Jalan-jalan raya seperti di pedalaman Sabah dan Sarawak bahkan di kawasan Setiawan pun saya pernah ternampak juga kereta, lori di tepi jalan di mana tidak ada street lights, hanya kayu ataupun rumput ataupun dahan kayu yang ditaruh di belakangnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong peruntukan ini dengan harapan bahawa pihak penguatkuasa akan mengambil tindakan yang tegas untuk memindah kereta-kereta yang rosak atau terbengkalai, yang tidak terjaga khususnya di tepi jalan-jalan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di Dewan ini ialah kenderaan komersial yang terpaksa tunggu dari pagi hingga petang di PUSPAKOM, seperti yang saya katakan tadi, untuk ujian dan saya telah sentuhkan tadi bahkan seringkali secara usaha peribadi membuat appointment dan kadang-kadang dua, tiga hari baru dapat appointment. Ada juga aduan mengatakan PUSPAKOM ditutup untuk makan tengah hari pada hari Jumaat dari jam 12.00 hingga 12.45 tengah hari, memang hari ibadah pada hari Jumaat tetapi dalam masa yang sama, pemandu-pemandu terpaksa menunggu giliran untuk memeriksa dari pagi hingga petang dan bukankah boleh diadakan satu giliran di mana mereka yang tidak beribadah pada hari Jumaat diberi tugas supaya pelanggan, we are talking about, dengan izin, ISO 9000 dan this is a kind of masalah yang dihadapi which is the basic, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa bukan susah untuk diurus demi untuk kebaikan semua pihak.

Jadi, memandangkan Yang Berhormat dari Jelevu sudah mengambil masa yang panjang, ada lagi yang mahu berucap, saya sekadar membentangkan sebagai buah fikiran dan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teluk Intan.

4.42 ptg.

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Terima kasih, Tuan Speaker, rang undang-undang ini saya rasa berhajat untuk membawa satu perubahan dalam masalah kemalangan di negara ini. Tetapi dengan menambah sentencing yang dicadangkan dan denda-denda, adakah ia dapat menyelesaikan semua perkara yang diingini? Kalau kita meneliti dengan baik, saya berpendapat dan jika kita melihat dalam Internet dari Amerika dan sebagainya bukan semestinya oleh kerana denda-denda dan pemandu-pemandu yang bersalah dipenjarakan maka kemalangan boleh dikurangkan. Yang kita perlu peka adalah bahawa beberapa sistem di seluruh dunia, apa yang dicadangkan oleh kerajaan telah pun dicuba. Nampaknya dalam realiti perkara ini tidak dapat dicapai.

Saya rasa yang mustahak adalah apakah sebab kemalangan berlaku, yang itu kita perlu analisa. Kalau kita melihat kemalangan adalah nombor satu di Malaysia, ini kerana kereta-kereta yang telah diregister 40 tahun, 50 tahun dahulu masih dibenarkan berada di jalan raya. Bukankah ini salah satu sebab kemalangan berlaku kerana pihak kerajaan tidak memestikan bahawa kenderaan-kenderaan ini perlu diperiksa oleh JPJ setiap enam bulan atau setiap setahun. Kalau kita melihat di New Zealand, Australia dan negara-negara Barat, semua kenderaan bukan sahaja komersial seperti yang diperlukan di negara ini, semua kenderaan diwajibkan diperiksa supaya kenderaan itu adalah fit to be on the road. Apakah sebab ianya tidak dilaksanakan di negara ini, bukankah sudah tiba masanya dan kita ada pegawai-pegawai yang mencukupi untuk memastikan supaya kereta-kereta yang tidak layak, unfit to be on the road, tidak sepatutnya berada di jalan raya.

Di Singapura kalau kita tengok, sesebuah kereta yang telah melebihi sepuluh tahun tidak dibenarkan berada di jalan raya. Kenapa perkara sebegini tidak dilaksanakan di negara ini kerana saya rasa kalau kita mengambil tindakan sedemikian akan dapat mengurangkan kemalangan.

Yang kedua pendapat saya, apakah telah terjadi kepada sistem defensive driving yang banyak diperkatakan tidak berapa lama dahulu. Apakah ia tidak diimplementasikan dan diwajibkan kepada pemandu kenderaan dan apakah yang telah dibuat mengenai perkara ini. Apakah sebab kita hanya ada sistem, di mana apabila seseorang telah diberikan lesen, beliau hanya perlu memperbaharunya setiap tahun sahaja tetapi tidak perlu pada setiap sepuluh tahun atau setiap dua puluh tahun mengadakan sekali lagi pemeriksaan supaya mereka benar-benar berkualifikasi untuk memandu kenderaan.

Di negara ini tidak ada sistem di mana medical check-up dibuat kepada pihak-pihak yang mempunyai lesen memandu kenderaan di jalan raya. Apakah sebab ianya berlaku dan banyak kemalangan berlaku adalah orang-orang yang tidak patut, dibenarkan memandu kenderaan. Ada juga pihak-pihak yang mentally unfit yang memandu kenderaan di mana mereka telah ada lesen kenderaan. Kita juga tahu bahawa banyak jalan raya di negara kita bukanlah driver friendly. Dua jalan raya utama di mana ramai orang terbunuh adalah di antara Tanjong Malim ke Ipoh dan Ipoh ke Lumut. Kalau kita melihat jalan raya yang lama tidak di"up-grade"kan di mana selekoh-selekohnya sangat teruk.

Baru-baru ini, jalan baru yang dibuat di antara Ipoh ke Lumut, banyak berlakunya kemalangan, tak habis-habis. Ramai orang terbunuh dan perlu disiasat bukan sahaja kerana kekurangan pakar-pakar. Saya bukan hendak mengatakan sedemikian tetapi kenapa kita tidak ingin memanggil orang yang lebih berpengalaman dalam perkara ini. Satu di antaranya adalah yang merugikan semua ini adalah pihak insurans, mengapa tidak

pegawai-pegawai atasan insurans atau syarikat insurans memberi pendapat mereka bagaimana kita dapat mengelak atau mengurangkan kemalangan. Adakah kerajaan pernah memanggil pihak-pihak yang memberi insurans supaya memberi pendapat sedemikian.

Tuan Speaker, selain daripada itu kita tahu kerajaan sendiri telah mengaku bahawa setiap kemalangan di mana seorang terbunuh, kita kehilangan RM750,000 untuk setiap seorang terbunuh akibat kemalangan. Tetapi dalam realitinya kalau kita tengok, tahun lalu beberapa orang yang telah meninggal dunia dan akibat kematian ini berjumlah lebih daripada RM2 bilion. Bagaimana kita dapat mengelak perkara sebegini? Kerajaan sendiri mengaku oleh kerana kemalangan dan kehilangan satu nyawa kita kerugian RM750,000 setiap seorang.

Jadi, apakah yang dibuat oleh kerajaan, hanya boleh mengatakan akibat kemalangan seorang meninggal dunia dan jumlah kerugian, tidak menyelesaikan perkara ini kerana saya rasa kerajaan perlu memperketatkan lagi sistem insurans di negara ini. Saya tahu beberapa seksyen di sini yang ingin dipinda, kalau diteliti tidak dinyatakan apa-apa mengenai insurans tetapi kita semua tahu insurans 'terbang' banyak dijual dan boleh diperolehi di JPJ.

Saya rasa di mana fraudulent insurance, dengan izin, sangat mudah diperolehi di JPJ. Boleh dikatakan walaupun kita ada on-line system bagaimana perkara begini boleh terjadi dan untuk mengelak kemalangan. Apakah sistem di mana kita dapat mengurangkan kenderaan berada di jalan raya. Kerajaan tidak boleh menafikan bahawa setiap hari, setiap jam, satu atau dua orang meninggal dunia akibat daripada kemalangan. Setiap hari lebih beratus-ratus kenderaan didaftarkan. Bolehkah dengan mengetatkan undang-undang atau membawa undang-undang yang lebih punitive, bolehkah ia menyelesaikan perkara ini? Tidak boleh, saya kata. Tidak boleh, mustahil. Tetapi apakah cara yang kita perlu cari supaya dapat mengatasi kemalangan yang kerap kali berlaku di Malaysia ini. Dikatakan Malaysia adalah salah satu di antara negara di dunia di mana kemalangan maut adalah yang teruk sekali.

Kalau kita tengok bahawa sistem alternative transport adalah tidak baik. Yang kita ada, dengan izin, we don't have a cheap, efficient and reliable transport system. Oleh kerana itu, ramai rakyat Malaysia rasa mereka perlu ada kenderaan motosikal, kereta atau lain-lain jenis. Ini sangat menggalakkan mereka untuk memperolehi kenderaan sendiri. Tetapi di luar negeri, tengok di Singapore, di Australia, di New Zealand, di England, bukan semua keluarga ada kenderaan sendiri. Mengapa mereka lebih suka menggunakan kenderaan alternative transport system? Kerana sistem alternative transport sangat baik, ikut tepat pada masa, sangat murah dan boleh dipercayai.

Tengoklah sistem bas kita, sistem KTM kita yang selalunya tidak memberi satu sistem yang baik yang dapat diterima oleh rakyat di mana kita tidak boleh percaya sistemnya yang tidak ikut masa atau jadual atau terlampau banyak penumpang dari yang dikatakan, ada bas-bas yang sepatutnya dari Ipoh ke Kuala Lumpur menggunakan highway tetapi menggunakan jalan lama, bersingkah-singkah di jalan atau kereta api kita tidak ikut jadual. Semua ini adalah faktor yang menyebabkan orang ramai membeli kenderaan mereka sendiri. Dan apakah yang dicadangkan oleh Menteri Pengangkutan? Tidak lama dahulu, beliau mengatakan satu di antaranya ialah mengurangkan parking space di Kuala Lumpur. Adakah ini satu cadangan yang boleh mengatasi masalah yang kita ada? Satu cadangan yang tidak realistik langsung.

Kita perlu tahu yang kita tidak boleh menangani bahawa setiap hari, setiap bulan, setiap tahun, kenderaan jalan raya mesti bertambah. Untuk mengatasi masalah ini supaya kurang pollution, kurang kemalangan, yang sedemikian hanya dengan alternative, dengan izin, good public transport, kita dapat menyelesaikan atau mengurangkan kemalangan maut dan kemalangan generally. Kalau kita tengok kemalangan maut di negara ini, apakah dan

dimanakah standard investigation oleh pihak polis? Walaupun ini bukan bidang kuasa Yang Berhormat tetapi kalau kita tengok undang-undang, kerap kali mengatakan bahawa hanya inspektor dapat menyiasat kes-kes kemalangan maut.

Saya katakan ini adalah satu perkara yang mustahak. Kalau saya merujuk kepada rang undang-undang, kepada seksyen yang banyak telah disentuh oleh Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini iaitu Seksyen 41(5) yang memberi kuasa bahawa bila seseorang yang terlibat dalam kes kemalangan maut, ia dituduh, maka mahkamah akan menarik balik lesen pemandu ini. Tuan Speaker sendiri tahu, sebagai hakim, bahawa sesuatu kes di Malaysia bukan boleh diselesaikan dalam masa tiga bulan, lima bulan, sepuluh bulan. Saya sendiri pernah dengan pengetahuan saya, ada kes yang sembilan tahun belum diselesaikan. Bila dibebaskan, DNA, dibebaskan dari mahkamah, selepas itu pula caj lagi sekali, adakah mereka ini tidak dibenarkan membawa kenderaan?

Di manakah skop kepada mahkamah supaya discretion dapat diberi kepada hakim-hakim untuk membuat keputusan. Dan yang mustahak sekali, pada pengetahuan saya sendiri, Tuan Speaker, siapakah yang membawa pertuduhan ini, caj ke mahkamah? Bukan peguam-peguam. Pihak pegawai penyiasat, pegawai penyiasat adalah seorang selalunya inspektor sahaja yang tidak ada banyak pengalaman undang-undang. Mereka diberi satu kuasa untuk menentukan adakah satu kesalahan telah dibuat atau tidak dan selepas itu membawa dia ke mahkamah dan pertuduhan dibuat.

Dan pegawai-pegawai ini, pegawai inspektor dan sebagainya, boleh menentukan bidang kuasanya, discretion, siapa yang mahu dituduh, siapa yang tidak mahu dituduh, walaupun dia tidak ada kualifikasi undang-undang kerana kerap kali kes-kes di bawah Seksyen 41 adalah dalam bidang kuasa pihak polis sahaja. Selalunya bukan satu keputusan dibuat oleh Peguam Negara atau DPP dan adakah kita akan membenarkan satu situasi di mana inspektor-inspektor yang tidak ada kualifikasi undang-undang atau pengalaman.

Baru-baru ini, di seluruh Malaysia, kita tengok kerap kali inspektor-inspektor ditukar, dipindah atau diarah untuk menjalankan kes-kes trafik di mana mereka tidak cukup pengalaman. Adakah kita akan membenarkan mereka menjalankan investigasi ini dan selepas itu membuat satu keputusan membawa mereka ke mahkamah dan menuduh mereka. Satu kuasa yang saya rasa adalah terlampau diberi kepada mereka. Saya rasa perkara seperti ini, satu penelitian yang penuh perlu dibuat. Oleh kerana Barisan Nasional ada lebih daripada 2/3 di dalam Dewan yang mulia ini, maka sudah semestinya undang-undang ini akan diluluskan hari ini tetapi bolehkah satu tindakan diambil supaya DPP atau Peguam Negara akan mengendalikan kes-kes seperti ini supaya mereka lebih arif, lebih berpengalaman dalam membuat keputusan sama ada hendak dibawa atau tidak ke mahkamah. Dan juga ruangan diberi kepada pihak-pihak yang dituduh supaya bukan semestinya lesen ini boleh ditarik balik sehingga perbincangan habis. Perbincangan bukan semestinya boleh habis seperti yang saya kata, dalam dua tahun, tiga tahun dan ada kes sembilan tahun. Bagaimana?

Dalam sistem ini, bagaimana kita akan benarkan perkara ini dilanjutkan dan adakah dalam kes-kes seperti ini, mana-mana arahan akan dibuat supaya seperti yang berlaku kes-kes di mana kakitangan kerajaan diberi keutamaan di mahkamah-mahkamah supaya kes-kes mereka dihabiskan, disegerakan. Adakah kes-kes seperti Seksyen 41, di mana lesen seseorang itu akan ditarik balik, adakah kes-kes mereka akan disegerakan? Sekurang-kurangnya adakah masa yang terhad, kerajaan dapat memberi akuan janji di dalam Dewan yang mulia ini supaya sesuatu kes ini akan didengar seberapa segera selepas kemalangan dan diputuskan.

Tuan Speaker, selain daripada itu, seperti yang dikatakan oleh kawan saya dari Tuaran, saya rasa kuasa majistret yang ingin ditinggikan, saya rasa itu adalah bertentangan dengan Federal Constitution dan saya harap ini akan dibaca dengan teliti dan saya rasa ia

bertentangan dan tidak boleh diguna pakai. Dan seksyen yang dikatakan adalah yang akan membawa Seksyen 87, Akta Mahkamah Rendah dan satu cadangan dibuat bahawa lebih kuasa daripada biasa diberi kepada pihak majistret untuk membuat keputusan. Saya rasa ini bertentangan dengan akta-akta yang sedia ada dan saya harap ia dapat dibawa seperti yang dihujahkan oleh kawan saya dari Tuaran dan saya harap kerajaan akan mengambil cadangan-cadangan saya dengan serius. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Kepong, ada seorang lagi.

**5.00 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya tidak akan mengambil masa panjang. Tuan Yang di-Pertua, kita berharap kemalangan jalan raya dapat dikurangkan dengan adanya akta seumpama ini. Maka segala pindaan ini yang boleh mencapai persetujuan memang dialu-alukan. Ini tidak bermakna supaya pindaan ini tidak menimbulkan keraguan. Semalam Yang Berhormat Bagan telah membangkitkan perkara vicarious liability, (liabiliti ke atas pemilik berdaftar kenderaan motor) yang terkandung dalam Seksyen 109. Saya tidak akan bincangkan hal ini, masa ini. Kementerian mestilah mengkaji dari masa ke semasa kesan seksyen ini. Walaupun dipinda ke atas pemilik berdaftar kenderaan bermotor agar keadilan bukan sahaja dilakukan, bahkan juga diperlihatkan sambil menyeru semua pihak bekerjasama untuk mengurangkan kemalangan. Kita berpendapat kementerian haruslah sentiasa berhati-hati terhadap kelemahan-kelemahan yang akan wujud. Tahun lepas berlakulah lebih 11,000 kes kemalangan dengan 339 orang yang mati dan pada lima bulan pertama tahun ini sahajalah terdapat lebih 12,000 kes dengan 176 orang maut.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak bangkitkan masalah status Putrajaya. Saya pernah bertanya mengenai status Putrajaya di dalam Dewan yang mulia ini tiga tahun yang lepas. Waktu itu saya telah diberitahu bahawa keadaan belum ditetapkan lagi. Sekarang pindaan diadakan untuk membolehkan Perbadanan Putrajaya menjalankan kuasa yang diberikan dan melaksanakan tugas-tugas yang dikenakan oleh Akta. Difahami bahawa Putrajaya adalah bandaraya berkembar pentadbiran Kuala Lumpur. Bukankah Putrajaya akan menjadi Wilayah Persekutuan juga? Kalau inilah akan dilaksanakan mengapa perbadanan Putrajaya masih dimasukkan ke dalam rang undang-undang ini?

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen-seksyen 41,42,43,44,45,45A,45B,45C serta 109 adalah menambahkan penalti bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen-seksyen itu dengan hukuman penjara selama tempoh 2 tahun hingga 10 tahun dan denda RM2,000 hingga RM500,000. Kita tidak tahu apakah keberkesanan hukuman atau penalti seumpama ini. Seksyen-seksyen 45D, 45F dan 45G menyentuh pengambilan sampel darah atau air kencing termasuk daripada mana-mana orang tanpa persetujuan orang itu. Saya berpendapat bahawa seksyen-seksyen ini adalah tidak mencukupi. Satu pindaan yang lebih terperinci mestilah diadakan. Kita faham bahawa jika seseorang yang terbabit dengan kemalangan itu bengkung atau mabuk, dia mungkin melakukan kekerasan. Bagi orang-orang seumpama ini keenganan memberi spesimen darah atau air kencing patutlah dijadikan satu kesalahan. Misalnya saya diberitahu bahawa di United Kingdom mereka mempunyai pindaan yang spesifik bagi orang-orang yang ganas seumpama ini dan ini merupakan satu kesalahan di dalam kes yang tertentu. Saya harap Yang Berhormat dapat mengkaji semula mengenai masalah pengambilan spesimen darah ataupun air kencing ini.

Saya hendak membangkitkan masalah kawalseliaan, penguatkuasaan akta dan kaedah untuk memproses saman bertulis. Ini ada kena mengena dengan pelbagai faktor termasuk kualiti anggota-anggota JPJ dan polis serta keberkesanan mahkamah.

Saya sering menghadapi masalah kerana penguatkuasaan yang timbulkan kecurangan, timbulkan kelemahan misalnya, tak berapa minit sahajalah Tuan Yang di-Pertua. Pada bulan Mac tahun lepas misalnya saya terima satu kes dan kes ini pun saya

kemungkinan kepada Kementerian Pengangkutan. Saman bertulis A 139228, lori WGB 967 Lee Lee Swee, 2344 Jinjang Utara. Encik Lee membeli sebuah lori baru pada bulan November tahun 1997. Kemudian pada suatu hari 7 Januari tahun lepas dengan lori yang kosong dia hendak memungut barang-barang, dia melepasi satu kawasan di Jinjang, dan di situ ada lima anggota JPJ yang sedang memeriksa. Dia pun dipaksa, disuruh berhenti dan saya pun tak tahulah apa yang berlaku. Mungkin dia ada tidak bersopan ataupun tidak apa-apa, mungkin kerana dia anggap lori yang baru dua tiga bulan sahaja macam mana ada asap hitam dan sebagainya, tidak ada, dan dia sengaja dilayan dengan tidak baik mungkin berpunca daripada dia juga saya pun tak tahu. Tetapi dia diberi tiga saman mengenai keluaran asap hitam, mengenai perkara-perkara yang lain dan dipaksa untuk itu memeriksa semula dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun tak tahu apa sebenarnya yang berlaku dengan kes ini. Pada 4 Februari tahun lepas dia terpaksa menghantar keretanya untuk diperiksa di Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Selangor. Larangan tersebut ditarik balik pada hari yang sama, nombor 881178 JPJ Selangor. Larangan itu ditarik balik kerana didapati di dalam pemeriksaan itu semua itu tak ada - asap hitam tetapi Tuan Yang di-Pertua dengan tiap-tiap tahun ada 2000 saman bertulis dan ada hampir 80,000 yang disenaraihitamkan, ada banyak disenaraihitamkan.

Encik Lee ini bila dia hendak membaharui lesen jalan dia tak boleh kerana nama dia disenaraihitamkan. Saya pun tak tahulah apakah masalahnya. Saya hantar masalah ini dengan dokumen-dokumen kepada kementerian dan tindakan diambil itu tak berkesan. Jadi, mereka di dalam kementerian tidak ambil tindakan, cuma dijawab kepada saya walaupun kenderaan yang baru ianya boleh keluar asap hitam. Saya tak tahu macam mana, mungkin yang dilulus oleh pihak kementerian itu tak begitu mengikut kriteria ataupun apa sahajalah.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, apabila sipemandu ini tidak dapat mendaftar atau membaharui lesen jalan, dia berjumpa saya dan saya pun hantar satu lagi surat kepada kementerian, tapi layanan itu tak baiklah, tak jawab dan sebagainya. Saya terpaksa berhubung dengan JPJ di Wangsa Maju dan mereka pun telefon saya, "Oh! baik-baik, panggil orang ini pergi". Saya pun panggil orang ini pergi, bila pergi dia beri notis bertulis supaya pergi ke mahkamah, dan orang ini pergi ke Mahkamah Majistret Jalan Raja pada 30 November tahun lepas dan juga pada 2 Disember tahun lepas, tetapi didapati tidak ada dokumen di mahkamah, 7A dan 7B. Saya pun hairan juga, saya minta seorang peguam kerana saya pun mampu juga ada kawan peguam, pergi ke situ dan didapati tidak ada dokumen bagi orang yang bersabit dengan kes ini. Saya sendiri pergi ke mahkamah untuk tengok apakah masalah di mahkamah ini? Dan didapati pegawai di dalam perkhidmatan legal officer, hampir 300 di seluruh negara sangat kurangnya sekarang. Mungkin koordinasi di antara JPJ dengan mahkamah tidak begitu baik dan dokumen-dokumen tidak dihantar.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa sekali lagi berhubung dengan JPJ Wangsa Maju untuk menyelesaikan masalah ini dan sebagainya. Ini satu kes sahaja dan saya boleh dikira mampu kerana saya boleh berhubung dengan orang, kawan peguam pun ada, bayangkanlah kalau orang biasa macam mana dia boleh menyelesaikan masalah seumpama ini walhal kenderaannya baru sahaja entah beberapa bulan tidak dapat diselesaikan, ini menjadi masalah. Apakah masalah ini, Tuan Yang di-Pertua. Bila saya bertemu dengan pemandu lori ataupun teksi dan sebagainya, mereka kata, "Kita bayar dahululah, tidak bayar kita susah". Kalau salah pun bayar, tidak salah pun bayar, bayar kepada siapa? Ini masalah, Tuan Yang di-Pertua, sebab mereka ini - Yang Berhormat dari Parit Sulong pun tidak tahulah ada pengalaman seumpama ini.

Saya sengaja bangkitkan kes ini supaya pihak kementerian dapat mengadakan satu pasukan kawal selia untuk mengawalseliakan masalah-masalah yang timbul semasa

penguatkuasaan pindaan-pindaan Akta Pengangkutan Jalan ini. Juga pihak kementerian mestilah mengkaji kaedah yang ada sekarang untuk semua pihak termasuk penyelarasan di antara pihak mahkamah, JPJ, anggota polis trafik dan juga mungkin kerana asap kenderaan dengan pihak kementerian atau Jabatan Alam Sekitar dan kaedah ini mestilah diperbaiki untuk memastikan semua penyelarasan itu boleh sampai ke satu tahap yang lebih sempurna dan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang ramai boleh dikurangkan.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat mengambil masa berapa lama akan jawab?

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]:** Banyak juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya?

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Banyak juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya?

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Perlu masa banyak juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Perlu masa yang panjang, ya.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Ya, setengah jam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, setengah jam. Saya minta Yang Berhormat jawab.....

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat. Ramai sangatlah yang sudah berucap ini, cukup. Ya, sila jawab.

**5.15 ptg.**

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbincang tentang Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1999. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi satu gambaran yang umum mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Pertama sekali, ada satu assumption ataupun satu pemikiran atau pendapat yang mengatakan bahawa rang undang-undang ini tidak dapat mengurangkan kemalangan yang berlaku di jalan raya oleh sebab ramai yang mengatakan bahawa kemalangan jalan raya ini disebabkan oleh pelbagai faktor yang lain termasuk jalan berlubang, kerbau dan macam-macam lagilah. Tetapi sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat daripada segi statistik yang diperolehi daripada Polis Diraja Malaysia, faktor utama yang menyebabkan kemalangan jalan raya ialah faktor manusia iaitu 94%, faktor kecacatan jalan raya yang dikatakan tadi jalan bengkok, jalan tidak betul daripada Teluk Intan ke mana ataupun macam-macam jalan lainlah, itu hanya 3% dan faktor mekanikal iaitu disebabkan oleh kereta rosak, brek tidak makan dan sebagainya 2%, dan faktor cuaca yang dibangkitkan tadi oleh beberapa orang oleh sebab hujan dan sebagainya ialah hanya 1%.

Jadi kalau kita lihat daripada angka ini maka faktor manusia itu ialah faktor utama yang menyebabkan kemalangan jalan raya. Jadi, kalau kita lihat balik perkara yang kita kemukakan ini ialah sebenarnya yang bersangkutan-paut dengan faktor kemanusiaan iaitu reckless driving, memandu secara mabuk, itu manusialah ataupun dia pandu dengan tidak betul, dia pandu dengan melulu dan sebagainya. Ini semua faktor manusia yang meliputi 94% daripada kemalangan yang berlaku dan kementerian tidak menyatakan di sini bahawa dengan adanya akta ini maka akan kuranglah kemalangan.

Kita mesti mendekati masalah kemalangan ini dalam cara multi prong ataupun secara pelbagai serampang, bukan maknanya dengan undang-undang sahaja kita boleh mengurangkan kemalangan. Banyak cara lain lagi kita boleh dapat mengurangkan kemalangan tetapi pendekatan kita ialah dengan cara pelbagai dan undang-undang itu adalah satu cara yang kita anggap yang penting, yang boleh mengurangkan kemalangan. Akhirnya yang penting dengan undang-undang ialah supaya undang-undang itu akhirnya akan menjadi budaya kita dengan penguatkuasaan undang-undang, penggunaan undang-undang dan kuat kuasa undang-undang itu, undang-undang akan menjadi budaya kita sebab kalau kita hendak mengharapkan penguatkuasaan sahaja tidak mungkin kita dapat melaksanakan apa-apa pun.

Kalau hanya dengan penguatkuasaan misalnya kalau kita langgar lampu trafik yang ada di tepi jalan, langgar lampu merah, maka tidak ada JPJ, tidak ada polis, lampu merah pun kita langgar, itu penguatkuasaan. Tetapi apa yang kita kehendaki ialah bila lampu merah, sama ada JPJ ada, polis ada, siapa ada atau tidak ada pun kita berhenti sebab undang-undang telah menjadikan kita sebagai tabii dan sikap kita, sebab itu kita adakan undang-undang. Undang-undang ini supaya akhirnya menjadi tabii dan menjadi sikap dan ditanam dalam sanubari kita, akhirnya ada penguatkuasa, ada polis, tidak ada polis, ada undang-undang, tidak ada undang-undang, kita akan menjalankannya dengan betul. Jadi itulah sebabnya kita mengadakan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya menjawabnya lebih spesifik lagi. Yang pertama sekali, Ahli Yang Berhormat dari Bagan yang membangkitkan perkara yang asas iaitu Seksyen 109 mengenai hukuman pemandu. Seperti yang dikatakan dalam perubahan nanti ialah tiga kesalahan pemandu yang sama dalam masa tiga tahun. Dan dibangkitkan juga bagaimana bila berlaku kesalahan di bawah Seksyen 41 dan juga Sseksyen 44, dia tarik balik lesen, sebenarnya ayat itu, prosedur dalam undang-undang ialah apabila kita katakan 'memerintah menarik balik segera lesen itu' ialah oleh sebab lesen ini diberi oleh kerajaan, dia mesti tarik balik kemudian barulah digantung.

Tetapi ini berlaku apabila ia dibawa hearing yang pertama di mahkamah, katalah misalnya dia accident hari ini, setahun lagi baru di bawah ke mahkamah, maka dalam setahun itu dia boleh bawalah. Lepas dia dihadapkan ke mahkamah, pertuduhan maka barulah lesen itu digantung ataupun ditarik balik, bukannya bila dia accident hari ini, besok ditarik balik lesennya, itu saya clearkan.

Begitulah perkara yang utama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan. Begitu juga mengenai dengan lumba haram ini yang dikatakan kenapa tidak ada undang-undang tentang lumba haram dan sebagainya. Perkara ini yang termasuk dalam apa yang kita anggap sebagai 'reckless driving' boleh 'cause death' atau tidak boleh 'cause death' dan juga pihak Polis Diraja Malaysia sedang termasuk dalam Kanun Jenayah (Penal Code) untuk mencegah kegiatan lumba haram ini.

Dan juga Ahli Yang Berhormat dari Bagan membangkitkan tentang lorong-lorong motosikal khas yang harus diadakan. Lorong-lorong motosikal khas ini, adalah menjadi dasar untuk lebu raya yang baru, jadi macam di Kulim/Butterworth itu yang baru, maka semuanya ada.

Dan juga mengenai jalan-jalan raya yang lain, yang ada kerosakan, yang bengkok-bengkok ini, memang Jabatan Kerja Raya, saya telah pernah lihat dan telah diberi taklimat ada road safety auditnya, maknanya dia melihat dan di mana harus dibetulkan, kemudian sebelum dibuat dan selepas dibuat, tentang mana ada bengkok-bengkoknya, di mana ada masalah corner yang tidak betul dan sebagainya.

Perkara yang juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan ialah mengenai minyak hitam ini. Perkara ini mungkin juga secara tidak langsung setelah saya dengar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong mungkin ada juga

terlibat sedikit sebanyak iaitu minyak hitam ini mungkin kadang-kadang minyak yang baru pun ada keluar asap hitam. Jadi sekarang, kita sedang melakukan satu kajian, kita meminta Jabatan Alam Sekitar membuat satu kajian bersama-sama dengan syarikat-syarikat pengeluar minyak petrol supaya .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju kalau kita kaji untuk memastikan semua minyak hitam itu adalah bertaraf kualiti tinggi tetapi yang saya maksudkan dengan kes yang telah saya sebutkan tadi itu ialah bukan pemeriksaan JPJ tidak lulus, dia lulus, dia baru pergi dia lulus semuanya, semua bersih tetapi macam mana dikenakan saman bertulis pula dan kemudian setelah dikenakan saman bertulis, dia balik kepada jabatan untuk diperiksa dan diluluskan semula. Inilah masalah, kalau diluluskan mengapa disenaraihitamkan dan dibawa ke mahkamah lagi?

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, itu kes yang spesifik. Kalau Ahli Yang Berhormat boleh beri secara detail kepada saya, saya akan lihat. Tetapi walau bagaimanapun, berkenaan dengan minyak hitam ini sedang dibuat kajian supaya kita melihat sama ada baru-baru ini ada kesannya ataupun bagaimana ukuran kebersihannya itu.

Begitu juga dengan beberapa Ahli Yang Berhormat telah juga membangkitkan tentang black box termasuklah Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, dari Jelebu, dari Bagan. Buat ketika ini kerajaan menangguhkan sekejap tentang black box ini. Ini oleh kerana pada ketika ini ekonomi kita menurun dan juga pendapatan bas-bas pelancong, bas-bas persiaran ini agak berkurangan dan menurun. Jadi, mereka telah meminta agar ini ditangguhkan sekejap. Jadi kita tangguhkan sekejap tetapi kita tetap akan memasangnya.

Saya ingin menyatakan juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelebu bahawa black box ini bukanlah se simple atau sesenang seperti yang dikatakan, memang betul-tulah kalau kita lari lebih dari 90 kilometer sejam ditetapkan maka apabila setiap enam bulan sekali bila dia hendak pergi ke PUSPAKOM, maka benda itu boleh di download ataupun bila-bila masa, dia boleh dipanggil maka dia boleh download, maka kita lihat hari ini 15 Julai pukul 2.00 petang - 1430 misalnya dia lari 100 k.s.j. Jadi, dia tidak boleh lari ke mana-mana sebab dalam black box itu telah keluar listnya ataupun 17 Jun pada pukul 7.00 malam dia lari 120 k.s.j., maka apabila di download dalam komputer kita itu, maka kita tahu hari apa, pukul berapa dia lari over shot ataupun lari lebih.

Tetapi kita tidak boleh menetapkan bahawa adakah kadang-kadang dia lari 50 k.s.j. pun kadang-kadang mungkin dia telah melanggar had laju, sebab mungkin had laju 30 k.s.j. tetapi dia lari 50 k.s.j. Jadi, there is nothing wrong, kita tidak boleh detect, sebab kita calibrate hanya pada 90 k.s.j., sebab itu katalah dia masuk dalam pekan had laju 30 k.s.j. tetapi dia lari 50 k.s.j. dia telah melanggar. Tetapi bila kita download, kita lihat bahawa dia lari 50 k.s.j. tetapi sebenarnya dia telah langgar 30 k.s.j. sebab kita punya calibration ialah 90 k.s.j. Jadi, taklah semudah seperti yang difikirkan oleh Yang Berhormat tadi itu.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar membangkitkan tentang kelab-kelab keselamatan jalan raya yang tidak aktif. Sebenarnya, sejak akhir-akhir ini kita telah memberi arahan kepada semua MKJR dan JPJ negeri supaya melibatkan diri dalam kelab-kelab apa yang dipanggil Unit Trafik Sekolah (UTS), semoga kanak-kanak ataupun budak-budak di sekolah dapat memahami jalan raya atau dapat memahami keselamatan jalan raya dan juga dapat ada kelab tentang trafik ini.

Kadang-kadang kanak-kanak ataupun murid-murid sekolah ini dia tidak masuk kelab trafik sekolah ini oleh kerana dia glamour tidak ada, dia masuk kadet dengan memakai uniform dan masuk polis, dia pakai uniform, dia masuk navy, dia masuk bomba semua, dia ada uniform, jadi yang ada glamour dia hendak masuk.

Jadi, trafik ini dia tidak mahu MKJR ini, jadi untuk menggalakkan mereka, kita pun sekarang ini diminta adakan uniform dan kita minta JPJ menjadi bapa angkatnya dan

MKJR jadi bapa angkat supaya dapat melatih mereka berkawad dan sebagainya supaya sekurang-kurangnya anak-anak ini memahami keselamatan jalan raya.

Sebab kalau kita menjadi polis ataupun askar sekali pun belum tentu akan ada perang, tetapi kalau dia masuk Unit Trafik Sekolah bila dia keluar daripada pagar sekolah itu, dia terlibat dalam trafik polis, dia terlibat dalam keselamatan jalan raya. Sebab itu kita ingin menggalakkan ini, walaupun tujuan kita sebenarnya kalau boleh dimasukkan dalam ekstra kurikulum ataupun kurikulum sekolah maka lebih baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta sambung besok.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**5.30 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### UCAPAN PENANGGUHAN

#### **Keadaan Sekolah-sekolah di Sebauh, Bintulu dan Niah, Miri, Sarawak**

**5.31 ptg.**

**Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Kementerian Pendidikan mengenai keadaan teruk bangunan sekolah serta bangunan asrama di SMK Sebauh Bintulu Sarawak dan SRK Kampung Iran, Niah district, Miri, Sarawak. Kebanyakan pelajar asrama tidur di atas lantai tanpa katil dan penuh sesak, jauh dari penginapan yang sempurna dan sesuai bagi para pelajar. Kemudahan-kemudahan yang ada mengingatkan seorang keadaan tidur di kem pelarian dan bukan dalam suasana tempat belajar. Selama bertahun-tahun para pelajar menderita dari suasana persekolahan sebenar. Bagaimana pula bangunan asrama musnah terbakar beberapa tahun lalu di SMK Sebauh, bilakah ia akan dibina semula dan digantikan dengan bangunan asrama yang lebih sempurna dan terbaik. Oleh kerana sekarang hanya ada sebuah asrama sementara dibina untuk kelas atasan manakala bakinya terpaksa tidur atas lantai bilik darjah. Bilik darjah pula terlalu sesak dengan pelajar seramai lebih kurang 43 orang dalam satu kelas di SMK Sebauh dan 30 pelajar dalam satu kelas kecil di SRK Kampung Iran di mana sehinggakan pelajar sukar untuk keluar masuk bilik darjah. Inilah masanya bahawa lebih banyak bilik darjah perlu dibina supaya bilik darjah tidak sesak dengan pelajar dan elok untuk persekitaran belajar terutama sekolah-sekolah luar bandar.

SRK Kampung Iran akan menghadapi satu kekurangan bilik darjah untuk pengambilan Darjah I pada tahun depan. Terdapat hanya tiga bilik darjah yang diduduki Darjah I, III dan V tahun ini dan di manakah bilik darjah ke empat untuk Darjah I yang akan diambil pada tahun depan. Beberapa minggu lalu satu blok bilik darjah di SMK Sebauh terbakar, bilik darjah terpaksa diwujudkan di mana-mana yang boleh, di makmal,

pusat sumber dan apa yang tiada ialah meja dan kerusi pula sangat berkurangan, kerana semua perabot dalam bilik darjah turut musnah terbakar. Sejak akhir-akhir ini kebakaran tercetus beberapa kali di SMK Sebauh mengakibatkan kerugian serius. Perlu juga ditanya apakah punca-punca dan sebab-sebabnya. Kebakaran memusnahkan tidak sahaja bilik asrama dan bilik darjah tetapi ancaman banjir yang terjadi pada awal tahun ini telah menyebabkan perabot-perabot musnah, meja bilik guru yang digunakan harian turut ditenggelami air dan perlu diganti dengan meja dan kerusi baru. Kebakaran dan banjir telah memusnahkan semangat sekolah, moral guru dan pelajar bertambah merosot. Guru-guru terpaksa mestilah bekerja keras untuk menarik mereka keluar dari masalah ini.

Kegemaran minum tuak dan merokok di kalangan pelajar memang serius, semua bangunan semakin uzur ia seperti hampir dilupakan. Sekolah ini sebetulnya memerlukan satu pemulihan baru. Saya tidak faham mengapa banyak sekolah luar bandar dibina di atas kawasan rendah yang mudah terdedah banjir. Kedua-dua sekolah seperti disebut tadi menghadapi ancaman banjir setiap tahun. Bila banjir bilik darjah terpaksa ditutup, sistem tali air perlu dibaiki semula supaya kawasan sekolah tidak mudah banjir dan situasi ini begitu kritikal di SMK Sebauh.

Sekian, terima kasih.

5.33 ptg.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Kementerian Pendidikan sentiasa peka dengan keadaan bagi sekolah-sekolah di seluruh negara. Sekolah kerajaan yang agak daif di Sarawak turut mendapat perhatian bagi projek pembaikan dan penyelenggaraan. Projek gantian SMK Sebauh, Bintulu telah diluluskan dalam kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Kementerian Pendidikan sedang berusaha untuk mencari tapak baru bagi projek gantian tersebut. Dengan terlaksanya projek gantian ini masalah kesesakan serta banjir yang sering melanda SMK Sebauh akan dapat diatasi.

Untuk makluman, SMK Sebauh telah mengalami lima peristiwa kebakaran antara tahun 1995 hingga 1999. Kebakaran ini telah memusnahkan tiga blok asrama lelaki iaitu blok asrama sementara yang diperbuat daripada kayu. Blok yang sedia ada tidak mencukupi untuk menampung semua penghuni yang berjumlah 1,110 orang. Bagi mengatasi kekurangan asrama, sebuah blok bilik darjah telah diubahsuai untuk dijadikan asrama lelaki untuk mengelakkan kesesakan katil tidak digunakan. Kelulusan juga telah diperolehi untuk membina sebuah asrama baru dan pihak kontraktor pusat telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakannya. Selain daripada projek gantian sekolah dan blok asrama SMK Sebauh, kementerian juga bercadang untuk membina projek gantian bagi SRK Kita. Memandangkan semua projek tersebut belum dapat dilaksanakan sepenuhnya maka jumlah sebenar peruntukan pembangunan belum dapat diketahui. Walau bagaimanapun setiap sekolah tersebut telah dihadkan kos pembaikan sehingga RM300,000 sebuah. Kos sebenar pembaikan setiap sekolah ditentukan selepas lawatan dan kajian pihak Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pendidikan dan kontraktor bagi meneliti jenis dan prioriti kerja pembaikan yang diperlukan.

Bagi Sekolah Kebangsaan Kampung Iran, Niah, Miri sekolah tersebut mempunyai sebuah blok asrama yang dibina secara gotong-royong dengan memuatkan maksimum 40 orang. Blok asrama ini dibahagi dua untuk memuatkan seramai 65 orang pelajar lelaki dan perempuan. Memandangkan blok ini dalam keadaan yang daif maka pihak pembangunan juga telah meluluskan projek gantian blok asrama, pembaikan dan penyelenggaraan di bawah kontraktor pusat. Dengan ini masalah sekolah tersebut diharap dapat di atasi.

Pada masa ini sekolah rendah di kawasan Bintulu adalah mencukupi, walau bagaimanapun untuk mengatasi kesesakan di sekolah menengah, Kementerian Pendidikan sedang merancang untuk membina sebuah sekolah baru bagi mengatasi masalah ini.

Dengan usaha-usaha dan perhatian yang telah diberikan Kementerian Pendidikan yakin bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah di Sebauh, Bintu dan Niah, Miri Sarawak akan dapat diatasi. Terima kasih.

### **Krisis Sekolah-sekolah Tamil**

**5.38 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Tuan Speaker, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SRJK(T)), yang menjadi tonggak utama untuk mempertahankan bahasa Tamil yang juga bertindak sebagai satu-satunya pendidikan asas kepada ramai rakyat India negara ini, kini sedang menghadapi permasalahan yang serius.

Sejak 20 tahun kebelakangan ini hampir 100 sekolah SRJK(T) telah ditutup di mana hanya lebih kurang 500 sekolah masih wujud sekarang berbanding lebih dari 700 buah pada tahun 70-an. Banyak lagi akan ditutup jika sebarang langkah positif tidak diambil untuk memastikan sekolah ini terus wujud dan berkembang.

Anggapan sesetengah ibu bapa bahawa anak mereka tidak ada masa depan yang cerah jika dihantar ke sekolah Tamil sebenarnya berpunca bukan kerana bahasa Tamil itu sendiri tetapi sekolah tersebut, infrastrukturnya yang serba kekurangan, sistem pendidikan dan pengajarannya, pengurusannya dan yang paling nyata sekali tindakan kerajaan yang menganaktirikan sekolah-sekolah Tamil ini.

Selain daripada itu, faktor kekurangan infrastrukturnya terutama sekolah yang mendapat bantuan separuh, menjadi faktor utama mengapa sekolah Tamil tidak menjadi pilihan utama ibu bapa ketika menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Di negara ini 60% daripada sekolah Tamil mendapat bantuan separuh dari kerajaan di mana kerajaan hanya membayar gaji guru dan sebagainya tetapi bukan kos untuk membina infrastruktur. Apa yang menyedihkan adalah hanya 50 ke 60 buah sekolah dari 514 buah sekolah Tamil dibina atas tanah kerajaan dan dibiayai sepenuhnya. Ini bermakna 60% lagi masih kekurangan dalam serba-serbi termasuk perpustakaan dan bilik sumber, bilik darjah, meja dan kerusi. Keadaan sekolah-sekolah di ladang dan estate pula adalah lebih membimbangkan di samping masalah infrastruktur yang kurang. Sekolah ini lebih terdedah dengan ancaman ditutup setelah ladang dan estate tersebut dijual dan pekerja ladang berpindah. Adalah tidak wajar sekolah-sekolah ini ditutup begitu sahaja, sebaliknya kerajaan perlu mendirikan semula sekolah tersebut di lokasi yang baharu dengan segala kelengkapan infrastruktur yang asas.

Masalah kekurangan guru, kekurangan kualiti pengajaran dan dedikasi guru, ketidakberkesanan persatuan ibu bapa dan guru-guru telah menjadi salah satu sebab lain mengapa sekolah-sekolah Tamil menghadapi permasalahan sebegini. Malah ramai guru besar sekolah-sekolah tersebut lebih arif dalam politik dari tugas sebenar mereka.

Akhir-akhir ini masalah disiplin dan jenayah banyak melibatkan remaja India. Satu kajian yang dijalankan oleh Persatuan Guru-guru Sekolah Tamil menunjukkan remaja di sekolah menengah yang cenderung melakukan kegiatan jenayah sebenarnya berasal dari sekolah kebangsaan dan bukan sekolah Tamil. Pendidikan di sekolah Tamil selalunya menitikberatkan nilai murni dan moral yang tinggi dan hormat kepada masyarakat dan ini juga menjadi alasan pendidikan Tamil ini perlu dikekalkan.

Sistem baru wawasan "3 in 1" yang diperkenalkan sebenarnya akan memburukkan lagi keadaan dan tidak menguntungkan sekolah-sekolah Tamil terutamanya dan dengan alasan itu, sistem ini harus dihentikan dengan segera. Sebaliknya kerajaan perlu menjadikan semua sekolah Tamil dan Cina yang berdaftar sebagai sekolah bantuan penuh supaya segala lapisan masyarakat mendapat pendidikan yang terbaik dan tidak menjadi

sampah masyarakat. Guru-guru, ibu bapa dan pemimpin-pemimpin perlu sedar tentang tanggungjawab dan bertindak segera sebelum masyarakat India negara ini terus terhimpit.

5.42 ptg.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari masih terdapat Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang masih dalam keadaan usang, namun begitu dalam penentuan peruntukan bagi sesebuah sekolah untuk pembangunan, kriteria utama yang digunakan adalah berdasarkan jenis sekolah tersebut.

Memandangkan jenis Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) dikategorikan sebagai sekolah bantuan kerajaan, di mana bangunan dan tanah atau tapak sekolah yang bukan dimiliki oleh kerajaan sebaliknya dimiliki oleh pihak-pihak lain seperti para mubaligh, pihak pengurusan ladang, tanah wakaf orang perseorangan, lembaga pengelola atau tapak milik kerajaan negeri maka pihak kerajaan tidak dapat menyalurkan bantuan penuh kepada sekolah-sekolah tersebut.

Sesuatu bantuan kewangan daripada pihak kementerian bagi sekolah-sekolah tersebut adalah mengikut keperluan sekolah yang diperakukan oleh Jawatankuasa Bantuan Modal. Antara syarat dikenakan adalah seperti berikut:-

- (i) Peruntukan kewangan pembangunan mestilah bertujuan untuk melaksanakan kerja-kerja yang berbentuk bangunan baru, tambahan, ubahsuai dan pembelian peralatan.
- (ii) Jumlah bantuan kewangan pembangunan yang diperuntukkan bagi satu-satu projek di sekolah-sekolah tertentu adalah berdasarkan kepada ringgit ke ringgit.
- (iii) Pihak sekolah perlu mengemukakan permohonan dengan mengemukakan cadangan ataupun skop projek melalui Jawatankuasa Bantuan Modal yang dipengerusikan oleh pengarah pendidikan negeri.

Berhubung isu kekurangan guru Bahasa Tamil di SJK(T), kementerian pendidikan masih mengalami kesulitan mendapatkan calon-calon yang berkelayakan mengikuti latihan perguruan di maktab-maktab perguruan walaupun beberapa kelonggaran telah diberikan, antaranya:-

- (i) melanggarkan syarat kelayakan minimum bagi bidang pengkhususan pengajian Tamil;
- (ii) semua calon yang memohon pengkhususan pengajian Tamil yang lulus ujian kelayakan perguruan dipanggil temuduga tanpa proses tapisan selanjutnya;
- (iii) semua calon yang didapati layak oleh Lembaga Temuduga ditawarkan kursus;
- (iv) membenarkan calon yang sedang menunggu keputusan peperiksaan SPM, SPMV dan SPVM memohon kursus diploma perguruan Malaysia dengan penyelarasan kelayakan akademik dibuat bersama dengan Lembaga Peperiksaan selepas keputusan peperiksaan diumumkan; dan
- (v) memindahkan calon dari pengkhususan lain ke pengkhususan pengajian Tamil dengan syarat, calon berkenaan mempunyai kelayakan bahasa Tamil dan calon bersetuju dengan pertukaran kursus.

Pada masa ini SJK(T) masih kekurangan 696 orang guru terlatih bahasa Tamil. Kementerian Pendidikan memberikan kelonggaran kepada sekolah-sekolah Tamil menggunakan khidmat guru kontrak dan guru sandaran bagi mengatasi masalah ini.

Menyentuh isu penglibatan pelajar-pelajar berketurunan India dalam kegiatan jenayah, langkah-langkah telah dan akan terus diambil oleh Kementerian Pendidikan bagi membendung pelajar-pelajar yang mengalami masalah disiplin. Di samping memperingatkan sekolah supaya mengambil tindakan tegas kepada pelajar-pelajar yang menimbulkan masalah disiplin, Kementerian Pendidikan akan terus menggalakkan penglibatan para pelajar dalam kegiatan sukan, kelab dan persatuan serta memperkukuhkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Kementerian Pendidikan amat mengharapkan penglibatan ibu bapa, pihak polis dan masyarakat setempat bagi memerangi kegiatan jenayah dari terus menular di kalangan pelajar.

Untuk makluman, tujuan utama pewujudan sistem baru wawasan "3 in 1" atau sekolah wawasan adalah untuk memberi peluang murid-murid dari pelbagai kaum berinteraksi antara satu sama lain. Selain itu sekolah-sekolah yang terlibat dalam sistem ini dapat berkongsi pengetahuan, pengalaman dan kemahiran supaya pencapaian akademik dan aktiviti ko-kurikulum dapat dipertingkatkan. Pewujudan sekolah wawasan dapat memupuk semangat perpaduan dan membina sahsiah murid yang lebih bertoleransi dan bersifat nasionalis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.47 petang.*